Bil. 41

Selasa
7 Ogos 2001

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) 2001 (Halaman 2)
Jawatankuasa:-
Jadual:-
Maksud B.28 dan B.29 (Halaman 79)

USUL-USUL:
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 2001 (Halaman 2)
Jawatankuasa:-
Maksud P.7 (Halaman 52)
Maksud P.26 (Halaman 59)
Maksud P.28 (Halaman 79)

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 86)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:
Perlunya Kajian Keciciran Pelajar di IPTA
– *Y.B. Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]* (Halaman 86)

Pendaulatan Bahasa Kebangsaan Sebagai Bahasa Ilmu dan Perpaduan
– *Y.B. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]* (Halaman 89)

Diterbit Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

" *Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)*

" Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

" *Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)*

Yang Berhormat	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

Yang Berhormat	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

Yang Berhormat	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)

Yang Berhormat	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK
Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 7 Ogos 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG PETUNJUK GEOGRAFI (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Petunjuk Geografi 2000; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2001) 2001

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL. 2) 2001

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah bahawa "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) 2001 dibaca kali yang kedua sekarang" dan " Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis;

> Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lapan ratus tujuh puluh juta tujuh ratus enam puluh ribu satu ratus ringgit (RM870,760,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 228 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; hendaklah disahkan" ***[6 Ogos 2001]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya meminta Yang Berhormat bagi Seputeh menyambung ucapan. Yang Berhormat Seputeh ada lagi lapan minit, sila.

10.05 pagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pihak polis telah menangkap kumpulan belia yang digelar sebagai kumpulan Black Metal baru-baru ini. Para remajanya dikatakan berminat dengan muzik Black Metal, ketagih dadah dan terlibat dalam kegiatan yang menyimpang daripada agama ataupun *supernatural* dan *occult*. Selepas itu terdapat laporan media yang menyatakan bahawa pihak polis mengadakan pemeriksaan mengejut terhadap sebuah sekolah menengah di Kedah untuk menyiasat sama ada pelajar-pelajar tersebut terlibat dalam aktiviti Black Metal. Pihak polis malah menyuruh pelajar-pelajar ini untuk menanggalkan baju untuk melihat sama ada mereka memakai baju hitam dan mempunyai tatu di tangan mereka. Ini termasuk pelajar perempuan yang memakai tudung dan baju sekolah Melayu.

Cara pemeriksaan polis ini adalah amat menghina terhadap pelajar dan kaum belia kita. Ini merupakan tindakan yang amat tidak munasabah. Sebenarnya apa salahnya bagi kaum belia kita untuk mendengar muzik Heavy Metal, Hip-Hop dan pakai T-shirt berwarna hitam. Bukankah ini merupakan kebebasan dan hak asasi seorang manusia untuk mendengar muzik dan memilih cara mereka menghiburkan diri. Apakah kumpulan belia yang suka muzik Black Metal ini dijadikan kambing hitam oleh pihak kerajaan dengan tujuan mengalihkan perhatian orang ramai daripada isu yang penting dan cabaran politik yang dihadapi oleh Barisan Nasional.

Selain itu, adalah amat tidak adil bagi kerajaan untuk mengaitkan kumpulan remaja yang berminat muzik Black Metal ini kepada aktiviti maksiat seperti seks bebas, minum arak dan sebagainya. Di negara kita terdapat ramai orang korporat termasuk

ahli politik seperti bekas Ketua Menteri Melaka yang melakukan maksiat tetapi mereka tidak diambil tindakan kerana kedudukan mereka di Barisan Nasional dan juga di masyarakat kita. Kerajaan haruslah faham bahawa sesetengah ahli kumpulan Black Metal yang melibatkan diri dalam aktiviti *occult* ini bukanlah kerana dipengaruhi oleh muzik Barat. Sebaliknya mereka ini dipengaruhi oleh ibu bapa dan ahli keluarga yang lebih tua daripada mereka yang selalu pergi mencari bomoh dan *medium* untuk menyelesaikan masalah. Kerana pengorbanan binatang yang dilakukan oleh kumpulan Black Metal memanglah perkara yang lazim dilakukan oleh bomoh.

Muzik Black Metal memang tidak mempunyai unsur yang menggalakkan peminatnya untuk mengadakan upacara pengorbanan binatang seperti ini. Saya ingin menyeru kerajaan supaya jangan mengambil sikap penentangan terhadap kaum belia, tetapi kerajaan seharusnya mengambil pendekatan yang bercorak *empathy* terhadap mereka. Kerajaan haruslah menjalankan kajian terhadap mereka dan cuba memahami masalah dan perasaan remaja kita terhadap sistem sosial, kongkongan agama, sistem pendidikan dan sebagainya. Di samping itu, pihak kerajaan juga seharusnya berdialog dengan para ahli Hip-Hop dan Heavy Metal dan juga wakil remaja yang berminat muzik jenis ini dan jangan menjalankan tindakan *witch-hunt* sewenang-wenangnya.

Sehubungan dengan itu, kerajaan juga harus membentangkan satu kertas putih di Parlimen mengenai penahanan kumpulan mujahidin Malaysia untuk menunjukkan dakwaan polis bahawa kumpulan agama militan tempatan ini berkaitan dengan pertubuhan pengganas antarabangsa merupakan satu tuduhan yang berasas. Sebenarnya alasan yang digunakan oleh pihak kerajaan terhadap penangkapan ahli politik pembangkang yang berturut-turut ini telah menjadi semakin susah dipercayai dan menjadikan bahan ketawa oleh orang ramai. Penahanan tersebut yang dijalankan selepas Suhakam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:...membentangkan laporan yang mencadangkan kerajaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Kuala Terengganu bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim:....supaya membenarkan perhimpunan awam dan mengadakan speker's corner baru-baru ini. Ini sekali lagi menunjukkan tindakan yang tidak menghormati hak asasi manusia dan juga Suhakam oleh pihak kerajaan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai tangkapan ISA beberapa hari yang lepas, nampaknya sekali lagi ISA telah pun digunakan oleh pihak kerajaan, kali ini beralasan apa yang mereka sebut sebagai Kumpulan Mujahidin Malaysia. Jadi, apakah Yang Berhormat menyedari bahawa begitu mudah dengan menggunakan ISA ini berbagai-bagai tuduhan boleh dikenakan ataupun dilaksanakan oleh pihak kerajaan, sebagai contohnya penangkapan ISA terhadap rakan-rakan dalam parti KeADILan dengan tuduhan mereka membeli senjata dan mempunyai mortar dan sebagainya tetapi kita telah pun menegaskan di dalam Parlimen yang mulia ini supaya pihak kerajaan memberi bukti dan sehingga sekarang tidak ada bukti daripada pihak kerajaan bahawa rakan-rakan daripada parti KeADILan telah membeli senjata-senjata berat untuk melakukan keganasan di negara. Jadi, inilah kebimbangan kita begitu mudah menggunakan ISA untuk mengalihpandangkan masalah-masalah yang sebenar yang berlaku di negara kita terutamanya di dalam kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional dan juga kredibiliti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang nampaknya ciri-ciri diktator yang ada pada beliau begitu jelas sekarang ini. Minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Sebenarnya seperti apa yang saya kata kegagalan kerajaan membentangkan kertas putih atas penahanan ISA sama ada terhadap rakan kita dari parti KeADILan dan juga PAS menunjukkan dakwaan yang dilemparkan oleh kerajaan terhadap mereka memang tidak mempunyai asas. Ini juga menunjukkan mereka ingin mengalih perhatian orang ramai dan cuba menunjukkan ini adalah satu usaha memburuk-burukkan parti pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, isu pemulihan pilihan raya kerajaan tempatan merupakan topik yang selalu dibangkitkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan ia juga telah banyak kali dibangkit oleh para Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tetapi ia langsung tidak dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Sistem perlantikan datuk bandar ataupun ketua majlis perbandaran dan juga ahli majlis perbandaran sekarang telah menyumbang kepada perkhidmatan yang bermutu rendah dan rasuah yang berleluasa sehingga penduduk mempunyai banyak sungutan terhadap perkhidmatan majlis perbandaran.

Kawasan Kuala Lumpur, perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang kurang memuaskan dan juga sistem DBKL yang tiada ahli majlis perbandaran telah pun menyebabkan ahli Parlimen kawasan Kuala Lumpur....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagi saya satu minit habiskan perenggan ini.....sentiasa memainkan peranan ahli majlis perbandaran sehingga pejabat kami menjadi cawangan kepada DBKL. Ini adalah amat tidak adil kepada para penduduk kawasan bandar yang membayar cukai pintu kepada DBKL dan juga wakil rakyat di kawasan Kuala Lumpur. Saya ingin membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan DBKL dalam perbahasan saya. Pertama ialah jawatan Ketua Pengarah DBKL telah kosong tanpa diisi sejak bulan Mei tahun lepas sehingga hari ini. Kekosongan jawatan ini menyebabkan tanggungjawab yang sepatutnya dipikul oleh Ketua Pengarah dialih kepada pegawai atasan DBKL yang lain sehingga beban kerja bertambah berat tanpa kenaikan gaji dan elaun. Ini adalah amat tidak adil kepada mereka. Kekosongan jawatan ketua Pengarah menyebabkan wakil rakyat Kuala Lumpur sentiasa terpaksa berjumpa dengan pegawai-pegawai kanan DBKL yang lain untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memandangkan Datuk Bandar, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai kanan yang lain mempunyai tanggungjawab masing-masing, jawatan Ketua Pengarah tersebut tidak boleh dikosongkan dengan begitu sahaja. Saya berharap Kerajaan Persekutuan mengisi jawatan Ketua Pengarah dengan secepat mungkin supaya pengurusan di DBKL boleh berjalan dengan lebih lancar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: PJ Utara.

10.15 pg.

Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.29, Butiran 021700 mengenai bayaran pindahan dan pemberian kepada pengurusan sisa pepejal oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih kerana terpaksa membangkitkan isu pengutipan sampah-sarap di Dewan yang mulia ini. Ini adalah kerana walaupun saya, pembantu saya dan penduduk-penduduk telah banyak membuat aduan mengenai masalah sampah-sarap khususnya sampah-sarap di pasar bagi Kampung Chempaka sama ada melalui telefon atau surat serta telah banyak kali mengaturkan lawatan ke tempat berkenaan bermesyuarat dengan MPPJ dan Alam Flora tetapi saya berasa amat sedih dan kecewa kerana masalah masih belum dapat diselesaikan dan saya masih selalu menerima aduan daripada penjaja dan penduduk. Pihak Alam Flora sering kali tidak mengutip sampah-sarap ikut jadual atau hanya mengutip sampah-sarap di dalam tong sampah tetapi tidak mempedulikan sampah-sarap di atas lantai walaupun hanya satu tayar lama atau sebuah kerusi lama sahaja. Mereka mendakwa bahawa sampah-sarap di luar tong sampah-sarap bukan tanggungjawab mereka, sebaliknya adalah tanggungjawab jabatan kesihatan MPPJ. Justeru itu, saya terpaksa sering kali menguruskan aduan daripada penjaja mahupun penduduk di Kampung Chempaka dan saya berasa kerja saya seumpamanya seorang ahli Parlimen yang menjaga masalah sampah-sarap.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali selepas cuti umum yang panjang para penghuni rumah di kawasan saya sering mengadu bahawa sampah-sarap tidak dikutip selama beberapa hari dan bertaburan di depan rumah dan alasan Alam Flora ialah

kekurangan kakitangan yang bertugas kerana ramai kakitangannya yang bercuti. Selain daripada itu, lori yang digunakan sering rosak dan setiap kali apabila sampah-sarap dipadatkan di atas lori cecair kotor akan mengalir ke atas jalan raya dan menyebabkan kawasan perumahan yang bersih menjadi kotor dan busuk. Tetapi Alam Flora selalu ada alasannya, mereka beritahu bahawa oleh kerana buat masa sekarang mereka masih dalam tempoh interim mereka menghadapi pelbagai masalah. Mereka bukanlah syarikat swasta yang sepenuhnya dan hanya terikat dengan MPPJ melalui perjanjian kontrak.

Wang yang diberi oleh MPPJ tidak cukup untuk membeli lori yang baru dan MPPJ juga tidak membenarkan mereka mengupah kontraktor yang baru untuk menguruskan kerja pungutan sampah. Justeru itu, kerosakan lori atau kenderaan yang mengangkut sampah-sarap bukanlah salah mereka dan masalah kontrak yang tidak baik juga bukanlah masalah Alam Flora.

Di samping itu, kerja pengutipan sampah-sarap juga tidak dijalankan di dalam taman padang rekreasi kerana pihak Alam Flora mendakwa itu bukanlah dalam lingkungan tugas mereka dan jika memerlukan perkhidmatan mereka bayaran perlu diberikan kepada mereka. Selain itu, longkang-longkang juga tidak dibersihkan mengikut waktu jadual terutamanya di kawasan pusat penjaja berkumpul seperti SS2, Pasar Sea Park atau Damansara Utama di mana kebanyakan longkangnya sama ada kotor, busuk atau tersumbat. Alam Flora seharusnya menentukan jadual supaya membersihkan longkang-longkang ikut jadual sama ada di kawasan perniagaan ataupun kawasan taman perumahan supaya masalah longkang tersumbat tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ramai penduduk yang membuat aduan ada memberitahu bahawa sebelum ini masalah tidak wujud apabila kerja pengutipan sampah-sarap dijalankan oleh pihak MPPJ sendiri. Jadi, kenapa keadaan sebaliknya wujud selepas Alam Flora mengambil alih tugas ini. Bilanya kontrakor yang digunakan oleh Alam Flora itu sama ada dengan kontraktor yang digunakan oleh MPPJ. Apakah sebabnya MPPJ sendiri tidak mengambil kembali tanggungjawab ini, sebaliknya memberi peluang kepada Alam Flora untuk mencari keuntungan tetapi tidak memperolehi hasil yang memuaskan.

Justeru itu, saya mencadangkan jabatan yang berkaitan seharusnya memastikan pihak Alam Flora memberi perkhidmatan yang memuaskan sebelum membayar sebarang bayaran kepada mereka. Bagi kontraktor yang tidak berprestasi baik saya berpendapat mereka patut disenaraihitamkan dan tidak akan digunakan buat selamanya. Tugas di antara MPPJ dengan Alam Flora patut dibahagikan dengan jelas supaya alasan seperti sampah-sarap dalam tong sampah adalah bidang tugas Alam Flora tetapi daripada tong adalah bidang tugas MPPJ tidak wujud lagi.

Seandainya keadaan tidak diperbaiki maka saya berpendapat bahawa kerajaan melalui pihak berkuasa tempatan harus mengambil kembali tugas dan tanggungjawab mengutip sampah sarap. Jika pada ketika ini kerja pengutipan dan pengendalian sampah sarap tidak diswastakan secara sepenuhnya, apakah sebab-musababnya kita supaya tidak menguruskannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan contoh-contoh yang saya huraikan tadi, akhir sekali saya ingin menekankan bahawa masalah kutipan dan .....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak, semalam saya menyebut iaitu surat janji yang ditandatangani oleh pihak syarikat-syarikat swasta sedemikian adalah berlandaskan pendapat pegawai-pegawai atasan dalam kementerian ataupun dalam kerajaan bahawa pemungutan sampah oleh syarikat-syarikat yang mendapat penswastaan ini tidak meliputi mengambil sampah merata-rata di jalan-jalan dan di padang dan sebagainya, macam mana Yang Berhormat sendiri sebut di dalam longkang dan sebagainya, ini nampaknya oleh kerana pegawai atasan itu tidak tahu macam mana mengurus local council tetapi dalam masa yang sama mereka tidak berbincang dengan pegawai-pegawai local council, macam mana mengendalikan masalah dan kerja mereka.

Jadi, nampaknya ada masalah perhubungan di antara local council dengan kerajaan semasa menandatangani surat janji sedemikian. Jadi macam mana pendapat

Yang Berhormat lain kali kalau ada perjanjian yang sedemikian, sepatutnya perbincangan di antara dua pihak ini mesti dipastikan dahulu. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Ya, saya amat bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan ini adalah masalah mengapa ia wujud dan kita haraplah kerajaan dapat merapatkan lagi hubungan di antara pejabat atasan dan kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan contoh-contoh yang saya huraikan tadi, akhir sekali saya ingin menekankan bahawa masalah kutipan dan pengendalian sampah sarap ini walaupun dipandang remeh oleh sesetengah pihak tetapi saya menganggap ia adalah penting kerana melibatkan semua kawasan dan rakyat dalam negara kita. Jika ia tidak dipandang berat oleh kementerian dan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab ke atasnya, maka saya percaya ia akan membawa padah kepada semua rakyat seterusnya menjejaskan imej negara kita sebagai sebuah negara yang busuk dan kotor. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

10.28 pagi

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan belanjawan tambahan ini.

Sebelum saya mulakan, saya ingin merakamkan kekesalan saya terhadap jawapan Timbalan Menteri Kewangan di atas persoalan berhubung penglibatan anak Perdana Menteri dan Syarikat Asset Avenue Sendirian Berhad yang mempunyai kepentingan dalam Phileo Allied Berhad yang mengambil alih Pos Malaysia baru-baru ini. Tuduhan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengatakan bahawa saya memfitnah anak Perdana Menteri mempunyai kepentingan dalam Asset Avenue Sendirian Berhad adalah tidak berasas sama sekali.

Saya ingin bertanya, bilakah Phileo Allied Berhad membuat tawaran untuk membeli Pos Malaysia Berhad, adakah ia dibuat sebelum anak Perdana Menteri mengumumkan beliau bersara dalam dunia korporat atau selepas itu. Anak Perdana Menteri mengumumkan bahawa beliau bersara daripada dunia korporat pada pertengahan bulan April dan pembelian Pos Malaysia oleh Phileo Allied ialah pada pertengahan bulan Mei, apakah dalam masa tidak sampai satu bulan kerajaan boleh membuat keputusan untuk menjual Pos Malaysia kepada Phileo Allied? Apakah kerajaan tidak menilai kepatutan Pos Malaysia dijual kepada organisasi perniagaan lain, seperti Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan lain-lain institusi di mana orang awam mempunyai kepentingan? Apakah hanya Phileo Allied sahaja yang mempunyai cash flow untuk membeli Pos Malaysia? Apakah Tabung Haji, PNB, LTAT tidak mempunyai cash flow yang diperlukan untuk mengambil alih Pos Malaysia? Saya minta penjelasan yang adil dan benar.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Malaysia mengeluarkan bon daulah sepuluh tahun bernilai ASD750 juta bersamaan lebih kurang RM3 bilion. Kadar harga yang ditawarkan ialah dengan izin, 228 basis point, over US Treasury Bills atau pada kadar pulangan 7.7% untuk membiayai projek-projek kerajaan. Itu yang diberitahu oleh Perdana Menteri kita.

Berdasarkan bon tempatan untuk sepuluh tahun yang dikeluarkan pada Jun 2000 dan matang pada tahun 2009, kadar pulangannya atau yield hanya 4.3% sahaja ke atas bon Kerajaan Malaysia. Dianggarkan bon tempatan kalau dikeluarkan sekarang, mempunyai kadar pulangan atau yield lebih kurang 4.5% hingga 5% sahaja. Ini adalah satu tanda tanya besar kerana sekiranya kerajaan bercadang membiayai projek-projek kerajaan, kenapa tidak mengeluarkan bon tempatan yang lebih murah. Ini juga menjadi satu tamparan yang besar, bon Kerajaan Malaysia mempunyai rating yang lebih rendah daripada sebuah syarikat daripada Malaysia iaitu Petronas. Adakah ini membuktikan bahawa tahap keyakinan pelabur-pelabur luar begitu rendah terhadap pengurusan ekonomi negara atau memang keadaan ekonomi negara dalam keadaan yang parah.

Sila nyatakan, apakah projek-projek yang akan dibiayai daripada proceed dengan izin, pengeluaran bon ini. Apa rating agensi, rating tempatan terhadap bon-

bon yang dikeluarkan oleh kerajaan sekarang kerana difahamkan Standard and Poors memberi rating yang cukup rendah terhadap bon keluaran Malaysia sekarang ini.

Baru-baru ini Kerajaan Amerika Syarikat tidak membenarkan Petronas raise their fund ataupun dengan izin, di pasaran kewangan mereka. Apa implikasi daripada tindakan ini terhadap Petronas dan negara di mana Petronas akan raise fund, dengan izin, daripada kumpulan kewangannya sekiranya diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menswastakan penyelenggaraan dan pembinaan jalan-jalan raya kepada tiga buah syarikat iaitu Road Care Sendirian Berhad, Wangsa Melati Sendirian Berhad dan Selia Senegara Sendirian Berhad. Perlu diingatkan bahawa kerja-kerja menyelenggarakan jalan raya bukan sahaja dibuat oleh JKR tetapi juga oleh penguat kuasa tempatan. Banyak kerja yang dilaksanakan oleh Majlis Tempatan telah over lapping dengan kerja-kerja syarikat tersebut di atas tetapi tuntutan-tuntutan dibuat oleh tiga buah syarikat-syarikat ini terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh penguasa tempatan.

Bagaimana tanggungjawab ini dapat diasingkan dan siapa yang akan dapat bayarannya sekiranya berlaku over lapping sedemikian. Yang membimbangkan kita ialah syarikat-syarikat ini boleh membuat tuntutan terus dengan Kementerian Kerja Raya tanpa perlu pengesahan daripada JKR tempatan. Sekiranya JKR tempatan tidak mengesahkan tuntutan mereka lebih dari 30 hari, apa yang perlu syarikat ini hanya memberi surat sumpah sahaja bahawa mereka mengerjakan kerja-kerja mereka, yang mungkin tidak dikerjakan dan ini memberi ruang untuk penyelewengan berlaku oleh syarikat-syarikat ini.

Hasil daripada penswastaan penyelenggaraan jalan raya ini, beribu-ribu kontraktor kelas D dan F kehilangan kerja. Saya hendak bertanya, berapa yang terlibat sebelum kerja-kerja ini diswastakan dan berapa yang terlibat selepas kerja-kerja ini diswastakan. Apa jaminan kerajaan bahawa penswastaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya ini tidak mengalami nasib yang sama seperti Indah Water Konsortium, MAS, UEM, Renong dan sebagainya. Sekiranya berlaku, siapa yang bertanggungjawab.

Dengan penswastaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya, maka kerja-kerja di JKR will be under utilize, dengan izin, tetapi kenapa projek-projek management terus diswastakan seperti kepada Syarikat Umiros dan sebagainya. Apa justifikasi penswastaan tersebut terus dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, peletakan jawatan Menteri Kewangan merupakan satu event yang besar bagi sesebuah negara. Pelbagai tanggapan telah dibuat oleh masyarakat mengenai peletakan jawatan Yang Berhormat bagi Merbok sebagai Menteri Kewangan. Di kalangan dunia korporat, peletakan jawatan tersebut mempunyai hubung kait dengan rancangan kerajaan untuk menyelamatkan syarikat Kumpulan UEM-Renong yang dibebankan dengan hutang yang begitu besar. Syarikat ini dahulu merupakan the darling of the Prime Minister and UMNO, dengan izin, dan perlu dicontohi dan dibanggakan oleh orang Melayu.

Setiap kali apabila persidangan UMNO berlangsung, maka dengan gah Presiden UMNO atau Bendahari UMNO akan memberitahu projek kerajaan disalurkan kepada syarikat-syarikat seperti ini untuk kepentingan UMNO dan bangsa Melayu. Orang Melayu tidak perlu mempersoalkan kegiatan-kegiatan syarikat ini kerana ia dibuat semata-mata untuk kepentingan mereka. Atas dasar ini, orang Melayu menyerah bulat-bulat kepada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kemaman, Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, ya, terima kasih. Yang Berhormat sedia maklum bahawa Yang Berhormat menuduh kalau ada projek itu, itu adalah UMNO, tidak baik itu. Apa jadi dengan PAS, kalau PAS memerintah Kelantan, PAS memerintah Terengganu, apakah projek yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Negeri Terengganu, tidak pernah PAS kata dia tidak ada, bohong kalau cakap tidak ada.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Halim Saad yang mengatakan bahawa syarikat-syarikat tersebut bukan kepunyaan beliau. Ini adalah kepunyaan UMNO dan ia hanya proksi kepada UMNO, ini kenyataan yang dikeluarkan oleh Halim Saad.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini betulkah ini?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap ya. Atas dasar ini, orang Melayu menyerah bulat-bulat kepada UMNO, kepimpinan UMNO untuk menerajui kerajaan untuk mengolah kepentingan perniagaan mereka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6). Menuduh..., kami ini Ahli UMNO. Menuduh bahawa kami-kami di sini mempunyai ..... ini oleh kerana politik yang murah, ...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Bacalah .....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: ..... mengapa tidak tuju kepada dasar, bukan tuduhan yang spesifik ....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: 36(6) tidak boleh tuduh kepada Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini tuduhan kononnya yang itu UMNO punya kenyataan ada buktikah?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ini kenyataan Halim Saad.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada buktikah? Keluarkan kenyataan, itu satu tuduhan. Keluarkan satu kenyataan bertulis, ini adilkah, kata satu parti yang adil .....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Peraturan-peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak boleh tuduh Ahli .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kata satu parti yang adil kepada semua, ini parti yang tidak adil ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hanya berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mereka yang mempunyai pegangan sebagai proksi-proksi ini. Atas slogan Melayu boleh, maka syarikat-syarikat yang dikuasai oleh ....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi, ini tuduhan, ini maknanya Tumpat tahu, dia RKD, dahulu dia rapat dengan, saya malas kata rapat dengan siapalah, dia tahu ini semua .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini mungkin Tumpat yang beri suruh baca ucapan yang disediakan oleh Tumpat ini. Tumpat lebih tahu tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya ingat saya tidak perlu sesiapa buat ucapan untuk saya, saya boleh buat sendiri sahajalah. Okay.

Atas slogan Melayu boleh maka syarikat-syarikat yang dikuasai oleh tokoh-tokoh pilihan UMNO diberi pelbagai projek kemudahan kontrak dan konsesi tanpa had sehingga membelakangi dan mengabaikan usahawan-usahawan Melayu yang lain, yang tidak dipilih. Kepercayaan orang Melayu terhadap kejujuran kepimpinan UMNO menjaga kepentingan mereka hari ini berkecai kerana mereka sudah sedar bahawa selama ini mereka dikhianati oleh pemimpin-pemimpin mereka sendiri.

Syarikat-syarikat ini rupa-rupanya bukan kepunyaan UMNO tetapi .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Give me time, I will give you time, let me finish, okay.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak faham bahasa Inggeris, tolong bercakap bahasa Malaysia.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya habiskan ini, ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, itu saya faham, sebab kita bimbang, dia kata dia orang Melayu, itu sebab saya cakap, sila bercakap bahasa Melayu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Syarikat-syarikat ini rupa-rupanya bukan kepunyaan UMNO tetapi dikuasai sepenuhnya oleh Presiden dan Bendahari UMNO yang menggunakannya dengan sewenang-wenang untuk memperkaya peribadi, keluarga dan sanak saudara dan kroni mereka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuduhan yang liar, apa buktinya ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sabarlah!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini 36(6), ini tuduhan, kalau hendak bercakap dalam Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua, mesti ada dengan kenyataan, saya boleh tuduh juga di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat, Yang Berhormat mana satu UMNO, nanti siapa yang hendak jawab.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tak apalah, okay .....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bercakap, tidak ada bukti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada masalah yang sedang dibincangkan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada bukti, macam Tumpat dahulu, dia banyak syarikat-syarikat besar, saya tidak boleh tuduh kata Tumpat itu mewakili itu ini, itu hak Tumpat sendiri, saya tidak boleh mengatakan apa-apa.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Kekayaan yang mereka ....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cakap atas prinsip, kata saya tuduh, itu hak saya, menuduh saya dengan tidak ada bukti, kami semua di sini. Adakah ini adil .....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ..... kekayaan yang mereka perolehi saya minta jangan saya dikacaulah. Kekayaan yang mereka perolehi digunakan untuk memperkukuh kuasa mereka dan mendera sesiapa sahaja yang mencabar kekuasaan mereka dengan pelbagai cara tanpa peri kemanusiaan, termasuk memfitnah, memenjarakan, memecat dan meng' cold storage 'kan lawan-lawan mereka.

Apabila orang Melayu mengamuk dan mengalih sokongan mereka kepada barisan alternatif kerana dikhianati oleh pemimpin-pemimpin mereka, maka mereka dihina dengan kata-kata nista, Melayu tidak bersyukur dan tidak berterima kasih dan Melayu mudah lupa. Apakah layak orang Melayu dihina sedemikian. Apakah mereka tidak boleh mempersoalkan pengkhianatan terhadap mereka. Mereka sudah memberi kepercayaan kepada UMNO selama 44 tahun untuk memerintah negara ini. Mereka tidak pernah mempersoalkan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan tetapi mempersoalkan pelaksanaan projek-projek ini.

Penswastaan yang dijanjikan akan menguntungkan kerajaan dan rakyat hari ini menjadi impian ngeri negara dan bahan ketawa dunia luar. Konsesi penswastaan Lebuhraya Utara Selatan kepada Kumpulan Renong yang harga asalnya berjumlah lebih kurang RM2 bilion naik menjadi RM3.4 bilion. Tempoh konsesi naik daripada 25 tahun kepada 30 tahun. Tol dinaikkan beberapa kali. Setelah begitu banyak kemudahan

dan kelonggaran diberikan kepada Kumpulan Renong, namun ia masih gagal untuk menjadi sebuah syarikat impian orang-orang Melayu yang boleh dibanggakan.

Hari ini syarikat ini dibebankan dengan hutang yang begitu besar dan perlu diselamatkan oleh kerajaan dengan harga RM3.8 bilion. Beberapa persoalan yang saya ingin kemukakan berkenaan dengan pembelian Kumpulan UEM-Renong ini. Apakah kemudahan UEM Renong ini mempunyai .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, ada juga kalanya yang dia adil, sentiasa tak adil. Macam di Sabah di tolak hari itu, ini hendak cuba ke Sarawak pula. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, tentang isu pengambilan UEM ini. Adakah Yang Berhormat tahu harga yang dibeli oleh kerajaan RM4 lebih ini, market mengatakan amat murah. Sepatutnya, wajar harga sepatutnya RM20, RM12 bermakna harga yang diambil alih itu mahal, itu satu keputusan yang baik. Yang Berhormat selalu tidak nampak yang baik itu, yang 99% itu baik itu tak nampak, yang 1% yang jadi sebab ....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sebab itu saya hendak mengungkit beberapa persoalan yang ingin saya tanya supaya Setiausaha Parlimen menjawabnya. Terima kasih.

Apakah Kumpulan UEM-Renong ini mempunyai hutang RM13 bilion sahaja seperti yang dilaporkan oleh media perdana atau banyak lagi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun berjumlah lebih kurang RM29 bilion. Anggaran saya ialah lebih kurang antara RM25 bilion hingga RM30 bilion. Saya harap mendapat kenyataan yang benar daripada Kementerian Kewangan.

Siapa yang bertanggungjawab terhadap pelunasan bon sebanyak RM8 bilion kepunyaan Halim Saad yang matangnya bulan Ogos ini. Sekiranya tidak dapat dilunaskan oleh Halim Saad, apakah Khazanah Holdings yang melanggani RM2 bilion daripada pengeluaran bon ini dijamin mendapat semula bayarannya kerana ia melibatkan kepentingan kerajaan dan rakyat. Apa akan jadi kepada bon bernilai RM17 bilion yang akan matang pada tahun 2006. Siapa bertanggungjawab melunaskan bon-bon ini. Difahamkan bon-bon Kumpulan-UEM Renong, yield nya sekarang mencecah 20% kerana ia menjadi junk bond pada hari ini. Apakah nasib pemegang-pemegang saham minoriti seperti KWSP dan sebagainya diambil kira dalam pembelian Kumpulan Saham UEM-Renong ini.

Mengapa bank-bank kepunyaan kerajaan dibenarkan memberi pinjaman yang begitu banyak kepada Kumpulan Renong-UEM ini. Apa akan jadi kepada hutang-hutang yang dikategorikan sebagai NPL yang diberikan oleh bank-bank kepunyaan kerajaan ini. Apakah nasibnya mengalami nasib yang sama seperti Hottic Investment Incorporation yang terpaksa ditanggung oleh empat buah bank sebanyak RM3.2 bilion.

Apa yang dimaksudkan dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa Halim Saad tidak akan disiasat. Dengan penyalahgunaan kuasa yang begitu ketara dalam urusan niaga beliau dan membebankan kerajaan dan rakyat, Halim Saad akan dibebaskan dengan begitu sahaja.

Kita tidak menuntut dendam tetapi kita mahu mereka bertanggungjawab di atas pengurusan mereka yang membebankan rakyat dan kerajaan hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Apakah aset UEM-Renong, ... ada berapa minit lagi? Dua minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 15 minit. Ada lagi satu minit.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay. Apakah aset UEM-Renong benar-benar bernilai RM26 bilion seperti yang dilaporkan. Apakah ia berdasarkan kepada Penyata Kewangan UEM-Renong atau penilai bebas. Mengikut penganalisis pasaran, aset UEM-Renong bernilai kurang daripada RM26 bilion dan hutangnya dianggarkan di antara RM25 bilion hingga RM30 bilion. Saya mencadangkan sebuah penilai bebas dilantik untuk membuat penilaian yang sebenar mengenai kedudukan kewangan UEM-

Renong ini sebelum kerajaan membuat keputusan mengambil alih kumpulan syarikat ini agar kerajaan dan rakyat tidak tertipu dengan keputusan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk menyelamatkan kumpulan UEM-Renong demi kepentingan peribadi beliau.

Penggulungan. Saya juga tertarik dengan jawapan Perdana Menteri kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bahawa bekas Menteri Kewangan iaitu Ahli Parlimen bagi Merbok tidak akan disiasat.

Pelbagai laporan polis telah dibuat oleh kepimpinan DAP dan kepimpinan barisan alternatif yang lain terhadap kegiatan beliau sebagai Menteri Kewangan termasuk kes bail out, Time dotCom dan sebagainya. Apakah kegiatan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, amalan kronisme dan nepotisme akan dilindungi oleh kerajaan semata-mata kerana Perdana Menteri berkata demikian atau the law of the country is more supreme than the Prime Minister's word. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan, kita sepatutnya habiskan perbahasan di peringkat dasar tidak lebih daripada satu hari iaitu sebelum 11.30 pagi. Jadi ini Peraturan Mesyuarat tidak boleh melebihi sehari. Jadi, Yang Berhormat, sebenarnya semalam tidak begitu ramai yang bangun, jadi .....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak. Pada peringkat akhiri tidak ada, tidak ramai *[Disampuk]* Saya yang mempengerusikan Mesyuarat. Jadi saya ingin mencadangkan masa turun kepada sepuluh minit bagi setiap orang berucap. Balik Pulau, sila.

Beberapa Ahli: Jawab Balik Pulau, jawab.

10.39 pagi

Dato' Mohd. Zain bin Omar [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, kalau di Barat, bercumbu-cumbuan di tepi jalan bagi masyarakat di Barat itu perkara biasa tetapi kalau di negara kita bercumbu-cumbuan, jangan kata di tepi jalan, di bawah pokok sudah jadi melanggar adat. Kalau di Barat lelaki sesama lelaki tidak menjadi masalah. Kalau di tempat kita, mengikut adat dan agama, satu kesalahan yang besar. Apa yang saya hendak tunjuk di sini Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang boleh dilakukan di sini, ada perkara yang dilarang.

Ini bermakna sebagai manusia biasa yang dikatakan keturunan bangsa Melayu dia mempunyai adat resam yang begitu halus, adat resam keturunan orang Melayu. Bagi orang Inggeris menganggapkan bahawa orang Melayu satu bangsa yang lemah-lembut, budi-pekerti, baik hati, suka menolong. Pendek kata, perkara yang baik ada pada orang Melayu, maka sebab itu British agak rasa risau kalau sekiranya Melayu bangun satu masa nanti Melayu akan ambil alih negara ini sebab itu British mencari jalan memecahbelahkan orang Melayu sehingga orang Melayu sendiri tidak sedar tiap-tiap negeri yang ada dalam negara kita ini kita berpecah-belah dan tidak bersetuju di antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat rujuk kepada mana satu kementerian?

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Ini dalam pendidikan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendidikan?

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Pendidikan amat mustahak. Perlu dididikkan masyarakat kita.

Jadi, saya tunjuk di sini kita begitu lama diperintah oleh British beratus-ratus tahun dia memerintah, akhirnya dia menghancurbelahkan orang Melayu terutama sekali. Begitu juga dia berikhtiar untuk memecahbelahkan keturunan Cina dan India. Tetapi dia lebih minat untuk menghancur dan memecahbelahkan keturunan orang Melayu. Orang Melayu berpecah-belah seluruh negara. Kalau saya orang Pulau Pinang tidak akan dapat bekerjasama dengan orang Perlis ataupun Kedah. Kalau saya

orang Pulau Pinang langsung tidak dapat pijak ataupun tidak dapat berkawan dengan orang Johor.

Pendek kata, semua negeri Terengganu dengan Kelantan pun bergaduh di antara satu sama lain. Waktu itu wujud pemimpin bangsa Melayu yang sedar untuk membawa balik orang Melayu bersatu padu, kita bersatu padu. Waktu mana? Waktu dipimpin oleh Datuk Onn supaya Melayu bersatu, Melayu jangan berpecah-belah, Melayu jangan bergaduh. Memang lama, cerita lama, peristiwa lama tetapi untuk menyedarkan kembali orang Melayu yang ditindas, dihasut, dijolok, dicucuk oleh bangsa British supaya Melayu berpecah, Melayu berpecah.

Hari ini kita mula bersatu balik dalam tempoh 20 tahun, 30 tahun kita sudah mula balik amal sistem British yang kita tidak sedar bahawa kita berpecah semula. Kita bangga bila kita berpecah, orang Cina juga bangga bila kita berpecah, bukan kata Melayu berpecah, Cina sendiri pun berpecah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini adalah satu nasihatlah dan .....

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Saya hendak nasihat sebelum .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...dan bukan untuk *[Ketawa]* mendapatkan jawapan daripada pihak kementerian.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Ya, saya hendak nasihat kepada pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit jugalah, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam 10 minit. *[Disampuk]*

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Jadi, saya minta, saya potong beri pendeklah Tuan Yang di-Pertua. Saya pendekkan supaya yang lain itu dapat dimasukkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Sampailah kepada hari ini kita lihat bahawa orang Melayu yang paling termiskin, orang Cina juga ada yang miskin, orang India juga ada yang miskin. Kemudian, kita naikkan taraf cuba menaikkan taraf keturunan kita yang miskin, yang berpecah-belah, kita mula. Timbullah satu cadangan waktu itu pun orang kata pemimpin tidak adil.

Timbul satu cadangan supaya wujudkan 30% di kalangan bangsa Melayu dan bumiputera, wujudkan supaya mereka dapat mencapaikan sedikit nikmat yang sedia ada beratus-ratus tahun dalam negara kita ini. Yang sudah ada dan patut diambil oleh semua bangsa, tidak boleh ambil minta supaya ada 30% kepada bumiputera dan bangsa Melayu.

Kita usaha, kita usaha tetapi dalam masa kita usaha untuk menaikkan, meningkatkan taraf hidup mereka ada juga yang kacau, yang cucuk mengatakan itu tidak kena, ini tidak kena. *[Disampuk]* Ini harus kita sedar. Kita beri didikan wujudkan universiti-universiti, apa sudah jadi? Penuntut yang berminat untuk menuntut, mendapat ilmu, menimba ilmu dihasut supaya menentang kerajaan. *[Disampuk]* Ini dalam didikan. Saya harap dalam peruntukan ini perlu beri perhatian yang serius, sampai masanya kita beri perhatian yang serius, kita jangan teragak-agak lagi, kalau tidak betul ambil tindakan. *[Disampuk]* Ya.

Seorang Ahli: ISA.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: *[Ketawa]* Kalau pembangkang pun naik dia guna juga ISA. *[Disampuk]* Jangan-jangan bila kita bercakap, kalau kita bercakap dia tangkap kita tetapi cuba lihat kalau kita guna ISA, cuba kita lihat yang tidak melanggar undang-undang, yang tidak buat pengkhianatan tidak kena. Yang Berhormat bagi Bagan begitu punya baik mana pernah kena, Bagan. Saya kenal dia, dia baik walaupun dia duduk dalam bahagian pembangkang, dia menentang dasar itu dan dasar ini. Yang ini pun serupa juga yang pakai cermin mata pun kawan baik juga tetapi dia menentang mengikut peraturan dia, dasar dia tetapi yang tidak baik dia tidak ikut.

Mungkin satu masa nanti kalau pemimpin sudah kata tidak boleh jadi dasar berbaik-baik ini, dia ikut, dia akan keluar. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh panjang sudah diberi 10 minit saya hendak gulung balik dan saya minta dalam peruntukan ini bukan sahaja pendidikan dalam bidang apa sekalipun perlu memberi perhatian, misal kata yang berlaku ini, saya bersetuju kalau benar-benar salah – tangkap, kita beri tujuan untuk hendak naikkan perkara itu. Misal kata wujudkan korporat yang terbesar, tujuan kita ialah untuk melihat bahawa ada manusia di kalangan negara kita mampu memproseskan projek-projek tersebut untuk dapat ekonomi yang tinggi. Itu tujuan kita tetapi kalau ada berlaku kesalahan, saya sendiri bersetuju kalau sudah salah, kalau jenayah tangkap.

Bagi sayalah kalau ditanya apa pendapat saya, saya jawab begitu. Takkanlah kita berusaha untuk melihat mereka membangunkan, memberi bimbingan ataupun supaya bawa kepada kemajuan tiba-tiba tidak maju, yang tidak maju itu disebabkan ada orang yang tertentu, maka kita perlu mengambil tindakan untuk memberi nasihat ataupun pecatkan dia supaya perkara-perkara yang kita wujudkan itu tidak hancur lebur, saya setuju.

Jadi, saya berharap sangat Tuan Yang di-Pertua, saya cakap banyak pun sudah tidak boleh, cakap itu sahaja yang termampu. Saya mengambil kesempatan sekali lagi, dalam apa bidang sekalipun teruskan untuk demi kepentingan bangsa dan negara kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak minta penjelasan sedikit ya.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Ya.

Beberapa Ahli: Sudah habis, sudah habis.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu hak dia. Adakah di sebelah sana mempersoalkan hak dia yang dipilih oleh rakyat di kawasan dia? *[Sorak]* Ini demokrasikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Demokrasi jika sesuai dengan diri kita demokrasi, tidak sesuai dengan kita bukan demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa-masa...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia hendak mempersoalkan hak Yang Berhormat bagi Balik Pulau.

Seorang Ahli: Balik Pulau tidak hendak jawab. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Balik Pulau senyap tidak hendak jawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Berilah peluang, Balik Pulau hendak mendengar penjelasan yang saya pohon. Yang sebelah sana sabarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin sila .....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab depa kacau sebelah sana sebab itu dia tidak ahli demokrat. Kalau ahli demokrat dia dengar, masa dia bercakap kita dengar, masa kita bercakap depa dengarlah.

Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Balik Pulau, saya seronok mendengar di sini melalui kaca TV di luar bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita menggunakan mandat yang digunakan oleh rakyat. Pilihan raya yang dahulu besar 23 majoriti bukan satu majoriti, Dewan 23 dan diberi mandat oleh rakyat untuk membangun negara ini, membela rakyat Malaysia seluruh, semua kaum termasuk juga yang tidak mengundi pun kita bela.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, dengan ini mengapa pembangkang tidak boleh menerima ini bahawa mandat telah diberi oleh rakyat kepada kerajaan untuk membangunkan rakyat negara kita tetapi yang sebelah sana tidak ada langsung satu idea, buah fikiran sama-sama hendak membangunkan negara kita.

Tengok macam tadi Yang Berhormat bagi Kemaman sudah tidak ada cerita lain sebab Yang Berhormat bagi Kemaman ini orang intelektual tetapi bila jadi ahli politik sudah lupa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat terpaksa ringkaskan soalan, nanti takut tidak ada masa untuk menjawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ....keintelektualannya. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Balik Pulau, ini hak saya hendak bertanya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: 36(6) sangkaan buruk. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan, saya kata – sudah lupa agaknya. Saya kata dia intelek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya beri kritikan untuk membina, tidak ada kena mengena.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan, kritikan membina boleh, tetapi saya kata buah fikiran Yang Berhormat bagi Kemaman, saya tanya apakah pandangan Yang Berhormat bagi Balik Pulau, tokoh-tokoh sebelah sana dia intelektual orangnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: .....Tumpat intelektual, Pengarah IKD dahulu mampu memberikan buah fikirannya dalam Dewan yang mulia ini tetapi sampai sekarang lupa semuanya.....

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, nanti potong masa dia kalau dia berucap.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...apakah pandangan Yang Berhormat bagi Balik Pulau?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. *[Disampuk]*

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, Yang Berhormat gulung.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: ...saya hendak jawab lepas itu saya gulung. Kalau tidak jawab pun tidak boleh. Saya merasa sedikit hairan dia tidak pernah bersetuju, bagi pendapat saya kumpulan ini pun kebanyakan terdiri daripada orang yang kecewa. Ada orang asalnya dengan kita .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. *[Ketawa]* Masa cukup. Sudah cukup, masa cukup.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Jadi, saya tidak payah gulunglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, masa cukup. *[Ketawa]* Dungun.

10.53 pagi.

Dato' Haji Mustafa bin Ali [Dungun]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk memberikan pandangan berkait dengan Anggaran Tambahan Kedua bagi Tahun 2001 yang dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Saya akan menyentuh beberapa jabatan khususnya Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Perbendaharaan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia, insya-Allah. Saya harap saya akan dapat melakukannya sekali gus sama ada bagi yang Kepala B ataupun Kepala P, insya-Allah.

Pertama, kita telah membincangkan panjang tentang bagaimana kita harus membangunkan negara kita supaya negara ini menjadi satu negara yang makmur, yang aman, yang adil dan apa sahaja perkara-perkara yang baik yang kita kehendaki. Saya suka mengulangi sedikit apa yang pernah saya sebut bahawa sesebuah negara yang ingin membangun yang perlu diwujudkan sebuah negara yang baik memerlukan beberapa faktor.

Beberapa hari yang telah lalu saya menyebut sewaktu soalan lisan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ada dua faktor tetapi saya hanya menyebut dua faktor itu dalam konteks pembangunan ekonomi. Sebenarnya ada sekurang-kurangnya empat faktor bagi kita membangunkan sebuah negara yang baik:

(i) pemimpin yang adil;

(ii) ulama yang bercakap benar;

(iii) usahawan yang jujur (saya menyebut yang lepas hanya dua perkara); dan

(iv) orang miskin - kita mesti menerima realiti bahawa masih wujud orang miskin. Orang miskin yang merasakan diri mereka tidak teraniaya dan mendoakan bagi kebaikan negara.

Persoalan yang ada di hadapan kita sama ada keempat-empat perkara yang kita kehendaki itu telah wujud dalam negara kita sekarang. Kalau kita bercakap tentang pemimpin yang adil, saya tidak nampak pemimpin yang memerintah negara kita ini bukan saya mengatakan bahawa mereka tidak berbuat sesuatu untuk negara, untuk rakyat tetapi bila bercakap tentang keadilan, saya tidak nampak bahawa pemimpin yang ada sekarang sama ada secara individunya ataupun secara kolektifnya telah melakukan keadilan kepada rakyat dan kepada negara ini.

Beberapa contoh yang boleh saya sebut berdasarkan kepada kenyataan apa yang telah dibentangkan dalam tambahan ini pun. Tuan Yang di-Pertua, Kepala P.33 – Kementerian Kerja Raya, Rancangan-rancangan Bekalan Air Di Negeri Kedah. Ini token RM10. Ertinya ada peruntukan yang akan diberikan. Setelah diberikan beberapa banyak peruntukan kepada negeri Kedah ditambah lagi. Apa yang berlaku? Apa yang dihadapi oleh negeri Terengganu dan negeri Kelantan? RM600 juta yang dijanjikan kepada negeri Kelantan sudah lebih daripada lima tahun tidak pernah ditunaikan janji itu.

Ini berupa pinjaman, pinjaman yang telah diberi kepada Kerajaan Negeri Terengganu telah ditandatangani, dihentikan tetapi setelah kita menimbulkan perkara ini dalam Dewan, luar Dewan, maka sudah ada semacam pengakuan daripada pihak kerajaan bahawa Kelantan dan Terengganu akan diberikan pinjaman ini yang sepatutnya pinjaman mudah with zero interest, dengan dikenakan 2% service charge yang tidak diberikan, tidak dikenakan kepada negeri-negeri manapun yang diperintah oleh Barisan Nasional.

Ini secara kolektif tindakan yang dibuat oleh pemimpin negara. Saya perlukan ini satu verification daripada Kementerian Kewangan sama ada apa yang saya sebutkan ini benar atau tidak kerana ini telah diberi oleh pegawai kewangan yang telah menerima surat, Terengganu, Kelantan 2%. Negeri lain bebas tidak ada. Inikah tindakan sebuah kerajaan yang adil? Satu tindakan yang *discriminatory* yang tidak seharusnya wujud dalam sebuah negara demokrasi.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara lain yang telah dilakukan. Cuma dalam waktu yang terbatas saya hendak menumpukan bahawa keadilan yang mesti wujud ini mestilah digambarkan oleh orang yang paling berkuasa dalam negeri ini. Pengalaman saya mendengar ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Perdana Menteri bukan sekali, kerapkali, yang terakhir ialah baru-baru ini sewaktu diadakan suatu muzakarah yang dianjurkan oleh IKIM mengenai toleransi. Depan saya beliau telah membuat *sweeping statement* yang tidak wajar oleh seorang Perdana Menteri. Satu kenyataan yang kotor yang menyebut bahawa berlakunya peristiwa *Black Metal* ini ialah kerana kesilapan guru agama yang tidak mengajar cara betul. Guru agama yang hanya pandai mengajar politik tetapi tidak mengajar anak-anak kita ini pelajaran agama yang betul dan mereka itu terlibat.

Ada seorang guru agama bangkit, kecil hati mereka terhadap Perdana Menteri mengatakan demikian. Dia mengatakan kecil hati hendak buat macam mana tetapi itulah hakikat, tambah guru, tambah peruntukan masih lagi berlaku. Ini suatu *sweeping statement.* Yang disebut bahawa ada guru agama yang mengajar dalam kelasnya buat lukisan, yang dilukisnya ialah benda-benda yang bulat dan ini kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri. Saya tidak menafikan mungkin ada guru agama yang demikian tetapi kerana seorang yang buat bolehkah kita mengatakan itu sikap guru agama.

Kalau ada seorang doktor misalnya, yang merogol pesakit, bolehkah kita kata seluruh profesion doktor adalah perogol? Itu suatu sweeping statement yang tidak boleh kita buat demikian. Satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Kemudian dikatakannya juga, kerana ada orang yang bertanyakan tentang ceramah yang di ban sekarang ini: "Apakah kerajaan boleh tolerant lagi dengan tindakan yang meneruskan ceramah?" Jawapan beliau ialah: "Kita tolerant sedangkan negeri-negeri di Barat, Amerika, UK, sehabis sahaja pilihan raya selesai, tidak ada dah orang buat ceramah, tidak macam kita, kita ada lagi tetapi kita tolerant."

Saya mengatakan bahawa ini bukan sikap tolerant. Sebenarnya ini sikap tidak tolerant pemerintah dengan kritikan, dengan teguran yang dibuat oleh pembangkang kerana di Barat, UK ataupun di Amerika, mereka tidak mengadakan ceramah seperti mereka buat semasa pilihan raya kerana medianya bebas, TVnya bebas, radionya bebas dan akhbarnya bebas. Sekurangnya parti pembangkang boleh menyatakan itu, tetapi Perdana Menteri boleh menyatakan tidak bebas oleh kerana ucapan beliau yang dibuat oleh Bangsa-Bangsa Bersatu tidak adapun surat khabar menyiarkan. Itu bukan antara parti-parti yang ada di Amerika ataupun di UK. Ini satu hujah di mana the premise of argument is wrong! Tidak betul!

Inilah cara Perdana Menteri bercakap. Saya tahu kalau dia sedang dengar pun dia dengar apa yang saya hendak cakapkan ini. Dia selalu membuat sweeping statement yang tidak bertanggungjawab. Ini Perdana Menteri yang sedang memerintah negara kita. Itu dari sudut keadilan. Dan saya melihat bahawa ini suatu trend yang sangat bahaya bagi negara kita. Kita bercakap tentang demokrasi tetapi kita menutup mulut setiap orang yang bercakap mengkritik kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat tinggal seminit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak dengar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tinggal seminit lagi masa Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Saya belum mula pun, Dato' Speaker. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kiralah itu, mula atau tidak mula, start 10.52.

Dato' Mustafa bin Ali: Saya hendak sebut.yang terakhir. Saya tidak habis ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang terakhir, ulama yang benar. Ulama yang benar ini mesti bercakap benar. Dia tidak boleh mengajar orang lain supaya bercakap tidak benar dan dia tidak boleh mendiamkan diri kalau orang lain bercakap perkara yang tidak benar.

Apa yang berlaku sekarang berhubung dengan isu negara Islam (Islamic state) yang menjadi isu yang dibincangkan, seluruh negara dan seluruhnya memukul PAS. Tidak apa, itu tidak menjadi masalah. Tetapi apa yang dilakukan oleh parti-parti UMNO, MCA, pemimpin UMNO boleh bercakap kepada MCA: "Ini tugas kamu, jalankan" dan MCA telah mengumpulkan seluruh bala tenteranya dan pergi setiap buah rumah akan memberitahu kalau PAS yang memerintah, BA yang memerintah, segala patung-patung yang ada dalam rumah kamu ini akan dimusnahkan. Ini satu fitnah.

Seorang Ahli: Jahat.

Dato' Mustafa bin Ali: Fitnah jahat yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin daripada sebelah sana. UMNO yang menjadi kepalanya mengajar yang tidak reti MCA itu supaya ....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat....

Dato' Mustafa bin Ali: ...melakukan ..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah lebih pun.

Dato' Mustafa bin Ali: Masa kecederaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah lebih, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Mana ada!

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Tebrau.

Dato' Mustafa bin Ali: Tidak apa, saya hendak bagi dia orang berdiri. Saya sanggup. tidak apa.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap menuduh ulama, pemimpin UMNO suruh MCA kempen mengatakan hendak hapuskan itu, ini dan sebagainya. Yang Berhormat tahu tak ahli PAS pun Yang Berhormat - saya masih ingat masa pilihan raya – "Mengundi bukan orang Islam haram, berdosa, undi PAS pahala" Dia pergi ke tiap-tiap rumah di kawasan saya semasa pilihan raya. Kafir dengan Islam, pergi kat orang Islam hendak pilih Islam kah, hendak pilih Kristian. Pilih Islam dapat pahala, Kristian berdosa, Yang Berhormat bercakap. Pergi tiap-tiap rumah menuduh UMNO dan sebagainya, tetapi yang ini Yang Berhormat tidak mengaku. Kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jawab.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya -.apa - Tebraukah itu? Pernahkah saya bercakap begitu?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Saya cakap ahli PAS. Yang Berhormat menuduh kita UMNO. Bukan, saya pun tidak tuduh Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Speaker,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya,.ya. Masa Yang Berhormat sudah habis,Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah lebih banyak.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya,ya. Kalaupun ada,.saya hendak perjelaskan dahulu, isolated case. Saya tidak tahu siapa yang bercakap, saya tidak tahu siapa bercakap.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, tidak baik bohong, Yang Berhormat. Sudah lama,.saya kenal Yang Berhormat sudah lama,.dekat 30 tahun.

Dato' Mustafa bin Ali: Inilah saya tanya. Ada saya cakap begitu?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tidak! Tetapi maknanya, saya kata ahli PAS. Saya tidak tuduh Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Sebab itu saya kata kalaupun ada seorang yang bercakap begitu tidak boleh dipukul sebagaimana cara Perdana Menteri, seorang bercakap semua macam itu. Tidak boleh dipukul begitu.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Habis, saya tidak pernah bercakap. Yang Berhormat boleh buktikan?

Dato' Mustafa bin Ali: Ha ni, saya bercakap yang benar sekarang ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau!

Dato' Mustafa bin Ali: Saya cakap saya tidak pernah bercakap yang tidak benar..

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Boleh buktikan saya bercakap, di mana?

Dato' Mustafa bin Ali: Sekarang ini, Yang Berhormat Dato' Speaker....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang terakhir, ini buku yang dikarang oleh seorang pengarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Dato' Mustafa bin Ali: Beliau menamakan Dr. Mahathir ini sebagai "Khalifah Allah di muka bumi ini". *[Menunjukkan sebuah buku]*

Apa pendapat ulama-ulama dalam UMNO?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Biar check. Kami pun tidak bercakap begitu. Tetapi ini "Khalifah Allah di muka bumi" ini.

Dan satu lagi tuduhan, saya tidak tahu sama ada ini tuduhan: "Tun Daim penyangak wang negara". Apa sikap kerajaan? Kena siasat. Saya baca sebahagian, saya pun loya sebenarnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih, Yang Berhormat. Sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: ....hendak ambil benda tersebut itu, benar atau tidak. Ya, saya akan sambung dalam waktu yang lain, insya-Allah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Ini Sri Aman.

11.06 pagi

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan lebih-lebih lagi Kementerian Pendidikan kerana telah berusaha begitu gigih dalam mengimplementasikan pengajaran bahasa Iban di Sarawak. Pada masa sekarang saya sangat berterima kasih oleh kerana melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan telah dan sedang menulis buku teks untuk pengajaran bahasa Iban bagi Darjah 3, 4, 5, 6 dan juga Tingkatan 1, 2 dan 3.

Saranan saya pagi ini selepas mengucapkan terima kasih ialah untuk memberi beberapa lagi cadangan supaya pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban ini dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan berkesan. Buku teks ini saya harap walaupun sedang dibuat, sedang dikaji dan sedang ditulis, saya haraplah buku teks ini dapat dikeluarkan dengan cepat dan saya nampak ada peruntukan untuk Dewan Bahasa dan Pustaka dan saya harap peruntukan ini akan terus ditambah.

Saya juga minta Kementerian Pendidikan bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka mencetak buku-buku bacaan tambahan oleh kerana bahasa Iban ini tidaklah diguna begitu luas di dunia dan di Malaysia, dan oleh kerana itu usaha untuk

menulis buku bahasa Iban tidak menguntungkan sipenulis. Oleh kerana itulah kita terpaksa menggunakan peruntukan dari kerajaan untuk menulis buku-buku tambahan.

Yang kedua, saya juga selepas menulis buku teks, saya minta peruntukan untuk melatih guru-guru yang mengajar bahasa Iban di Sarawak supaya mutu pengajaran dan pembelajaran dapat dinaikkan oleh kita semua. Saya juga minta dan bercadang pegawai bahasa Iban di tempatkan di ibu pejabat Kementerian Pendidikan di Sarawak dan juga di pejabat pegawai pendidikan bahagian dan di pejabat pegawai pendidikan daerah Kalaulah tidak ada pegawai, guru-guru tidak dapat melaksanakan tugas mereka dengan begitu berkesan oleh kerana mereka tidak tahu ke arah mana mereka harus pergi dan apakah tekanan yang harus mereka beri apabila mereka mengajar bahasa ini.

Saya juga minta peruntukan yang khas untuk pengajaran bahasa Iban diagihkan. Saya meminta sebegini oleh kerana peruntukan pengajaran bahasa selalu diberi tetapi kita tidak tahu untuk bahasa apakah itu, bahasa Cina, bahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain. Oleh kerana bahasa Iban ini adalah diajar untuk minoriti, jadi apabila mereka berebut-rebut hendak menggunakan peruntukan ini dan apabila pegawai yang menjaga bahasa Iban tidak ada di sana memanglah pengajaran bahasa Iban, peruntukan untuk menguruskan pendidikan bahasa Iban selalu diabaikan. Jadi, akhimya nanti tidak ada latihan dan tidak ada peruntukan.

Oleh kerana itulah saya minta dari kerajaan yang sangat prihatin terhadap semua kaum di Malaysia ini meminta satu peruntukan disebut dengan begitu nyata supaya tidak ada kerugian dari mana-mana pihak dan tidak ada.....

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Dua orang, hendak beri siapa? Ya, silakan.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Sri Aman, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dengan kesungguhan Yang Berhormat untuk memperbaiki mutu pengajaran bahasa Iban, tetapi saya melihat dalam keadaan perkembangan ICT ketika ini, antara bahasa Iban ataupun bahasa ibunda lain seperti Kadazan Dusun umpamanya, antara bahasa-bahasa ini dengan pengajaran, penumpuan lebih kepada bahasa Inggeris di kalangan masyarakat Iban, masyarakat Kadazan Dusun. Mana yang lebih kita perlukan dalam masa ICT? Apakah Yang Berhormat bersetuju untuk juga mempertingkatkan mutu pengajaran bahasa Inggeris di kalangan anak-anak bumiputera bukan Islam termasuk Kadazan Dusun, Iban dan sebagainya di Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya teringat dengan satu pengisytiharan Mao-Tze-Dong dahulu, kata dia: "Let a hundred flowers bloom". Jadi,untuk kita di Malaysia ini saya rasa kita menghormati semua bahasa dan juga bahasa yang digunakan kita untuk meninggikan mutu kehidupan kita iaitu bahasa Inggeris, bahasa Malaysia memang kita tidak pertikaikan tetapi kebudayaan kita, bahasa kita, cara kita hidup adalah ditentukan oleh bahasa dan oleh kerana itu bahasa kita tidak harus hilang di dunia ini.

Dan sekarang dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mempersilakan kawan saya dari Selangau untuk berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa...sila.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Sri Aman.

Dalam era globalisasi ini, generasi yang kedua atau masyarakat kita mesti memaham sekurang-kurangnya 4 bahasa. Pertama memang bahasa Malaysia kerana bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan kita; kedua, kita jangan lupa kepada bahasa ibunda kita; ketiga, bahasa Inggeris, sebab bahasa Inggeris ialah bahasa antarabangsa; dan kalau dapat yang keempat itu sama ada bahasa Mandarin, bahasa Jerman atau bahasa lain. sebab mereka dalam generasi kedua mesti fasih dalam bahasa-bahasa tertentu.

Setujukah Yang Berhormat, kerana saya telah difahamkan beberapa buah sekolah di Semenanjung Malaysia telah menggunakan e-buku dalam pendidikan atau

pelajaran murid-murid. Adakah Yang Berhormat bersetuju untuk menggunakan e-buku sebagai pilot projek? Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa e-buku di sini bukan hanya tertumpu kepada sekolah-sekolah di Semenanjung tetapi juga sekolah di Sabah atau Sarawak. Terima kasih.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya bersetuju sangat oleh kerana melalui ini murid-murid yang duduk di pedalaman pun dapat merasai dan dapat menikmati apa-apa kemajuan yang sedia ada di tempat-tempat yang lain, lebih-lebih lagi di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur.

Izinkan saya meneruskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga minta bahasa Iban diajar di semua sekolah di mana murid-murid bahasa Iban ada belajar dan saya juga minta bahasa Iban ini diajar dalam jadual waktu oleh kerana pada masa sekarang begitu banyak sekolah yang tidak menawarkan pengajaran bahasa Iban walaupun murid-murid dari kaum Iban yang menjadi majoriti di sekolah itu. Ini saya rasa adalah satu kelalaian dan Kementerian Pendidikan selalu dengan bangganya mengatakan di Kementerian Pendidikan kita mesti mengejar kecacatan sifar dan kalaulah kita tidak mengajar bahasa Iban di mana murid-murid dari kaum Iban ini majoriti saya rasa itu adalah satu kecacatan yang tidak dapat diampun, tidak dapat dimaafkan.

Saya juga minta, Tuan Yang di-Pertua, latihan bahasa Iban yang telah dijanjikan pengajarannya diajar di kolej-kolej ataupun maktab-maktab perguruan di Sarawak sebagai satu elective dan selepas itu saya minta pengajaran bahasa Iban ini diteruskan kepada Tingkatan 4 dan 5. Oleh kerana kita pun pernah menawarkan bahasa Peranchis, Punjabi dahulu hingga ke Tingkatan 4 dan 5 dan kita juga mengajar bahasa Mandarin di Tingkatan 4 dan 5. Saya tidak tahu mengapa bahasa Iban ini dihadkan pada masa sekarang hingga Tingkatan 3. Ini saya rasa adalah satu usaha yang tidak begitu murni dan tidak begitu ikhlas oleh kerana ia secara tidak langsung memandang rendah pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban dan saya tahu kita ada pegawai-pegawai yang ingin bekerja dan pegawai-pegawai kita adalah orang yang dapat apabila mereka mahu, apabila ada diberi arahan dapat bekerja terhadap ini, iaitu pengajaran bahasa Iban ke Tingkatan 4 dan 5.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya tidak akan berpulang kepada topik ini tiap-tiap kali kita bersidang tetapi kalaulah ia tidak dilaksanakan saya memang akan pulang ke tajuk ini tiap-tiap kali kita bersidang.

Sekian, terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka.

11.17 pagi

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tak apa, bagi dia dulu *[Menunjuk kepada Yang Berhormat bagi Kepong].*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang ini tak ada.. Kalau hendak, kalau tidak saya beri Kepong, lepas itu saya minta Menteri menjawablah. Ya, sudah 11.30. Minta maaflah, jawatankuasa ada.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebenarnya saya cuma hendak daftarkan nama dahulu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila. Selepas ini saya minta kementerian menjawab ya. Ya, selepas Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Ha? Ramai lagi berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu biasa, Yang Berhormat. Jawatankuasa ada.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu perkara di dalam surat khabar di mana pengasas Universiti Kebangsaan, Dr. Zainal Abidin Wahid telah memberikan satu temu ramah dengan *Berita Harian* di mana beliau telah mengulang bagi kali yang kedua bahawa di dalam IPTS di Malaysia ini terdapat

600 IPTS di mana dengan jumlah pelajar 200, hanya di antara 10% hingga 15% daripada jumlah itu adalah pelajar Melayu dan saya berharap bahawa kerajaan akan, dengan secara rasminya mengatakan bahawa pembohongan ini tidak akan diulangi lagi oleh kerana saya sendiri telah berkata kepada Menteri Pendidikan dan beliau menyuruh saya membuat kenyataan. Saya telah membuat kenyataan tetapi kenyataan saya tidak akan disiarkan dalam akhbar *Berita Harian* atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada laporan MAPEN II di mana angka rasmi telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan. Saya merujuk kepada muka surat 120 di mana di sini begitu jelas dicatatkan bahawa enrolment pelajar mengikut kaum peringkat pengajian di IPTS seperti pada 31 Disember 1999. Terdapat seramai dekat 200,000 pelajar yang hampir dengan angka yang disebutkan oleh Dr. Zainal Abidin Wahid, tetapi kalau kita ikut angka yang diberikan oleh kerajaan sendiri, terdapat 40.6% pelajar yang merupakan bumiputera dan yang bukan bumiputera ialah 59.4%.

Jadi ini bermakna bahawa kali kedua Dr. Zainal Abidin Wahid telah berbohong dalam surat khabar walaupun saya telah buat kenyataan akhbar dua kali tetapi apa yang saya katakan itu tidak dapat disiarkan dalam akhbar dan saya harap bahawa perkara ini tidak harus berlaku di Malaysia di mana seorang intelek cuba meracuni fikiran orang Melayu dalam negara ini. Saya merasakan bahawa ini adalah satu perkara yang serius dan harus dipandang berat oleh kerajaan oleh kerana saya menganggap resolusi yang telah diluluskan oleh Pemuda UMNO pada persidangan mereka baru-baru ini, kemungkinan besar adalah daripada apa yang telah dikatakan oleh Dr. Zainal Abidin Wahid di mana dua resolusi yang saya anggap sebagai ekstremis telah diluluskan di mana mereka telah menyeru kerajaan supaya menolak perlaksanaan Dasar Pendidikan yang bersifat perkauman dan liberal.

Ini bermakna bahawa Pemuda UMNO tidak begitu bertoleransi terhadap kewujudan pendidikan aliran bahasa lain dan saya rasa kalau apa yang dikatakan oleh Dr. Zainal Abidin Wahid ini tidak diperbetulkan, resolusi seperti ini akan selalu muncul dalam pertubuhan orang Melayu oleh kerana mereka akan menganggap adalah tanggungjawab kerajaan untuk membetulkan apa yang nampaknya tidak seimbang dalam negara ini. Jadi saya harap .....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Shah Alam. Ya, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat beri penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, selain daripada Malaysia, di negara-negara mana sekolah perantaraan Bahasa Cina dan Tamil ini boleh terdapat dalam rantau ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Sekarang saya berkata apa yang spesifik. Cuma saya hendak menegaskan di sini....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti, nanti sekejap, 10 minit sahaja. Saya hendak menegaskan di sini apabila saya.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak, tadi Yang Berhormat kata bahawa resolusi itu satu pandangan ....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam, Shah Alam....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tanya Yang Berhormat, selain daripada di Malaysia, negara mana? Di Indonesia ada? Di Thailand ada? Di Filipina ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, soalan, cukup Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Di Singapura ada?

Tuan Kerk Kim Hock: Pergilah Indonesia.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak, tidak saya tanya, ada?

Tuan Kerk Kim Hock: Ini tidak....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi macam mana Yang Berhormat kata pandangan ini sebagai satu ekstremis. Sepatutnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat..

Tuan Kerk Kim Hock: Saya cuma kata ekstremis oleh kerana ia berkaitan dengan apa yang telah dijanjikan dalam Artikel 152 Perlembagaan Malaysia.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jangan cakap tidak serupa bikin. Yang Berhormat semak semua fakta di luar. *Nonsense.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk, cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya mempertahankan bahasa ibunda bukan oleh kerana saya seorang Cina, oleh kerana memang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya beritahu Yang Berhormat, selain...

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak bagi jalan kepada Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam nantilah, dia tidak bagi jalan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya beritahu Yang Berhormat...

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat apabila mengangkat sumpah telah berjanji akan mempertahankan perlembagaan, itulah sebabnya kita mempertahankan...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak tahu bersyukur. Apalah!.

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan orang main isu-isu ekstremis macam ini dalam surat khabar. Kalau saya cakap, saya akan ditangkap di bawah ISA tetapi orang yang bohong akan ditangkap tidak? Tidak pernah ditangkap. Jadi jangan kata apabila kita memperjuangkan sesuatu isu itu, kita ekstremis. Kita mengikut apa yang telah dijamin dalam Perlembagaan Malaysia, itu sahaja.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Shah Alam, duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak ada masa.

Yang kedua, saya merujuk kepada apa yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri semasa beliau datang ke Melaka semasa merasmikan Hari Guru di mana beliau telah mengatakan, jangan membelakangkan agenda negara sungguh pun mempunyai pandangan berbeza. Ini adalah ....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Kerk Kim Hock: ...Peringatan Perdana Menteri kepada guru-guru. Saya memang menyokong apa yang ....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan kepada Sri Gading?

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Saya memang menyokong apa yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri supaya sesiapa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: ...pegawai kerajaan yang mempunyai pandangan yang berbeza dengan pemerintah, jangan membelakangkan agenda negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Sri Gading, dia tidak bagi jalan. Duduklah, dia tidak bagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya setuju tetapi saya juga hendak ingatkan kerajaan walaupun perbezaan pendapat wujud di antara pembangkang dan pemerintah, kita jangan membelakangkan prinsip dan ciri demokrasi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan kacau, ini semua perkara ....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi atau tidak bagi Yang Berhormat?

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak apa, bagi dia orang duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi memang pembangkang dan pemerintah mempunyai perbezaan pendapat dan saya rasa kerajaan haruslah terutama sekali Perdana Menteri harus bikin serupa cakap. Dalam satu demokrasi yang tulen, tiada sesiapa harus ditahan tanpa perbicaraan... *[Tepuk]* Oleh kerana ini, saya hendak ingatkan kerajaan, kita boleh berlawan tetapi jangan abai, jangan buangkan prinsip asas dan ciri penting demokrasi. Kalau ada bukti, hadapkan mereka ke mahkamah, kita tidak akan ada bantahan. Biar mahkamah putuskan tetapi kalau tidak ada bukti, bebaskan mereka. Kalau kita semua tidak mematuhi prinsip utama ini saya rasa Malaysia akan mara ke satu arah yang begitu berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu ingatan yang saya rasa kerajaan harus ambil berat dan kita jangan menggunakan apa-apa alasan. Kalau hendak bagi banyak alasan, kita boleh beri. Sama juga kerajaan boleh berikan banyak alasan tetapi yang mustahak ialah di manakah prinsip itu yang kita harus dukung. Kalau tanpa prinsip asas dan ciri penting sistem demokrasi itu, saya rasa Malaysia akan mara ke satu situasi yang berbahaya dan ia juga akan menjejaskan apa-apa usaha untuk membangunkan negara ini.

Saya juga ingin dengan masa yang suntuk menyentuh satu lagi isu iaitu amaran yang telah diberikan kepada akhbar Cina yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri bahawa mereka telah memainkan isu perkauman yang boleh menjejaskan perpaduan kaum. Saya rasa bahawa, apabila sesuatu isu berlaku di Malaysia, akhbar Cina pula yang dijadikan sasaran manakala terdapatnya akhbar-akhbar yang sentiasa memainkan isu perkauman tidak diberikan amaran langsung dan saya ingin beri satu contoh di sini iaitu kalau tidak silap, akhir bulan Mac di mana *Utusan Malaysia* telah melaporkan saya dengan pemimpin-pemimpin lain telah menghadiri satu mesyuarat sulit berkenaan dengan isu rawatan Anwar Ibrahim. Sebenarnya saya dan rakan-rakan saya di Barisan Alternatif tidak langsung menghadiri mesyuarat itu tetapi akhirnya *Utusan Malaysia* meminta maaf kepada bekas Duta Amerika, tidak minta maaf kepada kita langsung. Ini terang-terang ada satu pembohongan tetapi *Utusan Malaysia* tidak berani meminta maaf kepada kita yang telah membuat laporan polis manakala orang di Amerika, bekas Duta Amerika, *front page,* muka depan *Utusan Malaysia* ada mengatakan bahawa *Utusan Malaysia* meminta maaf kepada beliau.

Apa kriteria yang digunakan, kita telah disalahkan, kita telah buat laporan polis tetapi *Utusan Malaysia* tidak berani meminta maaf kepada kita. Saya boleh beri banyak contoh lagi di mana kalau kita dapat memantau dan meninjau dengan cara rasional dan adil, kita akan dapat satu kesimpulan bahawa *Utusan Malaysia* telah memainkan isu perkauman dengan begitu hangat sekali tetapi tidak pernah saya dapat jawapan yang diberikan oleh kerajaan, tidak satu pun amaran diberikan kepada *Utusan Malaysia*, apakah sebabnya?

Apabila Perdana Menteri menghentam akhbar-akhbar lain seperti akhbar Cina dan juga akhbar-akhbar lain, saya kata bahawa beliau memang berikan satu gambaran kepada rakyat bahawa terdapat akhbar di dalam negara ini yang mempunyai hak khas untuk melaporkan sesuatu isu mengikut kehendak mereka dan saya kata, ini bukanlah satu keadaan yang sihat yang boleh membantu negara untuk mara ke arah yang baik dan saya harap kerajaan jangan sentiasa memberikan pelbagai alasan. Saya telah mengatakan tadi bahawa semua orang boleh bagi alasan tetapi yang mustahaknya ialah di manakah prinsip itu?

Adakah kita betul-betul dapat memerintah negara ini dengan adil mengikut prinsip yang mana kita semua percaya. Kalau kita mengatakan bahawa Malaysia ini memang adalah mengamalkan satu sistem demokrasi, maka kita akan *judge* dengan izin, kelakuan kerajaan mengikut prinsip ini. Kalau kerajaan tidak dapat memerintah tanpa ISA maka memang kerajaan hendaklah menghadapi serangan bukan sahaja daripada rakyat Malaysia dan juga daripada pendapat antarabangsa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya akan akhiri. Ini tidak bermakna bahawa apabila kita hentam kerajaan mengikut prinsip bahawa kita tidak mencintai negara ini atau kita tidak mementingkan keselamatan negara tetapi memang ada cukup undang-undang untuk polis atau kerajaan menjaga keselamatan negara ini. Selagi kerajaan tidak boleh meyakinkan rakyat Malaysia maka serangan akan diteruskan dan krisis keyakinan terhadap kerajaan dan juga polis akan diteruskan. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen sila jawab.

11.30 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Bismilahir rahmanir rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Perbekalan Tambahan yang dibentangkan semalam. Yang pertama Yang Berhormat Gelang Patah, Serdang, Kubang Kerian, Tambun, Batang Lupar, Seputeh, PJ Utara, Kemaman, Balik Pulau, Dungun, Sri Aman dan Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal ini saya ingin menyentuh perkara dan isu-isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sebelum saya pergi kepada isu-isu yang lebih spesifik iaitu misalnya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Seputeh, Kota Melaka yang ada menyentuh tentang ISA dan demokrasi.

Mengikut Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, ISA pada asalnya adalah untuk memerangi komunis dan saya bersetuju dan memang benar di Malaysia, ISA adalah pada asalnya bertujuan untuk memerangi komunis. Tetapi kita memerangi komunis bukan kerana namanya komunis tetapi kita menentang mereka kerana mereka mengamalkan dasar *terrorism* - keganasan. Bukan kerana mereka komunis kita menentang mereka tetapi kerana mereka mengamalkan dasar keganasan ataupun *terrorism*. Jadi Yang Berhormat jangan salah ya dalam mentafsirkan perkara ini. Kita menentang mereka bukan kerana mereka komunis tetapi kerana dasamya mengamalkan keganasan.

Keganasan boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa, dahulu, sekarang dan akan datang. Selagi ada pihak yang cenderung ke arah matlamat ini, maka ISA tetap relevan pada bila-bila masa dan diperlukan untuk memastikan negara terus aman dan sejahtera tetapi relevan untuk tujuan tersebut supaya pembangunan sosioekonomi dan pembangunan negara dapat terus dirancang, dijanakan untuk memberi faedah dan kesejahteraan kepada rakyat seluruhnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, di sesetengah negara yang sering menjadi rujukan kita seperti Amerika, walaupun tidak ada ISA tetapi apa yang sebenamya berlaku adalah lebih dahsyat dan lebih parah daripada ISA. Sebagai contoh, pada tahun lepas satu insiden yang mendapat liputan media perdana antarabangsa iaitu tentang seorang rakyat Amerika berketurunan Cina bernama Weng Ho Lee telah ditahan. Beliau ini seorang ahli sains nuklear Amerika. Beliau telah ditahan seorang diri ataupun dengan izin, *solitary confinement* selama sembilan bulan di atas tuduhan

mencuri rahsia untuk negara China. Ditahan selama 9 bulan tanpa ada perbicaraan. Beliau hanya dibenarkan keluar satu jam sehari untuk bersenam, untuk dapatkan cahaya matahari dengan tangan dan kakinya digari, dirantai di Amerika. Beliau akhimya dibebaskan setelah 9 bulan dikurung di penjara, diseksa kerana tidak ada bukti yang beliau bersalah. Ini berlaku di Amerika, negara yang sering menjadi rujukan kita. Tidak ada ISA, tidak ada apa-apa, very good tetapi apa yang berlaku lebih dahsyat. Kita di sini di Malaysia, ISA kita tidak ada macam ini. Okey, bebas. Mereka cuma ....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam berdiri Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti dahulu, nanti dahulu. Saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu Yang Berhormat, dia kata nanti dahulu.

Puan Chong Eng: Penjelasan, sekejap lah.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan bagi nanti, tunggu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia minta tunggu dahulu Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan bagi. Di sini tahan sebulan kemudian tengok sudah okey, kita lepaskan, tidak digari, tidak dirantai, tidak dibenarkan keluar satu jam sehari macam di Amerika.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta jalan dahulu Yang Berhormat hendak bercakap.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya beri Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam, ya sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Amerika Syarikat itu memang dahsyat dan kita kutuk dia juga .....

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya, kita lawan. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Tetapi, itu tidak bermakna bahawa ISA kita ini adalah betul.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya. *[Tepuk]*

Puan Chong Eng: Tidak betul juga. *[Tepuk]* Itu yang tidak betul, salah, kejam, kita jangan belajar.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Kita ambil yang baik punya.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya.

Puan Chong Eng: Bahawa tidak ada bukti, dia dibebaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya Yang Berhormat. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: .....kerana ISA ini boleh ditahan dua tahun, dua tahun, dua tahun sampai sebelas tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, sudah, minta penjelasan Yang Berhormat. Itu, berucap dah itu.

Puan Chong Eng: Haa, lebih teruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, itu dah berucap dah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Kalau tidak lebih teruk, sama teruk.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya.

Puan Chong Eng: .....dan ISA itu untuk mereka yang berjuang dengan rasmi, perjuangan bersenjata.

Seorang Ahli: Dengan komunis.

Puan Chong Eng: .....dan pada masa sekarang DAP ataupun mana-mana pembangkang dengan rasmi, kita tidak bertujuan macam itu. Kita katakan kita melalui langkah seperti.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Persoalannya, Yang Berhormat. Ini berucap dah ini.

Puan Chong Eng: Itu adalah bersamaan dengan apa yang.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, persoalannya Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Persoalannya ialah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa....

Puan Chong Eng: Adakah kerana Amerika bersifat kejam, Amerika buat tidak betul, itu pun boleh *justify*kan bahawa Kerajaan Barisan Nasional boleh buat tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, cukuplah itu, Yang Berhormat. Betullah itu.

Tuan Hashim bin Ismail: Habis dah? Kita.....*[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi dia jawab dahulu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak payah jawablah. *[Dewan gamat seketika]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Duduk dahulu, biar dia jawab.

Tuan Hashim bin Ismail: Ok, saya bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Tebrau.

Tuan Hashim bin Ismail: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Alhamdulillah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Bukan Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta maaf ya, sebab duduk dekat itu, kadang-kadang tersalah sebut, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ya Tuan Yang di-Pertua. Maaf diterima Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Sri Gading, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bagi saya, betul atau tidak betul daripada segi istilah pihak pembangkang tidak betul. ISA ini yang penting,

ketenteraman, keselamatan rakyat terjamin. Ini yang penting. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, mungkin tidak tahu, kalau Yang Berhormat hendak jawab, jawablah. Berapa tahanan orang ISA ini yang mati dalam tahanan? Itu Yang pertama ..... *[Disampuk]* Ini hak sayalah, saya hendak tanya Yang Berhormat. Berapa orang keluar ISA cacat anggota badan, tempang?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak belum habis lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ISA kerana hendak menyelamatkan negara, sebenarnya satu-satu undang-undang yang amat perlu di Malaysia. Di sesetengah negara, kadang-kadang ia tidak ada ISA, tiba-tiba hilang sahaja dan hilang selama-lamanya dan ini berlaku. Keluarga rasa tidak tahu dekat mana hendak rujuk, alih-alih suaminya hilang. Alih-alih anaknya hilang, hilang selama-lamanya, yang takkan kembali semula ke pangkuan mereka tetapi ISA apa benda? Kemunting saya dengar, baca surat khabar, tengah lihat televisyen, apa semua sekali, cuma tidak jumpa isteri sahaja, itu sahaja bezanya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa ada masalah? Jangan kita dengarlah pembangkang. Yang penting rakyat seluruh Malaysia, yang penting keamanan, keselamatan rakyat Malaysia jauh lebih tinggi daripada kepentingan pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Sri Gading kerana mengemukakan beberapa pandangan. Saya bersetuju dan memang benar bahawa di negara kita, ISA ini bertujuan untuk memastikan bahawa negara kita aman sejahtera dan tidak ada sebarang kekacauan pun supaya dengan itu, maka ekonomi negara kita dapat dijana dan dirancang dengan baik dan di samping itu kita mahu para pelabur yakin dengan kestabilan politik, keamanan negara. Ini adalah untuk kepentingan rakyat semua termasuk Yang Berhormat. Kalau ekonomi baik, ekonomi pulih, BSKL naik, maka Yang Berhormat juga dapat faedah daripadanya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: ISA itu juga, ini saya hendak jawab soalan pertama Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak.

Tuan Hashim bin Ismail: Memang tidak ada mati pun, tidak ada tempang, tidak ada cacat cela, makan bagus, malah keluar daripada penjara lebih gemuk pula, ada. Lebih sihat. *[Ketawa].*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat, sila, sila jawab. Ini ada dua orang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi? Shah Alam?

Tuan Hashim bin Ismail: Dia aman tenteram, tidak diganggu, tidak di.....*[Diganggu] [Dewan gamat seketika]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam berdiri, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Haah, jemput.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini menyentuh tentang ISA ini yang dibangkitkan oleh Bukit Mertajam dan juga Sri Gading. Kalau kita hendak lihat dakyah yang dibuat oleh pihak pembangkang seolah-olah kerajaan pada hari ini terpaksa hendak gunakan ISA ini kerana kita takut sangat dengan serangan yang dibuat oleh pihak pembangkang sehingga menyebabkan rakyatnya menjadi goyang. Kalau itulah menjadi dia punya kayu pengukur, kalau macam itu dengan keputusan Likas punya *by-election* yang memberikan kemenangan cemerlang kepada Barisan Nasional, ini membuktikan bahawa walaupun ISA itu wujud, hak asasi manusia masih lagi terjamin untuk mengamalkan demokrasi. Itu hari Kubang Kerian kata, "Oh, demokrasi bukan bermaknanya kita hanya ada pilihan raya, baru menentukan demokrasi". Demokrasi untuk menentukan bahawa selepas pilihan raya, kesejahteraan rakyat secara majoriti terjamin. Ini bermakna tanggungjawab kerajaan yang memerintah untuk menentukan bahawa kestabilan dan keharmonian rakyat untuk menjaga kepentingan, bukan sesetengah golongan, 22 juta umat manusia.

Tetapi, kalau hendak mengatakan untuk menggunakan ISA ini untuk menyekat pembangkang, baik kita tangkap sahaja ketua-ketua pembangkang ini. Itu baru dia punya political. Ini pergi tangkap yang bawah-bawah ini buat apa? Buat leceh sahaja. *[Dewan gamat seketika].*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Setuju tidak Yang Berhormat bahawa itu menandakan yang selama ini kerajaan tidak pernah menyalahgunakan ISA. Dahulu saya hendak sebut Kuala Kedah sebelum bekas Timbalan Perdana Menteri dahulu, masa dekat sebelah sana sebelum tindakan kerajaan buat, dia pun sebut. Anwar Al.....ri, itu dia bagi ceramah rata-rata dalam dunia. Pada hari ini, dia jilat balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalannya apa, Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu soalannya, pembangkang ini memang sentiasa hendak menggunakan apa pun tindakan yang dia buat untuk mendapat satu politik murahan jalanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kerajaan tidak pernah menyalahgunakan ISA melainkan untuk kes-kes yang perlu dan memang perlu satu tindakan yang melibatkan ISA dan saya rasa majoriti rakyat bersetuju, majoriti rakyat tidak ada halangan dan sebab itu di Likas misalannya, kita menang dengan satu kemenangan yang besar. Walaupun isu ini digunakan oleh pembangkang dalam setiap pilihan raya, tetapi rakyat tidak mahu menerima dan.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong berdiri Yang Berhormat. Ada dua orang berdiri, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, biar saya habiskan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: Kita bertindak di atas seorang dua untuk menyelamatkan 22 juta lebih rakyat Malaysia, untuk kepentingan 22 juta lebih.....*[Disampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sikit, Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Tidak boleh, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggulah, hendak bagi yang mana satu Yang Berhormat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya belum tidak berapa bergerak.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit sahaja, pendek sahaja.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:: Tidak apa Yang Berhormat, cukup punya, banyak masa.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pendek sahaja.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Banyak masa lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Bukan, Kepong ya. Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong, ya sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik pada hujah Yang Berhormat. Itulah, saya kira Yang Berhormat kurang pengalaman di dalam tahanan dan sebagainya. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat bacalah buku termasuk buku sayalah mengenai tahanan ini, *The First 60 Days* dengan teliti menerangkan bagaimana menjejaskan rohani dan jasmani.

Beberapa Ahli Pembangkang: Setuju. *[Tepuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bagaimana? Ini termasuklah buku yang dikarang oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun, dia sebutkan undang-undang ini. Haa, kita baik macam itu. Sebab bukan sahaja yang disebutkan sebagai jasmani itu baik, ditahan tetapi adakah Yang Berhormat faham bahawa ada sesetengah itu apabila keluar daripada tahanan rosak semualah.

Beberapa Ahli Pembangkang Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Rosak semua dari segi rohaninya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, cukup Yang Berhormat, ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Memang benar saya tidak ada pengalaman dari segi itu. Tetapi, saya pun tidak boleh bergantung hanya kepada pengalaman yang sahaja kerana Yang Berhormat sebagai sifat pembangkang memanglah benda yang baik pun tidak betul. Layanan bagus dalam kurungan pun, Yang Berhormat mungkin tulis benda-benda yang tidak betul. Jadi, saya tidak bergantung kepada hujah Yang Berhormat semata-mata. Tetapi, kalau ada betullah, tujuan kita adalah murni iaitu untuk menyelamatkan rakyat 22 juta lebih dan negara Malaysia yang kita cintai ini. Itulah niat kerajaan Yang Berhormat. Tidak lain dan tidak bukan daripada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung sikitlah. Tidak ada masa kalau Yang Berhormat melayan pembangkang ini, semua dia orang bantah. Saya hendak tanya kalau bolehlah, kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab dalam Dewan ini, kemudian nanti. Kita minta satu senarai daripada Yang Berhormat, minta Kementerian Dalam Negeri keluarkan senarai mereka yang pernah ditahan dalam ISA ini tetapi masih dapat keistimewaan dalam negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi. Umpamanya rakan-rakan yang pernah ditahan ISA, masih ada dalam Dewan ini, boleh bercakap dengan bebas. Tidak ada pun kata mereka ini tertekan dengan sakit yang tidak boleh sebut ayat, saya hendak sebut kadang-kadang pun janggal juga. Buat satu senarai. Ada yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri umpamanya, tetapi yang pernah ditahan di bawah ISA dan masih lagi mendapat kedudukan dalam parti-parti, tidak kiralah parti pembangkang.

Saya tidak hendak sebutlah dari mana. Siapa makan cili, terasalah pedasnya. Buat satu senarai, beritahu kepada rakyat, inilah rupa orang yang pernah ditahan di bawah ISA tetapi masih bebas memegang jawatan, masih boleh bercakap dengan lantang supaya seluruh rakyat faham dan tahu, boleh dibandingkan. Walaupun ada tadi kekejaman berlaku di negara Amerika yang kita berikan contoh tetapi mereka

masih tidak mahu menerima sedangkan kita, tujuan ISA ini adalah untuk kepentingan rakyat jelata. Buat satu senarai, biar rakyat tahu. Sesetengah dia orang lupa, misal kata Perdana Menteri, ramai yang mudah lupa. Saya minta satu senarai cerita kepada rakyat yang pernah ditahan masih mendapat kedudukan, keistimewaan dalam negara kita ini. Terima kasih.

Seorang Ahli: Soalan?

Tuan Hashim bin Ismail: Memang saya setuju 100% dengan pandangan itu. *[Ketawa].* Saya telah cakap tadi bahawa ada yang keluar daripada ISA, badan bertambah sihat, gemuk dan ada yang keluar daripada ISA, pangkat lebih tinggi. Jadi Member of Parliament, dia diberi penghormatan oleh rakyat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dua orang berdiri, mana hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya rasa saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kalau tidak bagi.....Tumpat, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi ulasan dan juga sahabat saya daripada Larut kerana meminta supaya pihak kerajaan menyenaraikan orang-orang yang dikenakan tahanan ISA dan selepas itu mengikut pandangan Larut, berjaya dalam pembangkang dan sebagainya. Setuju tidak Yang Berhormat, bahawa adanya orang-orang ini yang ditahan di bawah ISA, kemudian di antara mereka yang keluar, di samping yang terpaksa menghadapi kehidupan dan kesihatan yang amat teruk seperti yang pernah dialami oleh Allahyarham Dr. Burhanudin Al-Helmi oleh kerana tahanan Presiden PAS dan bekas Ahli Dewan Rakyat yang mulia ini selepas keadaan yang amat teruk di dalam tahanan, tidak kesihatannya menjadi baik dan tidak lama selepas dibebaskan meninggal dunia.

Keduanya, adakah tidak terbukti bahawa terdapatnya beberapa orang selepas ditahan di bawah ISA, kemudiannya keluar, dapat kedudukan atau jawatan di pihak pembangkang dan sebagainya, membuktikan bahawa alhamdulillah, dalam negara Malaysia ini, ada lagi manusia-manusia yang tidak mudah tunduk kalah dan terhapus oleh dasar ISA *[Tepuk]* yang ingin mematikan karier kehidupan kami, dalam kes saya terutamanya, hanya kerana saya berada dalam kem yang lain dengan kem yang dikehendaki oleh Perdana Menteri ketika ini. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, sudah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Pandangan Yang Berhormat bahawa masih ada golongan yang punya ketahanan, *resilience,* maka walaupun telah dipenjarakan, masih lagi survive, malah naik pangkat lagi. Saya rasa ini satu pandangan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, simplistic Yang Berhormat. Sebenarnya, sistem negara kita itu sendiri yang memberikan kita peluang. Walaupun telah ditahan di bawah ISA, tetapi sistem kita memberikan kebebasan kepada setiap individu untuk meningkat naik, untuk maju dalam hidup. Maka hasil daripada sistem itulah, maka Yang Berhormat walaupun telah ditahan di bawah ISA, sekarang bergelar Ahli Yang Berhormat, Member of Parliament. Ini adalah kerana hasil daripada sistem negara kita yang tidak memilih bulu, yang tidak discriminate, tidak

membeza-bezakan antara pembangkang dan penyokong kerajaan, tidak. Dengan sebab itulah, maka Yang Berhormat dapat duduk di sini sebagai Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada Timbalan Menteri berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Ya Sempoma.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya tahu masa Yang Berhormat agak terhad sedikit. Cuma saya ingin bertanya dan memberi penjelasan, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa ISA ini adalah perkara yang baik dan untuk mengawal. Allah S.W.T juga sedemikian rupa. Manusia diperintahkan kalau manusia beramal ganjarannya syurga, kalau manusia tidak beramal ganjarannya neraka. Tak akan kalau kita melanggar peraturan itu makanya kita masuk neraka kita kata bahawa Tuhan itu zalim. Begitu juga dengan peraturan dalam bukan dipersamakan.... *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan mesyuarat. Ini sudah beza.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah saya tahu, saya tahu. Duduk, duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, tengok. Balik mengaji semulalah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak jelaskan. Walaupun kita bertelagah ataupun berlawan dengan mana-mana pihak Tengku Razaleigh ada dah, Tan Sri Musa Hitam ada dah, Datuk Pairin Kitingan berpuluh tahun kita bertentangan dalam politik dengan mereka. Mereka tidak masuk ISA kerana mereka tidak buat apa yang rakan-rakan lain buat. Dan sudah pasti bila kita buat bila kerajaan bertindak itu dikatakan salah. Saya rasa perkara ini adalah amat penting bagi kita bagi umat manusia dan rakyat di negara ini bahawa ISA ini adalah sebahagian daripada kaedah yang diilhamkan daripada kita, ilham daripada pengajaran Islam bagaimana membendung tabiat manusia, naluri manusia yang ingin memberontak.

Beberapa ahli pembangkang: *[Bangun][Menyampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: Relek Yang Berhormat. Relek sikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Tidak apa nanti dulu. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat ....*[Sorak]*. Memang bersetuju kerana ISA adalah untuk orang yang memang layak dikenakan tindakan tersebut dan orang lain yang tidak ada salah orang tidak salah tidak ada apa-apa tidak akan hendak diambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Hashim bin Ismail: Hanya orang bersalah sahaja takut kepada tindakan ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengatakan neraka untuk orang bersalah, syurga untuk orang yang buat amalan baik. Jadi, orang yang tidak bersalah tidak perlu takut kepada ISA.

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga. Hendak bagi siapa Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya teruskan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi dulu ya. Dia tidak bagi lagi.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya. Macam ini saya tidak boleh bergerak langsung ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, teruslah Yang Berhormat. Kalau tidak kasi cakap tidak kasilah.

Tuan Hashim bin Ismail: Sekejap, sekejap Yang Berhormat saya akan bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan bagi, saya akan bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi lagi.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan bagi. Ya, saya akan habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruslah cakap. Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat. Duduk dulu.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila duduk dulu. Teruslah ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat Datuk saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Dia pun tidak ada di sini supaya kita tidak terlalu taksub dengan demokrasi, terlalu fanatik dengan demokrasi. Kerana kita mesti sesuaikan demokrasi dengan suasana negara kita. Dengan sebab itu saya tertarik hati dengan kata-kata George Bernard Show. Dia mengatakan begini, saya petik dengan izin.

"Freedom must be exercised with responsibilities. Right must be for the good of society. Democracy must be based on stability and liberty must not lead to anarchy."

Ha, ini. Apa yang kita lakukan ialah sesuai dengan pandangan ini. Dan saya juga....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu dia tidak bagi lagi Kota Melaka.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya juga ingin merujuk kepada seorang ahli fikir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Kota Melaka.

Tuan Hashim bin Ismail: John Barkley.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi lagi ya.

Tuan Hashim bin Ismail: John Barkley mengatakan, *"In its extreme human rights can turn to human riots. Democracy can turn to "democrazy". [Disampuk].* Ini pandangan seorang ahli fikir, John Barkley saya sebut tadi. Saya tidak pedulilah dia orang Amerikakah orang Baratkah tidak. Tetapi ini ahli fikir. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan cakap begitu Yang Berhormat. Biar dia bercakap.

Tuan Hashim bin Ismail: Seorang ahli fikir. Jadi, saya rasa Yang Berhormat...

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang berdiri, Kota Melaka hendak beri jalan.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya bagi sudah lama berdiri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Peringat ya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih ...

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam jangan cakap macam itulah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tadi ada Yang Berhormat berkata ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan pasar Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sebentar tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa dalam tahanan ISA tidak ada yang cacat cedera. Saya suka memperingatkan Yang Berhormat bahawa Tuan Guru Haji Omar dari Pasir Mas adalah salah seorang dari tahanan ISA menjadi gila kerana ditahan, di torture dan diseksa dalam tahanan ISA. Yang kedua yang terbaru saya terima maklumat daripada kawan-kawan dalam tahanan ada yang diberi minum air kencing dan diseksa dengan berbagai-bagai penyeksaan lagi. Jadi, saya harap Yang Berhormat tolong ambil maklumat ini dan cuba check dengan serius mengenai tindakan-tindakan yang tidak berperi kemanusiaan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, contoh yang paling jelas ialah apa yang dilakukan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim. Itu satu.

Yang kedua saya hendak minta penegasan daripada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat yakin dan sedar bahawa ISA ini adalah undang-undang yang halal dan dibenar oleh syarak apakah Yang Berhormat berani mengatakan bahawa undang-undang ini ada halal dari segi syarak, ianya tidak bertentangan dengan syarak. Dan Yang Berhormat juga berkata bahawa orang yang ditahan di bawah ISA ini adalah kerana dia bersalah. Di manakah ianya dibuktikan dan disabitkan bersalah, ianya tidak dibawa ke mahkamah. Ia hanya ditangkap kerana disyaki. Menurut Islam manusia semua tidak bersalah sehingga ianya dibukti bersalah. Jadi, kalau yang dituduh tidak dibawa ke mahkamah dan tidak dibuktikan dia bersalah kemudian ditahan, itu suatu kezaliman dari segi syarak dan jelas tindakan tersebut bertentangan dengan hukum syariat. Jadi, apakah Yang Berhormat berani mengatakan bahawa ISA adalah suatu undang-undang yang halal dari syarak bukannya undang-undang yang sesat. *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud, tidak ada lagi selepas kebenaran hanyalah kesesatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Jadi, saya tegaskan di sini ISA adalah undang-undang yang sesat, zalim dan bercanggah dengan syarak. Wallalualam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, panjang ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya .....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Diam Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat tanya tadi tentang ada halal dari segi syarak. Bagi saya dan bagi kami ia adalah justifiable kerana demi untuk menjaga keharmonian masyarakat dan rakyat demi untuk menjaga kepentingan negara, demi untuk menjaga majoriti rakyat maka saya rasa segala tindakan yang wajar untuk memastikan kita menjurus ke arah itu adalah satu tindakan yang diredai kerana kita lebih mementingkan majoriti, lebih mementingkan negara bukan golongan kecil kerana dalam Islam pun ...

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun][Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu Yang Berhormat jangan berhujah Yang Berhormat. Itu berhujah namanya. Biar dia jawab dululah.

Tuan Hashim bin Ismail: Dalam Islam pun memang kita digalakkan untuk mengutamakan kepentingan majoriti, kepentingan negara mengatasi segala-galanya. Jadi, kerana itu maka saya rasa justifiable tindakan ini.

Dato' Mustafa bin Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak jawab lagi atau hendak beri jalan. Dungun berdiri Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Cukup saya akan sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak bagi jalan ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya hendak sentuh Yang Berhormat punya isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Ismail: Sekejap Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju tadi Yang Berhormat bagi Dungun ada angkat satu buku yang bertajuk bahawa PM adalah khalifah di bumi Allah. Saya rasa saya bersetuju dengan pandangan atau pendapat penulis itu kerana maksud khalifah ialah mereka yang memakmurkan bumi Allah ini dengan segala program-program yang baik-baik. Ini yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Wawasan 2020 untuk kemajuan rakyat dan negara. Buat kereta nasional untuk kepentingan negara, bina jambatan Pulau Pinang dulu untuk kepentingan negara. Beliau telah memakmurkan bumi Allah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Nantilah dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia minta nanti ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Beliau telah, sedang dan akan memakmurkan bumi Allah ini dengan kerja-kerja yang baik-baik dan walaupun beliau diserang dari segenap sudut. Ada yang mengatakan mahazalim, mahafiraun dan sebagainya. Tetapi beliau terus tenang menerima segala ini dengan dingin, dengan tenang dengan aman, tidak ada beliau melenting menghujah dengan kata-kata nista terhadap orang-orang lain, terhadap musuh-musuh beliau, tidak ada.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanah Merah berdiri, hendak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Belum lagi, belum lagi. Saya sedang beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Belum lagi Yang Berhormat dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Dan ciri-ciri khalifah itu ada pada beliau. Pertama kerana memakmurkan bumi Allah dengan kerja amal yang baik-baik, amal makruf nahi mungkar beliau lakukan. Yang kedua beliau tenang dan tidak pernah mengumpat, mengeji sesiapa walaupun beliau diumpat dikeji dari segenap sudut oleh pihak-pihak lawan. Maka inilah sifat-sifat khalifah bumi Allah iaitu sentiasa memakmurkan,

menyatupadukan masyarakat, memakmurkan negara, membangunkan umat maka itu adalah tugas khalifah di bumi Allah bukan menghancurkan umat, bukan memusnahkan umat dan bukan memecahbelahkan umat. Maka saya bersetuju Yang Berhormat Datuk dengan pandangan saudara penulis dan terima kasih kepada saudara penulis itu di atas penulisan buku yang baik.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat. Yang mana bagi jalan Yang Berhormat? Ataupun hendak jawab terus Yang Berhormat itu terpulanglah. Kalau tidak bagi tidak bagilah Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya sudah banyak bagi peluang ini Yang Berhormat Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat hendak bagi siapa Yang Berhormat? Ya, Kota Melaka ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih. Saya rasa kalau kita hendak bagi alasan sebab-sebab mengapa ISA diperlukan dua-dua pihak pun boleh bagi banyak alasan tetapi soal pokok ialah prinsip demokrasi. Apakah sebabnya kerajaan kalau merasakan polis tidak mempunyai undang-undang yang cukup kita boleh buat undang-undang yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini sudah lepas tadi soalan.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau begitu soalannya. Saya pernah ditangkap di bawah ISA, saya tahu bahawa alasan-alasan itu diberikan tidak boleh meyakinkan saya dan juga tidak boleh yakinkan rakyat Malaysia. Tetapi apa yang mustahak ialah Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya di lain negara demokrasi orang boleh memerintah tanpa ISA dan apakah di Malaysia tidak boleh. Dan perkara ini perkara yang pokok sekali. Jadi, kalau kerajaan hendak mempertahankan saya rasa kita kembalikan kepada soal pokok. Dan apakah sebabnya. Kerajaan tidak boleh membentangkan kertas putih di dalam Parlimen untuk kita semua membahaskan isu ini. Dan kalau kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat...

Tuan Kerk Kim Hock: .....apabila kita sebagai Ahli Parlimen kita kena faham peranan yang berbeza di antara penggubal undang-undang, law makers. Kalau kita tidak faham peranan kita sebagai law makers saya rasa memang pihak di sana akan bercakap seolah-olah mereka adalah wakil eksekutif. Ini memang menjadikan satu masalah di negara kita ini di mana saya telah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia hendak dengar lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, kita kembalikan kepada soal pokok itu. Kalau kita tidak boleh mempertahankan demi prinsip demokrasi maka saya kata bahawa kerajaan telah gagal dalam mempertahankan prinsip demokrasi.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat Kota Melaka bercakap tentang demokrasi. Demokrasi bererti hak majoriti perlu diutamakan dan tindakan kita kepada seorang dua yang kemungkinan melakukan kekacauan, kemungkinan melakukan huru-hara adalah untuk menyelamatkan demokrasilah. Tindakan kita ini ialah untuk menyelamatkan demokrasi supaya golongan kecil tidak menentukan nasib golongan majoriti. Dalam negara demokrasi majoriti yang menentukan golongan minoriti.

Dato' Mustafa bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab lagi itu Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Tetapi apa yang Yang Berhormat mahu ialah seolah golongan kecil seorang dua ini yang menentukan segala-galanya. Mana boleh, ini bukan demokrasi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat. Dua orang berdiri hendak bagi jalan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat Kota Melaka saya hendak sambung lagi Kota Melaka punya..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya rasa Yang Berhormat kalau semua orang mengikut peraturan, mengikut undang-undang, maka ISA ini mungkin tidak perlu. Kalau semua orang jadi law abiding citizen jadi rakyat yang patuh kepada undang-undang tidak perlu. Tetapi oleh kerana, ada golongan-golongan yang tidak mematuhi peraturan, undang-undang maka ISA diperlukan. Saya ingin beri contoh baru-baru ini apabila polis mengatakan tidak boleh ada ceramah apa saudara-saudara kita pembangkang (PAS) mengatakan. "Kami akan teruskan. Kami akan teruskan berceramah tidak peduli siapa pun menghalangnya." Ertinya ada golongan yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan di Malaysia ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai yang berdiri Yang Berhormat ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Ramai berdiri macam mana saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat, tidak bagi. Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak bagi tidak bagi. *[Dewan riuh]* Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Susahlah saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. *[Disampuk]*. Tanah Merah ya.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak ambil ucapan yang dibuat oleh Dr. Mahathir sendiri semasa Konvensyen UMNO Yang Ke-50 di PWTC pada 11 Mei 1996. Yang dahulu tetapi kita hendak tengok kalau dia.... *[Ketawa]* Kita minta selepas ini dia ulas dahulu dan sekarang. Kata Perdana Menteri, "Se juta mogok seluruh negara dan tunjuk perasaan yang tidak henti-henti bukanlah senjata untuk memelihara hak sesiapa. Ia adalah senjata politik puak minoriti dan ia harus digunakan hanya jika kerajaan jelas amat zalim. Pada ketika itu, bukan sahaja cara-cara yang demokratik patut digunakan. Rakyat perlu memberontak untuk menjatuhkan kerajaan". Ha, itu kata Mahathir pada tahun 1996. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalannya Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Jadi, sekarang ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya.

Tuan Saupi bin Daud: Soalannya ialah kalau kita lihatlah kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Parlimen sekejap tadi, saya rasa amat jauh bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Dr. Mahathir pada 1996 dan pada hari ini seolah-olah abad 2001 ini dia sudah lupa yang dia katakan "Melayu Sudah Lupa" sebenarnya dia yang lupa perkataan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya ya. Cukup Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Diamlah Yang Berhormat. Yang Berhormat diamlah. Usah buat macam itu Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Okay, saya hendak quote kata Perdana Menteri dalam ucapan itu, "Jika kerajaan amat zalim....". Sekarang ini kerajaan zalimkah? *[Disampuk]* Kerajaan melakukan segala-galanya ....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Diamlah Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: .... Untuk rakyat....

Beberapah Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dengar sahajalah!

Tuan Hashim bin Ismail: ....untuk semua pihak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan buat macam itu.

Tuan Hashim bin Ismail: ....bukannya satu kezaliman. Apa yang dikatakan zalim? *[Disampuk]* Ya, dan kita masih lagi menguasai politik negara ini Yang Berhormat, rakyat masih lagi bersetuju, masih lagi merestui dan masih lagi favour dengan kerajaan yang ada. Apa yang mengatakan zalim, tidak zalim ini, Yang Berhormat Tanah Merah....

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia habis dahulu Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: ....yang menentukan sama ada zalim ataupun tidak ialah rakyat, majoriti rakyat. Bukan soal segelintir macam kita seorang dua yang mengatakan zalim, heboh, gempar dengan zalim sana sini. Tetapi sebenarnya yang menilai pimpinan ialah rakyat dan adalah didapati mereka hidup dengan mewah, makmur, sejahtera dan aman, tidak ada apa-apa kezaliman kerana itu rakyat terus memberi sokongan kepada kita. Itu bukti yang....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Mustafa bin Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak bagi jalan dua orang lagi Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Itu bukti yang cukup jelas dan nyata.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri siapa Yang Berhormat? Ya, Dungun.

Dato' Mustafa bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya ringkas sahaja. Oleh kerana selalu disebut bahawa apa tindakan yang dilakukan itu merupakan kehendak majoriti, adakah kerajaan bersedia dalam kes ISA ini mengadakan referendum, hendak tahu dia punya pandangan rakyat yang dilakukan oleh satu jawatankuasa yang bebas, satu suruhanjaya yang bebas bukan dilakukan oleh BN. Adakah kerajaan bersedia mengadakan satu referendum. Kalau referendum itu adil, rakyat majoriti suka pada ISA, kita terima keputusan itu. Adakah kerajaan bersedia untuk berbuat demikian?

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya rasa saya tidak perlu.... *[Sorak]* Tidak perlu.... *[Disampuk]* Dengarlah dahulu jawapan saya. Tidak perlu membuang masa mengadakan referendum kerana pilihan raya itulah referendum yang paling besar *[Tepuk]* yang mengesahkan segala-galanya.

Seorang Ahli: Referendum, kertas putih, referendum, kertas putih!

Tuan Hashim bin Ismail: Itu dia referendum. Oleh itu, kita tidak perlu ada mini referendum lagi kerana itulah referendum yang terulung dan paling unggul untuk kita menentukan sama ada rakyat menyokong kita ataupun tidak. Ini bukan cakap sombong Yang Berhormat. Kita, dengan izin Allah, insya-Allah sekarang ini rakyat masih menyokong BN. *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi siapa Yang Berhormat? Ya, Sri Gading ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya di Likas dua minggu. *[Disampuk]* Saya tanya pengundi di Likas, "Anda hendak undi siapa? Barisan Nasionalkah atau pembangkang?" Pembangkang mengutarakan macam-macam, di antaranya ISA. Jawapannya, saya amat terperanjat, terperanjat!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Bukan terkejut.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: "Saya akan pertahankan kerajaan ini kerana bangun tidur tentu saya ada sarapan, bangun tidur tentu anak saya pergi sekolah, bangun tidur tentu saya akan pergi kerja, petang anak saya akan balik, petang saya akan balik, hidup dalam aman, 24 jam elektrik, 24 jam air, 24 jam TV, 24 jam radio, jalan raya, pasar, aman, saya akan pertahankan kerajaan ini dengan darah dan nyawa saya. Itu bermakna ISA sebenarnya isu yang tidak relevan kepada rakyat Malaysia. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah soal ISA ini di dalam bil kita? *[Ketawa]* Tidak ada ya, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Usahlah.

Tuan Hashim bin Ismail: ....saya ingin beri penjelasan sedikit bahawa ISA ini telah dibangkitkan oleh pembangkang, ramai yang membangkitkannya dan selaku anggota kerajaan, saya terpaksa menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Dan saya tidak boleh membiarkan tohmahan-tohmahan seperti itu berlepas begitu sahaja tanpa ada hujah daripada pihak anggota kerajaan dan saya ucap terima kasih kepada penduduk Likas kerana memberikan kemenangan kepada Barisan Nasional dan kita bangun tidur ada segala-galanya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ha, cukuplah. Tidak payahlah berucap berkenaan dengan ISA lagi. Sila teruskan Yang Berhormat ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mendakwa bahawa dasar penswastaan negara adalah satu kegagalan yang total. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak penswastaan diperkenalkan pada tahun 1983, sebanyak 457 projek telah diswastakan dan kalau ada tiga empat projek yang tidak mencapai sasarannya, adalah tidak adil bagi kita membuat kesimpulan bahawa keseluruhan dasar penswastaan itu gagal. Ada 457 yang telah kita swastakan, kebanyakannya berjaya.

Melalui penswastaan ini kerajaan telah dapat menyelamatkan RM123 bilion dan dengan itu kerajaan boleh menumpukan usaha ke arah pembangunan sosial seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan luar bandar dan lain-lain. Melalui hasil jualan aset dan ekuiti di bawah penswastaan ini, kerajaan telah beroleh hasil sebanyak RM24 bilion. Oleh kerana kerajaan tidak lagi memikul komitmen kewangan yang besar seperti dahulu, maka kerajaan mampu mengurangkan cukai pendapatan, sekali gus meringankan bebanan rakyat.

Misalannya, pada tahun 1980, maksimum cukai individu hingga 55%, sekarang hanya 29% sahaja. Cukai korporat 40%, sekarang hanya 28% sahaja. Ertinya, ianya memberikan manfaat dan faedah kepada rakyat. Bagi pekerja entiti yang diswastakan, selain daripada menikmati gaji yang lebih, mereka juga dapat menikmati The Employees Share Options (ESOS) yang ditawarkan oleh syarikat masing-masing dan seramai 75,622 orang pekerja yang dapat menikmati skim ESOS ini, dan saya rasa Yang Berhormat, jikalau kerajaan terpaksa membiayai projek-projek ini tanpa penswastaan kesan krisis kewangan tahun 1997 adalah lebih serius, akibatnya....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua yang bangun Yang Berhormat ya. Hendak beri jalan yang mana?

Tuan Hashim bin Ismail:...bertambahnya hutang luar yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Jadi, kalau Yang Berhormat mengatakan buat satu andaian dan kesimpulan, penswastaan merugikan, *total complete failure*, saya dengan ini cuba mengatakan menyanggah pendapat itu bahawa kita tidak boleh melihat dari skop yang kecil, malah penswastaan dalam skop yang luas amat menguntungkan negara dan bukan satu *complete failure*.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan kepada siapa?

Tuan Hashim bin Ismail: Tidak perlu...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya rasa tidak payah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti karang...

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan jika tidak bagi, sila teruskan. Jika bagi, bagi ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tidak banyak masa. Nanti Yang Berhormat, saya mungkin dalam masa menggulung nanti, saya akan beri peluang, insya-Allah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah terutama sekali untuk penghujah kita yang pertama iaitu dari segi kerja membersihkan parit kurang memuaskan dan lain-lain Yang Berhormat pun maklum.

Jawapan kepada soalan Yang Berhormat, ada kawasan di Johor bagi kerja-kerja membersihkan parit masih belum diambil alih oleh SWM. Pihak berkuasa tempatan (PBT) masih menjalankan kerja-kerja ini. Yang kedua, SWM biasanya mengambil alih kawasan sebaik sahaja diarah oleh PBT. Jika SWM lewat melaksanakan kerja-kerjanya, biasanya kerana tiada arahan dari PBT dan sampah-sampah di tepi jalan yang tidak dipungut, Yang Berhormat sentuh iaitu jawapannya ialah semua sampah di kawasan PBT akan dipungut. Jika ada kawasan yang tidak dipungut, mungkin ianya di luar kawasan PBT.

Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang kenapa cukai pintu tidak turun. Untuk menjawab soalan ini, apabila dikeluarkan perkhidmatan sisa pepejal oleh IWK, kadar cukai pintu tidak turun kerana:

a) jika tidak dikeluarkan, kadar ini sepatutnya telah dinaikkan tetapi dengan pengeluaran ini, kadar tidak dinaikkan;

b) perkhidmatan yang diberikan lebih baik. Yang Berhormat mengakui semalam bahawa perkhidmatan lebih baik, maka....

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti dahulu, nanti Yang Berhormat, saya hendak habiskan ini. Maka ianya memerlukan peningkatan kos. Kos ini perlu ditanggung oleh pihak pengguna. Jadi, kenaikan itu saya rasa adalah wajar dan munasabah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Dalam perbahasan saya, saya ada katakan bahawa pembayar cukai masih tidak puas hati tentang perkhidmatan membersihkan parit tepi jalan. Sebenarnya pihak berkuasa tempatan yang saya sebut iaitu dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah memang sejak tahun 1997, bulan November, telah dikontrakkan kepada pihak SWM dan sebenarnya dalam kontrak ada disebutkan iaitu untuk pembersihan parit tepi jalan adalah dua minggu sekali iaitu satu bulan dua kali. Tetapi oleh kerana pihak SWM tidak mempunyai tenaga kerja yang cukup, oleh yang demikian, boleh dikatakan daripada responden-responden yang dijumpai oleh pihak pegawai dari Jabatan Audit Negara bila mereka melawat ke kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, mereka tanya penduduk-penduduk di kedua-dua kawasan itu, daripada siasatan mereka, 85% tidak puas hati.

Daripada lawatan yang saya lakukan di kawasan kampung-kampung baru dan taman-taman perumahan, memang didapati bahawa sentiasa nampak longkang-longkang atau parit-parit tepi jalan di kampung baru atau di taman-taman boleh dikatakan ada yang bersih, ada yang penuh dengan sampah-sarap, pasir, tanah dan lain-lain. Bila kita tanya penduduk, mereka kata memang tidak nampak ada pekerja datang membersihkan dan saya hendak beritahu satu contoh seperti di Pekan Gelang Patah, yang mana pada masa dahulu di bawah pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, ada tiga orang pekerja untuk buat kerja membersihkan parit di sana. Tetapi selepas diswastakan, dikontrakkan kepada SWM, cuma ada seorang pekerja.

Saya sendiri nampak pekerja itu sudah berumur lebih 55 tahun, seorang pesara yang diberikan tugas untuk..., seorang orang tua yang diberikan tugas seorang sahaja membuat kerja di seluruh kawasan pekan Gelang Patah untuk membersihkan parit di tepi jalan. Saya nampak dia memang rajin bekerja tetapi bagaimana seorang pesara, usia sudah lebih 55 tahun diambil oleh pihak SWM buat kerja ini, membuat kerja yang dahulu dibuat oleh tiga orang pekerja daripada pihak berkuasa tempatan. Perbandingan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang sangat itu.

Tuan Chang See Ten: Saya hendak tanya, saya beri misalan kerana saya dapati kemungkinan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah salah anggap apa yang saya katakan semalam. Saya memang kata penswastaan ada kebaikan tetapi kelemahan, kita mesti tinjau. Kita mesti memperbaiki supaya kita dapat....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, buat ucapan tu.

Tuan Chang See Ten: .. mencapai matlamat penswastaan. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Boleh dikatakan dalam kawasan PBT yang saya sebutkan tadi itu memang di bawah SWM. Tidak ada lain agensi yang membuat kerja kecuali jalan yang di bawah PLUS dan Jalan Persekutuan di bawah JKR barulah kerja pembersihan diuruskan oleh PLUS dan JKR. Yang lain semua oleh SWM. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Oleh kerana kes ini begitu spesifik dan kita tidak dapat memberikan pengesahan tentang apa yang berlaku sebenarnya dan saya rasa pihak kami akan membawa isu ini kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat meninjau isu ini dan juga sekali gus mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya tidak dapat memberi komen yang lebih daripada itu Yang Berhormat kerana ianya di luar daripada bidang pengetahuan saya, setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah memberi penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan beliau juga menyentuh juga tentang caj commercial bill pembetungan adalah tinggi.

Sebenarnya kerajaan amat prihatin tentang caj bil pembetungan bagi pelanggan komersial dan telah mengurangkannya sebanyak tiga kali Yang Berhormat. Misalnya pada tahun 1997 sekali, Julai 1998 kali kedua, Oktober 1999 kali ketiga, jumlah pengurangan keseluruhannya ialah 40%.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga menyentuh bil IWK yang belum dibayar oleh pelanggan setakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pada akhir Jun

2001 Yang Berhormat, IWK mempunyai hutang yang belum dibayar oleh pelanggan berjumlah RM283 juta. Ertinya yang masih tertunggak, yang belum dipungut RM283 juta. Ini merangkumi lebih kurang 37% daripada jumlah bil yang telah dikeluarkan oleh IWK. Saya rasa itu sahaja isu Yang Berhormat. Kalau ada yang tidak saya sentuh kita ada catatan dan kita akan kemukakan kepada kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya bangkitkan pagi tadi, berhubung dengan caj yang dikenakan kepada pinjaman mudah bagi bekalan air di negeri Kelantan, Terengganu, dikenakan 2% sedangkan negeri lain tidak dikenakan dan saya menganggap ini satu tindakan diskriminasi terhadap dua negeri. Bolehkah Yang Berhormat verify, sahkan ataupun sebaliknya. Saya hendak meminta kepastian.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya akan sampai kepada isu Yang Berhormat bangkitkan tadi. Kerana saya mengikut giliran Yang Berhormat. Penghujah yang pertama saya berikan keutamaan dan seterusnya. Yang Berhormat adalah yang akhir sekali saya rasa dan kena tunggulah sampai saya tiba kepada giliran Yang Berhormat.

Yang Berhormat Serdang....

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin meminta penjelasan iaitu, adakah pihak Kementerian Kewangan sedar bahawa kali ini pihak berkuasa Majlis Perbandaran Johor Bharu Tengah sudah menaikkan cukai pintu mulai tahun 2001. Seperti yang saya sebutkan dalam perbahasan saya, rumah kedai, rumah kompleks dan rumah kediaman ada yang kena cukai pintu kenaikannya lebih kurang 100% atau 200%. Dalam perbahasan saya, saya ada katakan Skudai Parade, dapat bil lebih kurang RM1 juta untuk cukai pintu kali ini berbanding dengan yang dahulu tahun 2000, cuma RM300 ribu sahaja. Lebih 200% kenaikan dan tambahan dengan caj IWK yang tinggi untuk premis komersial. Ini adalah merupakan satu beban yang sangat tinggi kepada pihak komersial.

Sebab itu saya kata daripada tiga kali kita pinda caj IWK untuk rumah kediaman adalah didapati munasabah tetapi untuk premis industri dan premis komersial masih tinggi. Kemungkinan pihak kerajaan ingin melalui begini iaitu kedai dan industri lebih tinggi supaya dapat menolong kawasan perumahan. Kita amalkan seperti Robin Hood menolong orang miskin, yang kaya tolong orang yang miskin. Sebab itu caj untuk komersial dan industri lebih tinggi. Boleh lebih tinggi tetapi jangan tinggi sangat. Tinggi sangat sekarang mereka tidak mahu bayar, lagi teruk. Walaupun ada peraturan boleh kompaun tetapi mana kita boleh bawa mereka sekarang. Jawapan Yang Berhormat bahawa ramai orang tidak membayar. Bagaimana kita hendak menangani masalah ini supaya mereka akan sendiri datang membayar caj IWK, ini yang penting. Sila beri jawapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi mengatakan Robin Hood ya, iaitu yang kaya bantu yang miskin, komersial membantu rumah-rumah individu. Jadi, saya rasa saya bersetuju bahawa memang itulah dasamya kerana kita tahu bahawa premis komersial adalah mereka yang dapat keuntungan yang lebih daripada rumah-rumah individu. Tetapi ini bukanlah menjadi satu dasar kerajaan, cuma kita cuba offset kan di antara kedua pihak ini dan kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa terlalu tinggi, oleh kerana itu mereka tidak membayar, maka saya rasa ini adalah tidak wajar kepada pihak komersial kerana setelah mereka mendapat faedah dan keuntungan maka mereka seharusnya melaksanakan tugas untuk membayar cukai yang dikenakan oleh kerajaan.

Saya rasa Yang Berhormat perkara ini saya hendak cakap lebih pun saya tidak begitu maklum dan saya akan kemukakan isu ini kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberikan pertimbangan sewajarnya. Yang Berhormat juga boleh bangkitkan di peringkat jawatankuasa nanti di mana kementerian sendiri akan menjawab isu-isu seperti ini dan Yang Berhormat akan mendapatkan pengesahan yang lebih jelas daripada pihak yang benar-benar berkaitan dengan isu Yang Berhormat bangkitkan.

Yang Berhormat bagi Serdang ada membangkitkan tentang mengkaji semula status SRJK(C), SRJK(T) daripada sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh dengan alasan lebih 60 ribu murid Melayu dan India memasuki SRJK(C).

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Serdang, Akta Pendidikan 1986 adalah jelas menyatakan terdapat institusi pendidikan sekolah iaitu:-

(a) sekolah kerajaan;

(b) sekolah bantuan kerajaan; dan

(c) sekolah swasta.

Sekolah kerajaan, bangunan dan tapak sekolah dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Itu dia kategori sekolah kerajaan. Sekolah bantuan kerajaan pula bangunan dan tapak sekolah bukan milik kerajaan. Oleh yang demikian kerajaan tidak dapat memberi bantuan sepenuhnya seperti sekolah-sekolah kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di belakang bangun Yang Berhormat. Ya.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Minta penjelasan, terima kasih. Saya difahamkan walaupun di dalam Akta Pendidikan kata begitu tetapi in reality, dengan izin sekarang lembaga-lembaga pengurus sekolah SRJK(C) sangat sulit untuk mengutip derma. Contohnya kalau 60 ribu murid daripada kaum bumiputera belajar di SRJK(C) iaitu puratanya satu sekolah 1,000 murid-murid, itu kurang lebih berapa? 60 buah sekolah. Ini semua seperti infrastruktur dan hard ware semua di finance oleh derma daripada komuniti orang Cina, ini sangat sulit. Walaupun peraturan di dalam Ordinan Pendidikan mengatakan begitu, tolonglah, bolehkah dikaji semua atau dipinda? Ini sudah tidak ada realistik lagi, tidak adil pun. Sekian.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sibu di atas pandangan yang dikemukakan. Memang benar untuk memungut derma bukanlah satu yang mudah. Kerana itu saya rasa kerajaan juga prihatin tentang perkara ini dan kerajaan memberi bantuan bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan berdasarkan kepada RM1.00. Ertinya 50% daripada pembiayaan sekolah-sekolah itu diberikan oleh kerajaan dan 50% kita dapatkan daripada sumber-sumber lain. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak melepaskan tanggungjawab atau lepas tangan dalam perkara ini, kerana kerajaan sentiasa sahaja memberikan bantuan dalam bentuk yang saya sebut tadi.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Walaupun saya faham akta pendidikan yang telah dibahaskan di Dewan ini tetapi adakah Yang Berhormat boleh mengesahkan sama ada yang dikata oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya baru-baru ini bahawa Kabinet telah bersetuju untuk meminta pihak Kementerian Pendidikan untuk mengkaji status sekolah Cina dan sekolah Tamil sebagai bantuan modal untuk menyelesaikan masalah ini. Bolehkah Yang Berhormat mengesahkan sama ada benar ataupun tidak kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak dapat mengesahkan Yang Berhormat, tetapi memang benarlah kalau kita mahu bantuan penuh kerajaan, kita perlu mengubah status sekolah ini kepada sekolah kerajaan dan kalau ada usaha-usaha ke arah ini oleh mana-mana pihak pun maka Kementerian Pendidikan sudah pasti akan mengalu-alukannya supaya tidak timbul lagi soal ada sekolah yang terpaksa mendapatkan bantuan dari sumber-sumber luar. Yang penting kita ubah status ini dan kita perlukan kerjasama daripada semua pihak supaya ciri sekolah kerajaan dapat kita penuhi dari masa ke semasa, dapat kita kurangkan sekolah bantuan kerajaan ini atau sekolah swasta ini dapat dikurangkan. Syaratnya semata-mata ialah kita perlu penuhi Akta Pendidikan 1996 tadi iaitu menjadikannya sekolah kerajaan dan ciri-ciri sekolah kerajaan itu perlu kita penuhi terlebih dahulu. Insya-Allah kerajaan akan mengalu-alukan segala usaha yang baik ini supaya akhirnya apabila status sekolah ini dapat kita ubah, kita tukar kepada sekolah kerajaan dan tentu tidak timbul lagi.....

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua orang yang bangun.

Tuan Hashim bin Ismail: .. isu-isu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sibu. Kerajaan sentiasa terbuka dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan tidak?

Tuan Hashim bin Ismail: Pasal apa ini Yang Berhormat, isu apa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, jangan tanyalah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bantuan sekolah Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan tanyalah. Hendak bagi jalan atau tidak ya. Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini telah beberapa kali dibangkitkan oleh kedua-dua ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang. Yang Berhormat bagi Sibu, Serdang ini semua Ahli Parlimen dari Barisan Nasional. Adakah perkara ini tidak diselesaikan dalam parti komponen parti Barisan Nasional sehingga mereka terpaksa membangkitkan di sini dan tidak ada nampak perubahan daripada pihak kerajaan?

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, bahawa saya ingin memaklumkan Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bermuafakat, sentiasa sahaja berunding dalam semua perkara. Tidak ada masalah, kita sudah lama wujud, bukan sehari dua. Kita wujud sudah berpuluh-puluh tahun. Sebarang masalah kita runding di meja perundingan. Akhirnya, satu penyelesaian yang bijaksana dapat kita capai dan kita laksanakan. Apa masalahnya, tidak ada masalah saya rasa. Sebagai Ahli Parlimen, dia terpaksalah..., ini isu yang memang hak mereka untuk membangkitkannya, bukan bererti bahawa isu ini tak ada jalan penyelesaian. Jadi, itu pandangan saya Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih banyak di atas soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman bangun ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan kerana kita tidak sefahaman. Oleh kerana perubahan tiap-tiap hari, tiap-tiap bulan, jadi oleh kerana itulah kita terpaksa apabila ada masa kita bertanya dan minta penjelasan. Kita memang ada persefahaman yang seratus peratus di antara parti Barisan Nasional. Tetapi di sini bolehkah saya minta kementerian menukar polisi mind set kita, beri bantuan seratus peratus dengan tidak mengubah cara pengurusan oleh kerana kita juga mesti menunjukkan sikap terima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah sekolah SRJK(C) ini kerana mereka telah menderma tanah, membantu membuat bangunan tetapi mulai daripada sekarang kita bagi bantuan penuh. Oleh kerana di kawasan saya terdapat sekolah yang jenis ini yang terletak di kawasan pertanian, tidak ada industri hinggakan pengerusi/pengurus pun orang bumiputera, ahli-ahli lembaga pengurus pun bumiputera. Jadi, mereka tidak ada pendapatan, tidak ada sumber untuk menjaga sekolah ini dan kebanyakan, hampir 80% murid pun bumiputera. Saya rasa SRJK(C) ini ada peranan dalam membangunkan negara kita dan saya rasa apabila kita bemiaga dengan negara China yang satu bilion orang, memang akan menyumbang terhadap pembangunan sumber manusia kita Malaysia ini. Apa penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya juga bagi pihak kerajaan amat gembira apabila mengetahui bahawa terdapat 60,000 orang murid Melayu dan India dalam sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan ini merupakan satu petanda yang cukup baik dan cukup menggalakkan.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya rasa Yang Berhormat tadi di peringkat awal hujah Yang Berhormat mengakui bahawa kita memang sentiasa bersefahaman dan juga sentiasa harmoni. Jadi, kerana itu saya rasa tidak ada masalah untuk kita berunding terus dan untuk Yang Berhormat sendiri mengajukan, mengangkat isu ini kepada pihak yang lebih atas, kerajaan sebagai kerajaan yang terbuka dan fleksibel dan sentiasa mesra rakyat, saya rasa sentiasa boleh memberi pertimbangan kepada mana-mana isu atau persoalan yang dibangkitkan. Saya rasa tak ada masalah bagi kita dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Hashim bin Ismail: Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi. Dengan kerana mengikut Peraturan Mesyuarat berkenaan dengan perbahasan dasar ini hanya dihadkan kepada satu hari, selebih-lebihnya satu hari. Yang Berhormat, jikalau sekiranya boleh kita habiskan sebelum pukul 1.00 ini. Sila teruskan.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak boleh saya selesaikan sebelum ini. Tetapi saya cubalah dengan syarat tidak pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya bukan mengelakkan diri daripada sebarang pertanyaan. Saya selalu bersikap terbuka tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua hanya membenarkan pukul 1.00, saya baca dan tidak ada gangguan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan tentang sebab yang mendorong kerajaan membeli UEM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan pembelian UEM oleh Khazanah adalah berdasarkan pada prinsip komersial. Jika berjaya ia akan merupakan pelaburan yang bakal memberi pulangan kepada Khazanah. Ini adalah kerana mengikut para penganalisis saham, harga saham UEM berada di paras nilai sebenarnya ataupun dengan izin, under value. UEM juga mengalami masalah persepsi di kalangan para pelabur kerana sistem pentadbiran korporatnya ataupun corporate governance yang dikatakan tidak baik. Sebenarnya kerajaan telah menunggu sekian lama untuk pihak swasta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh UEM tetapi tidak ada mana-mana pihak swasta yang mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelamatkan ataupun untuk mengambil alih UEM.

Di samping itu, isu corporate governance UEM telah menghalang pelabur-pelabur asing daripada kembali melabur di BSKL. Penglibatan Khazanah di dalam pengambilalihan UEM ialah kerana Khazanah mempunyai kebolehan kewangan untuk menjalankan pengambilalihan ini dengan sempurna dan efektif dan boleh menyusun semula kumpulan UEM seterusnya supaya nilai sebenar UEM akan terserlah. Juga tindakan Khazanah dilihat sebagai suatu yang positif untuk pelabur-pelabur. Kebanyakan penganalisis saham berpendapat bahawa sekiranya Khazanah berjaya di dalam pengambilalihan ini pelabur-pelabur asing akan kembali semula ke BSKL.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat, saya telah sebutkan bahawa salah satu daripada sebab pengambilalihan ini ialah kerana persepsi negatif dalam pasaran disebabkan oleh isu pengurusan korporat Renong-UEM dan saya ingin tahu, apakah yang dimaksudkan isu-isu negatif pengurusan korporat yang disebut oleh Yang Berhormat tadi yang telah berlaku dalam Renong dan UEM dan mengapakah kerajaan membiarkan perkara ini berlaku begitu lama.

Yang kedua, dalam justifikasi pengambilan ini hanya dua faktor tidak diberikan iaitu undervalue dan juga persepsi negatif pasaran. Jika sekiranya UEM dan Renong ini tidak dibebani oleh hutang dan default loan telah berlaku dalam anak-anak syarikat dan induknya sendiri, adakah kerajaan terpaksa mengambil alih, adakah kerana dua faktor ini sahaja, faktor yang tunggal untuk mendorong kerajaan mengambil alih. Ataupun hutang itu sendiri adalah faktor yang paling besar kerana syarikat-syarikat ini tidak boleh lagi service the loan dan dengan itu akan runtuh dan itulah sebab sebenar. Jika ini sebab yang sebenar, saya ingin bertanya, apakah kerajaan telah mengkaji secara terperinci sebab syarikat ini akan akhirnya gagal, akhirnya runtuh.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Kubang Kerian, kerajaan memang sedang mengkaji faktor-faktor dalaman yang menyebabkan syarikat ini akhirnya tidak berjaya ataupun terpaksa diambil alih oleh pihak Khazanah kerana ini mengambil masa yang agak lama dan kerajaan tetap bertanggungjawab dan accountable terhadap isu ini tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita tidak seharusnya melihat segala-galanya ini pada peringkat face value atau nilai muka semata-mata tanpa mengambil kira aspek-aspek kesannya kepada negara.

Jadi, pengambilalihan oleh Khazanah, bagi saya adalah mempunyai sebab-sebab yang lebih murni daripada apa yang kita faham di peringkat face value. Misalannya Yang Berhormat, kita ambil kira kesannya kepada kepentingan para pekerja yang beribu-ribu orang itu, kesannya kepada maruah dan kedaulatan negara. Jika syarikat konglomerat ini, yang sebesar ini terpaksa meraih pertolongan dan campur tangan pelabur luar, itu juga kita ambil kira. Kesannya kepada matlamat ekonomi baru dan penglibatan golongan bumiputera dalam berkongsi kek ekonomi negara yang kini baru tercapai lebih kurang 19.4% sahaja. Itu adalah di antara pertimbangan yang perlu kita ambil kira.

Lepas itu juga kesannya kepada NPL negara, ertinya NPL negara kerana dengan penyelesaian masalah syarikat konglomerat ini Yang Berhormat, ia mampu menyelesaikan lebih kurang 5% NPL negara. Ertinya kita tidak mahu supaya NPL terus meningkat dan kita ambil alih supaya dengan penyelesaian ini, NPL dapat kita kurangkan dan juga kesannya kepada pembangunan negara itu sendiri kerana syarikat ini mewakili projek-projek pembangunan infrastruktur negara yang mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan kepentingan rakyat. Jadi, itu di antara underlying factor yang menyebabkan, yang mendorong kita untuk bertindak seterusnya, bukan kita lihat peringkat face value semata-mata.

Dato' Mustafa bin Ali: Penjelasan sedikit, boleh?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Penjelasan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana alasan-alasan mengambil alih ini ialah kerana kepentingan negara, kita akui bahawa infrastruktur termasuk juga MAS juga pun, ini juga ada kepentingan negara, adakah kerajaan telah membuat keputusan seterusnya, aktiviti ataupun sektor yang melibatkan kepentingan negara tidak lagi akan diswastakan supaya tidak melibatkan pengambilan balik. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Sebenarnya saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat ini seperti begini, iaitu tidak ada silap, tidak ada cacat celanya penswastaan ini. Seperti yang saya sebut tadi Yang Berhormat, 457 projek yang telah diswastakan sepanjang penswastaan yang kita laksanakan, hanya dua, tiga projek yang tidak mencapai sasaran. Kita tidak boleh katakan bahawa penswastaan itu adalah sesuatu yang tidak boleh, tidak molek, tidak elok dan tidak boleh diteruskan kerana Yang Berhormat harus tahu juga bahawa di antara sebab kegagalan misalannya seperti MAS kerana krisis ekonomi ataupun krisis kewangan 1997. Selepas itu harga minyak yang tinggi dan kita akui corporate governance ataupun mismanagement mungkin ada berlaku. Dan kerajaan sedang menyiasat, sedang mengkaji apakah bentuk mismanagement yang berlaku dan kita belajar daripada pengalaman itu. Kita belajar daripada kesilapan kita, belajar daripada pengalaman itu untuk kita memperbaiki dasar penswastaan bukan untuk terus menghapuskannya.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya belum beri...

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak ada masa Yang Berhormat, lagi sepuluh minit, kita boleh bincang di luar kalau perlu Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menanyakan tentang kewajaran Khazanah mengambil alih UEM ini, apakah kewajarannya dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa nilai saham UEM yang dibeli oleh kerajaan pada RM4.50 itu tetapi mengikut penganalisis saham, ianya terletak di antara RM5 hingga RM8, ertinya seperti yang saya sebut tadi bahawa nilai yang diperolehi oleh Khazanah adalah satu nilai yang cukup munasabah dan berpatutan. Harga se saham UEM di BSKL lebih kurang RM4 sekarang dan sebelum Khazanah mengisytiharkan tindakan GO, adalah lebih rendah daripada itu iaitu RM2 hingga RM3 se saham. Yang pentingnya jika Khazanah berjaya, barulah usaha boleh diambil untuk menilai sebenar UEM, RM5 hingga RM8 terserlah.

Proses penyusunan semula UEM akan mengambil masa dan bukan senang tetapi insya-Allah akan dapat kita lakukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada tujuh penganalisis saham seperti yang dibincangkan semalam yang telah mengemukakan analisis masing-masing, misalnya RHB Securities, 'Vicor Valas', ABN, AMRD, CIMB, Merrill Lynch, Arab Malaysia Securities, ING Baring, kesemuanya memberikan satu penilaian yang cukup menarik untuk UEM ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada dua yang bangun, hendak beri jalan atau tidak? Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Hashim bin Ismail: Kalau saya ada masa, saya akan beri, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga ada membangkitkan isu penswastaan lebih mahal jika dibandingkan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif penswastaan ialah untuk mengurangkan kakitangan kerajaan, mengurangkan perbelanjaan kerajaan, meningkatkan mutu perkhidmatan dan meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Itu adalah empat objektif atau matlamat penswastaan.

Kadang-kadang penswastaan nampak mahal kerana apabila kerajaan buat, banyak hidden cost yang tidak diambil kira, misalannya kalau dilaksanakan oleh kerajaan, tidak perlu bayar kos tambahan seperti cukai jalan bagi kenderaan, bayaran perubatan kakitangan, kenaikan gaji 17.5%, subsidi bayaran faedah pinjaman yang semuanya ditanggung oleh pihak syarikat.

Jadi, kerana itu, adanya hidden cost ini maka seolah-olah ianya kelihatan projek penswastaan kelihatan lebih mahal ataupun lebih tinggi daripada jikalau projek itu dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga ada menanyakan, apakah kerajaan tidak mengawal MAS selepas ianya diswastakan ataupun dijual kepada Tan Sri Tajuddin Ramli sehingga menyebabkan kerugian MAS dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerugian ini disebabkan di antaranya oleh faktor-faktor di luar kawalan pengurusan MAS terutamanya kadar tukaran asing, kos bahan bakar yang naik mendadak dan kadar tambang yang rendah dan juga selagi sektor domestik yang membawa kerugian kepada sektor berkenaan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga bertanya tentang masalah persepsi negatif terhadap UEM. Untuk jawapan kepada soalan ini, masalah hutang bukannya satu-satunya faktor yang ditimbangkan. Yang kedua, penyusunan semula hutang hanya sebahagian daripada usaha menyusun semula kedudukan Kumpulan UEM dan masalah persepsi boleh kita baiki dengan memperbaiki tadbir urus korporat UEM.

Yang Berhormat bagi Tambun minta supaya dalam bahasa yang mudah difahami, untuk kita menjelaskan tindakan Khazanah mengambil alih UEM dan tadi semasa menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah saya berikan jawapannya iaitu beberapa pertimbangan perlu diambil kira seperti kesannya kepada ekonomi negara, kesannya kepada pekerja, kesannya kepada penyertaan bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru, kesannya kepada integriti atau sovereignty negara Malaysia, jikalau kita perlu terpaksa meraih pertolongan daripada pihak luar, maka kesemuanya ini kita ambil kira dan telah saya katakan tadi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, kita tidak boleh ambil ini sebagai at face value semata-mata tetapi ada underline factor yang mendorong Khazanah untuk bertindak sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang Ahli yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Ya, yang mana satu ya, Jeli.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, Jeli.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Isu UEM menjadi isu yang hangat dan menarik akhir-akhir ini tetapi isu ini telah pun dibahaskan secara panjang lebar dan secara hangat di Parlimen kira-kira mungkin sepuluh tahun yang lalu. Jadi saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, umpamanya dalam kes Lebuhraya Utara/Selatan, pada waktu itu Lebuhraya Utara/Selatan dibina dan dikendalikan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Dan pada ketika itu, beberapa stretch, dengan izin, tertentu umpamanya Sungai Besi/Seremban, umpamanya Ipoh/Changkat Jering, umpamanya Langgar/Bukit Kayu Hitam dan beberapa stretch tertentu telah pun dibina oleh kerajaan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia. Apakah Yang Berhormat tidak fikir bahawa sekiranya lebuh raya ini diteruskan kerana umumnya laluan cadangan lebuh raya ini telah pun dikemukakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, dari Bukit Kayu Hitam sampai ke Johor.

Apakah Yang Berhormat sedar bahawa sekiranya projek ini diteruskan oleh kerajaan, mungkin kosnya hanya RM1.5 bilion dan dikendalikan oleh kerajaan dengan kadar tol yang sama maka yang akan mendapat pulangannya adalah kerajaan dan rakyat, tetapi kerajaan beri kepada swasta dan swasta hanya menyambung apa yang belum siap dan sekarang ini apa jadi padanya, kita semua kena tanggung balik. Tidakkah rasional pada waktu sepuluh tahun dahulu, teruskan suruh Lembaga Lebuhraya Malaysia operate.

Saya rasa kalau buat macam itu, lebih profitable kepada kerajaan. Daripada kita beri swasta akhirnya kita pula yang kena tanggung daripada kesilapan pengurusan swasta tersebut. Walhal lebuh raya itu hampir sudah siap, mungkin dalam 70% lagi belum siap, yang lain semua sudah siap, sudah beroperasi. Minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Sebenarnya hasrat kerajaan untuk menswastakan lebuh raya dan saya rasa tidak wajar untuk kerajaan separuh diberikan kepada swasta dan separuh kerajaan ambil. Kerajaan main peranan kerana hasrat kita ialah untuk urusan lebuh raya kita serahkan kepada pihak swasta dan tidak timbul saya rasa hujah yang mengatakan bahawa kalau kerajaan teruskan projek itu, maka ianya akan lebih profitable, lebih menguntungkan kerana hasrat kerajaan memang hendak diserahkan 100% kepada swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, kita sudah sampai pukul 1.00 ini, Yang Berhormat, panjang lagikah jawapan?

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya akan mengambil masa lagi lima atau sepuluh minit selepas pukul 2.30 nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, kalau tidak kita kena adakan satu Usul hendak menangguhkan operation di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2) ya, kalau sekiranya lebih daripada satu hari ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua: Ya, mesyuarat disambungkan semula. Setiausaha sila sambungkan.

2.32 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bacakan terus untuk menyelamatkan masa dan saya mohon maaf kalau tidak dapat melayan soalan-soalan daripada saudara Ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, isu kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Untuk menjawab soalan ini syarat kelayakan meminjam buku teks adalah bergantung kepada jenis sekolah bukannya berdasarkan bangsa. Bagi sekolah kebangsaan, ibu bapa, penjaga yang berpendapatan RM2,000 ke bawah adalah layak menerima pinjaman buku teks. Dengan itu anak-anak keturunan lain termasuk Cina, India dan lain-lain yang bersekolah di sekolah kebangsaan dan ibu bapa mereka berpendapatan RM2,000 adalah layak untuk mendapat pinjaman buku teks.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kemaman tentang bagaimana dengan hutang Tan Sri Halim Saad. Untuk makluman Yang Berhormat perlu ditekankan di sini bahawa Tan Sri Halim Saad kekal sebagai seorang penghutang kepada UEM. Di dalam opsyen jualan ataupun put option yang dipersetujui sebelum ini. Syarikat dana saham akan menangani isu tersebut apabila ia berjaya mengambil alih Kumpulan UEM. Semua keputusan akan dibuat berasaskan prinsip komersial dan secara telus dengan mengambil kira kepentingan pemegang-pemegang saham.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga menyentuh tentang bagaimana kerajaan akan membayar balik hutang-hutang UEM termasuk bon-bon terbitan PLUS. Untuk makluman Yang Berhormat Syarikat Dana Saham akan menyusun semula UEM termasuk menangani segala liabiliti. Langkah-langkah yang boleh diambil termasuk:

(i) menyusun semula unit-unit UEM mengikut keupayaan teras masing-masing;

(ii) membiayai semula hutang UEM pada kadar faedah yang rendah;

(iii) menjual aset atau syarikat yang tidak diperlukan ataupun tidak menguntungkan ataupun tidak strategik, dan...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Sekejap.

(iv) menyenaraikan anak-anak syarikat yang menguntungkan di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi kalau saya berhenti saya tidak akan dapat ....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hashim bin Ismail: ...Saya banyak lagi ini. Saya tidak tahu sama ada mampu menamatkannya dalam tempoh yang singkat ini. Tadi Tuan Yang di-Pertua, telah menasihatkan saya supaya... [Ketawa] Menjimatkan masa. Nanti Yang Berhormat kalau saya ada masa, insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga menyentuh tentang mengapa Pos Malaysia Berhad tidak diswastakan kepada Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan sebagainya.

Kerajaan telah lama merancang untuk menswastakan Pos Malaysia Berhad melalui penyertaan Phileo Allied Berhad adalah sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Penjualan Pos Malaysia Berhad membolehkan ianya disenaraikan di BSKL, dengan izin, back door listing. Pada masa yang sama membolehkan kerajaan memiliki 32.9% ekuiti dalam Phileo Allied Berhad serta terus menguasai Pos Malaysia Berhad melalui pegangan ekuitinya dalam Phileo Allied Berhad.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga menyentuh tentang, adakah Khazanah Nasional akan mendapatkan pulangan daripada pelaburan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tawaran am RM4.50 adalah adil. Ia memberi nilai premium yang lebih tinggi berbanding harga dagangan terakhir saham UEM. Penganalisis pelaburan pula memberi anggaran nilai sebenar saham UEM adalah antara RM5 hingga RM8 malah setinggi RM13 se saham pun ada yang membuat penilaian begitu. Hanya dengan pengambil alihan dan penyusunan semula UEM oleh syarikat-syarikat dana saham, maka nilai sebenar UEM akan terserlah dan kerajaan dapat mengutip pulangan daripada pelaburannya.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga menanyakan, apakah nilai sebenar hutang UEM. Untuk makluman Yang Berhormat, hutang UEM dianggarkan sebanyak RM20 bilion. Yang Berhormat bagi Kemaman juga menanyakan, apakah nasib yang akan menimpa pemegang-pemegang saham minoriti UEM seperti KWSP dan KWAP. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya pemegang-pemegang saham minoriti menerima tawaran syarikat dana saham bayaran tunai RM4.50 se saham yang mereka terima adalah lebih tinggi berbanding dengan dagangan saham UEM pada tiga hingga enam bulan selepas. Apabila UEM berada di bawah pengurusan sekarang, pilihan yang ada ialah UEM kekal di bawah pengurusan sedia ada dan syarikat itu tidak mampu menyerlahkan nilai sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman menyentuh.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Pertamanya, saya hendak tanya mengenai bon yang dikeluarkan oleh Halim Saad yang sekarang ini kalau ikut pasaran yield nya sudah sampai 20%. Maknanya taraf junk bon, tidak laku lagilah, itu yang pertama.

Yang keduanya, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi bahawa tawaran yang diberi kepada minority share holder ini adalah lebih tinggi daripada pasaran semasa tetapi apabila mengambil alih Yang Berhormat kata lebih rendah daripada pasaran biasa, yang mana satu betulnya.

Yang ketiganya, mengenai kedudukan bon ini. Saya tanya juga mengenai bon 'Daulah' yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia yang yield nya tinggi iaitu 228 basis point over US Treasury Bill, dengan izin, sedangkan kalau ikut bon ini dikeluarkan di pasaran tempatan yield nya lebih kurang 4.5% sahaja ataupun lebih rendah, sedangkan yang dikeluarkan di US itu yield nya 7.7%.

Jadi, kenapa bon ini dikeluarkan di luar negara sedangkan bon yang sama boleh dikeluarkan di dalam negara dengan lebih murah. Apa kegunaan proceed daripada bon yang dikeluarkan iaitu bon 'Daulah'. Sekian.

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat tadi maksud saya ialah apabila pengambilalihan berlaku.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: .....tidak ada kena mengena dengan UEM Renong iaitu bon yang dikeluarkan, yang di announce oleh Perdana Menteri yang dikeluarkan USD750 milion iaitu lebih kurang RM3 bilion baru-baru ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat bahawa bon yang dikeluarkan di luar negeri, bon Malaysia saya rasa masih lagi diterima dan mendapat sambutan yang cukup baik di luar negeri.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kemaman tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tidak, tidak .....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh tetapi kalau hendak minta, jikalau hendak sambung...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...Rating yang diberi ialah .....

Tuan Yang di-Pertua: ...Yang Berhormat bagi Kemaman, jikalau hendak minta beri jalan, minta dahulu ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Kita pernah – Tuan Yang di-Pertua. Kita pernah mengeluarkan bon di luar negeri dan hasilnya ialah over subscript. Ini bukan satu andaian tetapi satu realiti. Hasilnya bon Malaysia mendapat sambutan yang memuaskan, menggalakkan di luar negara kerana mereka yakin dengan fundamental ekonomi kita dan kemampuan kita untuk membayar dan sebagainya, maka saya rasa andaian Yang Berhormat mengatakan bon kita yield nya rendah dan sebagai junk bon itu saya rasa tidak tepat. Saya ingin menafikan bahawa bon kita at anytime diterima di luar dan mendapat sambutan yang cukup baik dan hingga kadang-kadang over subscript....

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Kalau tidak saya tidak boleh habis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat kalau tidak beri jalan kata tidak beri jalan. Jangan minta izin kepada saya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak sampai hati Tuan Yang di-Pertua, hendak tolak dia orang ini tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua, izinkan mudah bagi saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman ada menyatakan memohon bahasa Iban diajar di semua sekolah yang terdapat pelajar Iban.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan pengajaran Bahasa Iban di sekolah-sekolah di Sarawak. Namun demikian, mata pelajaran tersebut boleh diajar di sesebuah sekolah sekiranya terdapat

sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa murid-murid yang meminta. Kalau penuhi syarat itu Yang Berhormat dan ada lebih daripada 15 orang, maka kita akan mempertimbangkan seperti Yang Berhormat harapkan itu.

Yang Berhormat bagi Sri Aman juga menyentuh tentang pengajaran Bahasa Iban..., peruntukan bagi buku bahasa Iban dan peruntukan pengajaran Bahasa Iban ditambah. Pada masa ini Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sedang berusaha menerbitkan buku teks berbahasa Iban. Buku teks Tahun 3, 4, 5 dan 6 akan terbit dalam tahun 2001 ini. Penerbitan buku-buku bahasa Iban tambahan boleh diusahakan pada masa depan.

Pada masa ini kamus Bahasa Iban-Bahasa Melayu telah diterbitkan sebagai bacaan tambahan. Di samping itu Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sarawak sedang berusaha membuat kajian bahasa sukuan termasuk bahasa Iban.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara menyatakan berkaitan dengan tugas Alam Flora. Untuk makluman Yang Berhormat, skop kerja Alam Flora pada masa ini ialah menyediakan tong-tong sampah di kawasan-kawasan tersebut serta mengutip dan mengosongkan tong-tong sampah yang telah penuh. Kutipan sampah sarap yang terdapat bersepah di luar-luar tong sampah tersebut bukan menjadi tindakan Alam Flora. Ianya perlu dilaksanakan oleh kontraktor yang telah dikontrakkan oleh Jabatan Kesihatan di bawah MPPJ untuk mengutip sampah-sampah tersebut.

Pembersihan longkang bagi kawasan-kawasan perumahan dibuat dua kali sebulan oleh Alam Flora. Kawasan-kawasan kedai pula dibuat setiap hari kecuali hari Ahad. Bagi kawasan setinggan, pembersihan longkang dan kutipan sampah tidak termasuk dalam skop kerja Alam Flora. Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara juga menyentuh tentang pembersihan longkang. Tugas dan tanggungjawab pembersihan longkang juga dilakukan oleh MPPJ, JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan bukan hanya dilakukan oleh Alam Flora.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun ada menyentuh tentang pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM600 juta untuk bekalan air. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM600 juta untuk bekalan air telah diluluskan secara dasar pada 8 Disember 2000.

Pinjaman ini melibatkan 10 skim di mana perjanjian bagi Skim Pertama, Kampung Putih sebanyak RM29.824 juta telah ditandatangani pada 3 Mei 2001 yang baru lalu. Skim 'Cica' sebanyak RM80 juta telah ditandatangani pada 3 Ogos 2001 iaitu baru sahaja..Yang ketiga, Skim Merbau Condong RM28.038 juta, Skim Kelar RM30 juta, Skim Tok Jaafar RM20 juta, Skim Tanjong Emas RM20 juta. Skim-skim ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk ditandatangani.

Puan Chew Mei Fun: Minta Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, PJ Utara bangun.

Puan Chew Mei Fun: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai Alam Flora ini, kalau ikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat, ini akan menjadikan kita menerima lebih banyak aduan lagi. Oleh itu, bolehkah kerajaan mengkaji supaya menukar atau mengubah kontrak dengan Alam Flora supaya kutipan sampah sarap ini, tidak kira di dalam tong kah atau di luar tong, semua di dalam bidang kuasa Alam Flora. Kalau tidak penduduk-penduduk mereka tidak akan faham dan kita akan menerima banyak lagi aduan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara. Memang saya pun rasa begitu, luar tong, dalam tong apa bezanya. Sama ada dalam atau luar ianya tetap sampah dan mengotorkan. Jadi, saya rasa perkara ini elok kalau dapat di review ataupun disemak semula supaya melicinkan lagi tugas-tugas pembersihan persekitaran kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk tadi, saya sambung pada Yang Berhormat bagi Dungun. Lain-lain skim akan ditandatangani setelah disediakan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Dungun juga menyentuh tentang pinjaman kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan dikenakan caj 2%. Negeri-negeri lain tidak dikenakan caj sedemikian.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar pinjaman untuk membiayai program bekalan air bagi negeri Kelantan dan Terengganu dikenakan caj ataupun kadar faedah sebanyak 2% sebagai service charge. Hanya 2% sebagai service charge sahaja. Saya rasa ini satu kadar yang cukup munasabah, rendah dan tidak begitu membebankan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya hendak tanya di negeri-negeri lain sama ada caj ini dikenakan juga ataupun tidak ataupun hanya Kelantan yang dikenakan dengan surcaj ini dengan pinjaman sedemikian.

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat, negeri-negeri lain tidak kita kenakan kerana prinsipnya Yang Berhormat, Orang Putih kata charity should begin at home. Dalam Islam juga bahawa sedekah dan derma itu patut kita mengutamakan keluarga sendiri.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Ismail: Jadi, ini bukanlah sebagai

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: Duduk, nanti dahulu Yang Berhormat. Ini bukanlah sebagai mendera atau tidak. Sebagai service charge, 2% ialah yang paling rendah, munasabah dan bukan kerana satu diskriminasi terhadap negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang. Saya rasa ini cukup munasabah dan tidak membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup setakat itu dan kalau ada mana-mana isu yang tidak dapat saya sentuh khususnya kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya mohon maaf. Ada beberapa isu yang tidak dapat saya sentuh di sini. Mungkin insya-Allah, apabila maklumat ini dapat kita perolehi dengan lengkap. Nanti kalau saya hendak jawab, Yang Berhormat hendak satu jawapan yang lengkap dan sempurna. Jadi, saya harap barangkali mungkin secara bertulis, insya-Allah, akan dapat saya berikan, dengan izin.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian sahaja dan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lapan ratus tujuh puluh juta tujuh ratus enam puluh ribu satu ratus ringgit (RM870,760,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2001 yang dibentangkan

sebagai Kertas Perintah 228 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; hendaklah disahkan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi: Ya, Setiausaha Parlimen sila kemukakan anggaran perbelanjaan bagi kesemua kementerian.

2.52 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM130,622,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2001 bagi Maksud-maksud Bekalan B.28, B.29 dan B.49 untuk kementerian, jabatan berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM870,760,100 yang diperuntukkan dalam anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bil. 2 Tahun 2001 bagi Maksud-Maksud Pembangunan P.07, P.26, P.28, P.33 dan P.45 untuk kementerian, jabatan berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 2001 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2001 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2001 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21A Tahun 2001 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2001 dan Kertas Perintah 22A Tahun 2001 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2001. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberikan apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud P. 7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2001] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan. Ya, Jeli.

2.54 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Kita perhatikan bahawa walaupun peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri khususnya dikhususkan kepada Paya Indah, Wetland Sanctuary yakni sebanyak RM32.46 juta kepada Malaysian Wetland Foundation bagi membiayai projek Paya Indah Wetland Sanctuary tetapi Tuan Pengerusi, perlu kita ingat bahawa ini adalah kali kedua supplementary, dengan izin, budget dikemukakan kepada Dewan. Pada mesyuarat kali pertama bagi tahun ini, sebanyak RM3000 juta telah diperuntukkan sebagai Supplementary Budget, manakala bagi kali ini hampir RM1000 juta telah diperuntukkan bagi menunaikan pembayaran dan sebagainya yang telah dibuat oleh pihak kerajaan.

Apa yang membimbangkan saya Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian, semasa membentangkan budget bagi tahun 2001 oleh bekas Menteri Kewangan yang sekarang dalam keadaan misteri, ialah pendapatan kerajaan semasa dibentangkan itu dianggarkan pada sekitar RM69,000 juta tetapi perbelanjaan pada ketika itu belum termasuk dua supplementary budget ini ialah RM93,000 juta. Ini bermakna pada waktu itu sudah berlaku budget deficit lebih kurang RM24,000 juta, belum lagi mengambil kira perbelanjaan tambahan yang perlu dikemukakan kepada Parlimen ini sebanyak RM4000 juta setakat bulan Julai ini.

Oleh kerana keadaan budget deficit yang begitu besar dan budget deficit ini sudah berlarutan semenjak 1998, hanya pada tahun 1997 sahaja budget kita mengalami surplus yakni pada waktu bekas Timbalan Perdana Menteri menjadi Menteri Kewangan pada ketika itu. Selepas daripada itu, tahun demi tahun budget deficit kita semakin tahun semakin membesar. Saya bimbang sekiranya dengan defisit yang sebegitu besar, tambahan pula kita lihat bahawa Projek Paya Indah Wetland Sanctuary ini berada di bandar pentadbiran Putrjaya dan kita mendapat maklumat bahawa Paya Wetland Sanctuary ini bukannya satu natural lake, satu perkara yang natural tetapi merupakan man-made. Bila man-made maka sudah tentulah kos yang terlibat adalah besar kerana ia melibatkan kos pembinaan, bukan kos up-grading.

Jadi, sebab itu kita melihat apakah justifikasi. Sebab itu saya memohon pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan ini apakah justifikasi sehinggakan kos sebanyak RM32.46 juta diperlukan untuk membiayai Paya Indah Wetland Sanctuary ini. Dan sehubungan itu perlulah dimaklumkan kepada Dewan ini berapakah kos pembinaan ataupun infrastruktur yang sebenar yang terlibat dengan Paya Indah Wetland Sanctuary ini. Selepas daripada kita mengambil kira kos infrastruktur itu maka kita boleh membuat perkiraan, berapakah kos-kos pentadbiran yang terlibat. Kita memohon pihak kerajaan juga memberi justifikasi kenapakah perlu dibuat Paya Indah Wetland Sanctuary ini secara buatan, bukan mengambil kira tempat-tempat yang sudah ada natural, yang sudah semula jadi, hanya di up-grade.

Jadi, hujah itu perlu diberikan oleh kerajaan kerana saya bimbang projek ini sememangnya tidak akan mendatangkan pulangan kewangan kepada pihak kerajaan. Jadi, pihak kerajaan hendaklah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, berapakah kos operasinya selepas ini pada tiap-tiap tahun. Apakah kerajaan bercadang bahawa Paya Indah Wetland Sanctuary ini akan diberikan kepada pihak swasta untuk mengendalikan dan mengutip dan membuka iklan dan mencari sumbangan-sumbangan daripada syarikat-syarikat kewangan umpama Maybank, Bumiputra Commerce, KFC dan sebagainya kerana kalau kita lihat kepada, umpamanya, Zoo Negara.

Zoo Negara yang kemungkinan besar akan dipindahkan, sebahagian besar kos operasi ataupun kos membiayai binatang-binatang di dalam zoo tersebut banyaknya ditaja oleh syarikat-syarikat korporat tertentu. Jadi, apakah di dalam Paya Indah Wetland ini juga akan menggunakan konsep dan kaedah yang sama ataupun ianya akan ditaja sepenuhnya oleh peruntukan daripada pihak kerajaan.

Di samping itu Dewan ini hendaklah dimaklumkan apakah item, dengan izin, ataupun hidupan-hidupan yang akan ditemak atau sebagainya di Paya Indah Wetland Sanctuary ini dan berapa keluasan yang terlibat untuk Paya Indah Wetland Sanctuary ini.

Di samping itu saya juga ingin memaklumkan kepada Tuan Pengerusi bahawa di bawah Butiran Projek 03300 walaupun peruntukannya baru RM10 Tuan Pengerusi tetapi saya dimaklumkan pembayaran telah dibuat. Jadi sepatutnya pada kali ini bukan hanya RM10 sepatutnya sudah dinyatakan kosnya, sudah dimasukkan kerana pembayaran telah dibuat sedangkan di sini masih lagi RM10. Jadi minta pihak kementerian dan pihak berkenaan tolong semak kalau sudah dibayar sepatutnya sudah dinyatakan kos pembayaran tersebut. Jadi, kita tidak mahu maknanya dalam pembentangan Budget bagi tahun 2002 dibacakan *supplementary* ini dahulu sebelum pembentangan Budget pada hari Jumaat semasa pembentangan Budget tersebut.

Di samping itu, Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian, bagaimanakah pendekatan pihak kerajaan untuk memperkenalkan lagi Paya Indah Wetland Sanctuary ini kerana saya difahamkan ramai di kalangan rakyat Malaysia yang masih tidak kenal dan tidak tahu apa fungsi Paya Indah Wetland Sanctuary ini. Jadi saya fikir eloklah pihak kerajaan memberitahu dan mengiklankan dalam apa-apa sebaran am tertentu untuk memberitahu kepada rakyat negara kita apakah kelebihan-kelebihan yang terdapat di Paya Indah Wetland Sanctuary ini sehingga ianya perlu dibina dan sehingga ianya perlu mendapatkan peruntukan tambahan pada kali ini sebanyak RM32.46 juta.

Jadi, saya fikir itu sahaja bagi saya pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

3.02 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada P. 11200. Secara ringkas, ada tiga perkara yang saya ingin mendapatkan penjelasan iaitu di manakah letaknya Paya Indah ini. Seperti Jeli, saya antara rakyat Malaysia yang tidak tahu di mana letak Paya Indah Wetland Sanctuary ini dan berapakah kos keseluruhan selain daripada kita tambah RM32 juta dalam peruntukan ini, berapakah keseluruhan kos bagi pembinaan sanctuary ini dan apakah tujuan-tujuan daripada pembinaan ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, Kementerian menjawab. Ya, sila, sila. Yang Berhormat menjawab ataupun...hendak menjawab?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ya, saya hendak menjawab dalam Jawatankuasa bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Hendak menjawab ya?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ya, hendak menjawab.

3.03 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin Haji Mulia]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya menjawab secara khusus kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini iaitu daripada Yang Berhormat Jeli dan Kubang Kerian. Saya rasa adalah elok bagi saya untuk menerangkan secara ringkas latar belakang Paya Indah Wetland Sanctuary ini.

Tuan Yang di-Pertua, Paya Indah Wetland Sanctuary adalah sebuah projek pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem paya lembap di daerah Kuala Langat, Selangor. Jumlah keluasan projek ialah 3,100 hektar yang merangkumi dua ekosistem utama iaitu kawasan bekas lombong dan kawasan hutan paya gambut dan kawasan ini adalah kawasan di bahagian Utara Hutan Simpan Kekal Kuala Langat dan dengan izin, ini diberi nama teknikal sebagai A Pit Swamp Forest. Sebahagian daripada kawasan ini iaitu seluas 1113.3 hektar telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan tanah lembap pada tahun 1998.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Tun dan Yang Berhormat Menteri. Jeli kata tadi, di Putrajaya, Yang Berhormat jawab di Kuala Langat ya. Jadi kadang-kadang permainan parti pembangkang ini main bantai sahaja, rakyat keliru. Jadi yang sebenarnya ialah Kuala Langat. Saya berterima kepada jawapan Yang Berhormat Menteri. Inilah penyelewengan parti pembangkang, selalu memutarkan fakta. Sebab itu rakyat harus mendengar sumber daripada kerajaan kerana sumber kerajaan adalah benar dan hak.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila teruskan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sesiapa Ahli Yang Berhormat yang ingin tahu secara mendalam mengenai dengan projek Paya Indah Wetland Sanctuary ini, saya mencadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melayari laman web projek tersebut iaitu www.payaindah.org.my. Jadi dengan melayari web ini saya tahu Tuan Pengerusi bahawa ahli-ahli daripada pihak pembangkang ini, mereka mahir dengan menggunakan Internet dan sedemikiannya. Jadi sila layari web ini dan dengan berbuat demikian, laporan ataupun maklumat lengkap akan didapati di situ.

Tuan Pengerusi, pada awal tahun 1997, pelan induk asas projek Paya Indah Wetland telah dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan dan telah diluluskan pada dasarnya. Kos untuk melaksanakan sepenuhnya pelan induk tersebut dianggarkan berjumlah RM280 juta bagi jangka masa dari tahun 1997 sehingga tahun 2002. Walau bagaimanapun disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang telah melanda negara ketika itu, anggaran kos pembangunan telah dikurangkan sebanyak 43% iaitu dikurangkan kepada RM160 juta dengan penumpuan diberikan kepada komponen-komponen yang utama sahaja.

Tuan Pengerusi, setakat ini iaitu sejak tahun 1996, wang yang telah dibelanjakan untuk menjayakan projek ini ialah sejumlah RM55 juta. Daripada jumlah ini RM13 juta adalah sumbangan daripada Malaysian Wetland Foundation (MWF) iaitu sebuah syarikat yang diwujudkan khas di bawah Akta Syarikat 1995 untuk bertanggungjawab menguruskan projek ini manakala bakinya iaitu RM43 juta adalah merupakan geran daripada pihak kerajaan yang telah diluluskan pada bulan Februari 1998. Wang sebanyak RM55 juta itu telah digunakan untuk membiayai kerja-kerja awal yang meliputi kerja-kerja pemuliharaan dan peningkatan taraf tapak. Bagi pembangunan di tapak, sebahagian wang telah digunakan untuk membiayai:

(i) penyediaan kemudahan pentadbiran serta tarikan pelawat serta kemudahan asas seperti kompleks pentadbiran, pusat pameran, anjung tinjau, pusat rawatan air, sistem pembetungan dan kemudahan infrastruktur lain seperti sistem jalan raya, bekalan air dan elektrik;

(ii) untuk membiayai kemudahan penyimpanan ataupun kurungan binatang khususnya binatang badak air dan buaya;

(iii) untuk membiayai pembangunan kompleks chalet yang meliputi sebuah bangunan penyambut tamu, 34 buah unit chalet dan sebuah restoran serta kemudahan infrastruktur yang berkaitan;

(iv) untuk membiayai penanaman .....

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut luas wetland ini adalah 3000 hektar. Saya hendak bayangkan kerana Yang Berhormat Jeli tadi kata wetland ini adalah *man made,* yang dibuat oleh manusia. Jadi kalau 3,000 hektar bagaimana manusia hendak buat wetland 3,000 hektar. Saya minta Yang Berhormat jelaskan, adakah ini *man made* ataupun habitatnya *natural wetland?* Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti yang saya terangkan tadi, kawasan yang seluas itu ianya meliputi dua kawasan utama. Satu kawasan bekas lombong dan satu adalah natural. Jadi sekarang ini yang sedang dibangunkan oleh kerajaan yang menggunakan duit sebanyak RM55 juta setakat ini ialah kawasan sebesar 1,113.83 ekar. Jadi yang lain adalah *permanent forest reserve* di kawasan Hulu Langat dan yang lain *man made* iaitu ekoran daripada perlombongan dahulu. Jadi kerajaan terpaksa memulihara balik kawasan yang telah dilombong ketika itu.

Tuan Pengerusi,

(v) untuk membiayai penanaman hampir 5,000 pokok di seluruh tapak sebahagian daripada program pemuliharaan alam sekitar; dan

(vi) untuk membiayai kos pembangunan perkampungan palma dengan kira-kira 563 pokok palma dari enam benua di seluruh dunia yang dijangka akan menjadi satu tarikan kepada pelancong di samping menyediakan elemen untuk pendidikan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Kemaman bangun Yang Berhormat, Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hendak tanya oleh kerana kawasan yang di *allocate* untuk wetland ini ialah 3,000 hektar. Adakah kawasan ini juga termasuk atau bersempadan dengan Putrajaya? Kalau tidak silap saya, bersempadanan dengan Putrajaya sekali daripada kawasan *allocation wetland* ini. Sekian.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Kawasan ini lebih kurang jarak jauhnya 12 kilometer daripada Putrajaya, 7 kilometer daripada pekan Dengkil dan lebih kurang 10 kilometer daripada KLIA.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jauhlah!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading, tolonglah. Jangan emosi sangat. *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, secara keseluruhannya kesemua aktiviti pembangunan ini sedang di peringkat pelaksanaan akhir iaitu dianggarkan lebih kurang 95% siap dan beberapa komponen yang perlu telah pun siap dilaksanakan. Walau bagaimanapun, semua ini akan siap sebelum projek ini dibuka secara rasminya untuk orang awam pada bulan Oktober 2001 ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melengkapkan semua keperluan projek ini sebelum ianya dibuka secara rasmi menjelang Oktober 2001, kerajaan telah meluluskan permohonan pinjaman iaitu sejumlah wang sebanyak RM33.4 juta yang sedang dibahaskan di peringkat Jawatankuasa ini ialah peruntukan yang berupa pinjaman kepada Syarikat Malaysia Wetland Foundation dan duit ini perlu untuk digunakan untuk membiayai kos pembinaan kompleks pengangkutan pondok-pondok rehat, tandas awam, kios perniagaan, kelengkapan dan peralatan pengangkutan, taman dan penyelenggaraan serta kerja-kerja lanskap, yang itu dijangka menggunakan belanja RM27,490,000. Manakala bagi tujuan pengurusan tapak-tapak projek yang meliputi kos pengurusan dan penyelenggaraan bagi membolehkan pengurusan tapak projek berjalan lancar dan teratur, ini dijangka akan memakan belanja RM5 juta. Dan bagi tujuan pemasaran dan promosi yang meliputi kos-kos perbelanjaan bagi pemasaran dan pengiklanan serta pembelian produk jualan di Paya Indah Wetland ini dijangka memakan belanja RM965,000.

Jadi, tadi Jeli telah menyebut supaya projek Paya Indah Wetland ini dapat dihebahkan kepada masyarakat supaya masyarakat tahu maka di antara peruntukan yang diperlukan ialah RM965,000 yang terkandung daripada RM33.4 juta ialah untuk tujuan pengiklanan....

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada sedikit lagi pertanyaan tetapi sebelum itu saya ingin menyatakan sokongan kepada kerajaan dan sebelum daripada ini saya ingat saya telah membangkitkan supaya kerajaan memelihara hutan paya bakau dan ini saya rasa adalah satu langkah yang sangat positif dan pada hari ini kita tidak bergaduh dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak tanya sedikit ialah setelah hutan paya bakau *on the way* ke Airport Sepang, di kiri dan kanan masih cantik, belum dirosakkan. Adakah ini termasuk dalam kawasan hendak di *preserve* ataupun satu masa akan jadi pembangunan. Sayang, kalau kita buat palma daripada enam benua dalam hutan paya yang sedia ada sekarang, yang semula jadi seperti yang Jeli hendak itu, ada pokok-pokok palma macam yang merah dipanggil Pinang Merah dan sebagainya, adakah ini termasuk dalam yang hendak kita selamatkan atau kalau tidak, adakah cadangan supaya perkara ini dapat dimasukkan. Kalau kita pergi ke Florida, saya masih ingat daripada *airport* sampai ke bandar raya, seluruh pokok-pokok yang asli, hutan paya bakau ini disimpan termasuk pokok palas dengan cantiknya dan bila pokok palas berbunga dan bunganya tersusun merah, amat indah. Bolehkah ini dimasukkan dalam cadangan?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, yang itu saya rasa adalah termasuk dalam spesies ini dan berhubung dengan kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi itu, itu saya tidak tahu secara terperinci tetapi insya-Allah, saya akan tanya sama ada kawasan tadi itu termasuk atau tidak. Walau bagaimanapun, kalau kawasan itu adalah tidak termasuk dalam kawasan Paya Indah Wetland ini dan kalau ianya sesuai untuk dibuat seperti Paya Indah dan pihak sebelah sana menyokong dalam usaha kerajaan seperti begini, insya-Allah kita akan kaji kemungkinannya.

Tuan Pengerusi, memandangkan projek Paya Indah Wetland bukan hanya menumpukan kepada aktiviti komersial semata-mata oleh kerana Malaysian Wetland Foundation ini ditubuhkan bukan untuk *profit orientated,* tetapi juga kepada aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, sosial dan untuk pendidikan. Maka pihak kerajaan telah bersetuju untuk mengenakan syarat-syarat yang tidak ketat iaitu syarat-syarat longgar kepada pinjaman sebanyak RM33.4 juta ini iaitu antara lain tempoh

pembayaran balik selama 15 tahun, kadar faedah tidak dikenakan bagi tempoh lima tahun pertama dan pinjaman perlu dibayar balik selepas tahun keenam. Selepas *grace period,* dengan izin, selama lima tahun ini, faedah 4% akan dikenakan.

Tuan Pengerusi, keputusan kerajaan untuk membiayai projek ini berkisar kepada beberapa sebab yang baik iaitu:

(i) memelihara dan memulihara alam sekitar. Jadi, dalam soal ini, memelihara eko-sistem semula jadi hutan paya gambut;

(ii) memulihara eko-sistem termusnah ataupun terganggu iaitu, integrated land, dalam hal ini, akibat daripada aktiviti manusia iaitu perlombongan di kawasan situ;`

(iii) mempunyai fungsi sebagai pencegahan banjir, pengisian semula air bawah tanah dan bekalan air permukaan ketika musim kemarau. Pada masa ini projek ini boleh menampung lebih kurang 43 juta liter air pada sesuatu masa;

(iv) sebagai sumber bekalan air kepada kawasan sekitar sewaktu musim kering;

(v) melindungi hutan paya gambut yang semakin berkurang di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia.

(vii) untuk pemuliharaan habitat bagi menambahkan bilangan spesies haiwan yang terancam kehidupannya dan menyediakan kawasan yang sesuai sebagai tempat persinggahan burung berhijrah.

Pada masa ini, Paya Indah Wetland Sanctuary mengandungi pelbagai spesies penting iaitu 210 spesies burung, 34 spesies mamalia, 17 spesies reptilia, 19 spesies ikan, lebih kurang 60 spesies serangga, 59 spesies hidupan liar, 220 tumbuhan akuatik dan tradisional;

(vii) untuk memenuhi obligasi Malaysia sebagai ahli Konvensyen Antarabangsa Tanah Lembap;

(viii) untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan alam sekitar terutamanya tanah lembap;

Jadi, tadi disebut oleh Yang Berhormat bagi Jeli dan Kubang Kerian bahawa orang awam tidak tahu tempat ini di mana. Saya cadangkan kepada mereka yang mahir untuk melayari laman-laman web supaya melayari laman web Paya Indah. Bagi orang awam, pada bulan Oktober ini, insya-Allah, projek ini akan dibuka kepada orang awam dan di tempat ini, maka itulah peruntukan kewangan yang diminta ini, itu pun dipinjam dan dibayar balik untuk membuat prasarana iaitu antaranya untuk menjemput orang-orang di situ. Selepas itu mereka dididik terutama sekali anak-anak sekolah, untuk mendidik mereka supaya mereka faham betapa pentingnya alam sekitar dipelihara atau dipulihara kembali.

(ix) kawasan ini diharapkan akan menjadi destinasi eko-pelancongan tanah lembap yang unggul dan pelancongan termasuk eko-pelancongan adalah suatu sektor yang telah dikenal pasti di negara kita sebagai penjanaan perolehan mata wang asing, mewujudkan pekerjaan dan pendapatan.

Paya Indah Wetland Sanctuary berpotensi sebagai destinasi pelancongan yang unggul seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian iaitu di Florida dan satu lagi seperti ini iaitu di Northern Territory, Australia iaitu Carcado National Park; di Jepun ada juga seumpama begini iaitu Koshehiro Shishogun di Hokaido Jepun dan di England seperti begini juga yang diberi nama sebagai Van Ann Reservoir, London, UK.

Tuan Pengerusi, bagi kerajaan, sebab-sebab ini menjustifikasikan peruntukan yang telah diluluskan untuk projek ini dan untuk tambahan sejumlah RM33.4 juta untuk membiayai projek ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Dia sudah jawab dah Yang Berhormat. Dia sudah jawab dah tadi. Ya, dia sudah jawab dah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak, dia beri. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Dia minta laluan.

Tuan Pengerusi: Ya, minta laluan. Silakan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya melihat bahawa operasi Paya Indah Wetland ini masih akan dikendalikan oleh satu yayasan dan tidak bolehkah pihak kementerian memikirkan bahawa oleh kerana reserve kawasan ini 3,100 hektar, kita memikirkan oleh kerana di Zoo Negara sudah merupakan kawasan pembangunan dan Zoo Negara juga dipindahkan di sini, di kawasan sini, mungkin habitatnya lebih natural dengan binatang-binatang berkenaan.

Yang keduanya, apakah Yang Berhormat tidak bimbang kerana sebagai satu yayasan dan juga satu badan untuk mengendalikan satu projek sebegini besar, apakah tidak ada satu kesangsian di pihak kerajaan tentang kemampuan kerana kos yang terlibat ini besar dan kalau hendak diikutkan daripada sumbangan dan juga kutipan melalui lawatan-lawatan, saya fikir jauh daripada mencukupi untuk kos operasi Paya Indah Wetland itu sendiri.

Jadi, tidakkah Yang Berhormat fikir bahawa pada masa-masa akan datang, saya fikir kerajaan akan, dengan izin, *keep on pumping*, akan terus menerus tahun demi tahun akan memberikan peruntukan untuk memastikan Paya Indah Wetland Sanctuary ini tidak akan tinggal hanya nama seperti mana yang kita bimbangi e-village sekarang ini, yang kita iklan besar-besaran dan kita panggil Jackie Chan datang, tiba-tiba dua, tiga minggu lepas, beberapa akhbar menceritakan e-village ini dalam keadaan yang menyedihkan sehinggakan kontraktor tidak dibayar dan saya bimbang e-village juga akan ditanggung, diambil alih oleh pihak kerajaan. Jadi, tidakkah Yang Berhormat Menteri rasa bahawa kerajaan akan terus pumping the fund untuk meneruskan projek ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Pertamanya, adalah dianggarkan oleh pihak syarikat Malaysian Wetland Foundation ini bahawa apabila nanti fasa pertama ini selesai, apabila pinjaman RM33.4 juta ini telah disalurkan kepada syarikat ini, syarikat ini berpendapat bahawa mudah-mudahan ia tidak akan lagi memerlukan pembiayaan daripada kerajaan. Maka itu, infrastruktur sekarang ini yang ada yang sedang dibuat iaitu seperti Pusat Pameran dan Outlet Penjualan Barang-barang dan Cenderamata, 34 buah chalet dan restoran, kemudahan awam dan lain-lain, kemudahan berkayak, boating, jungle tracking, semuanya ini, apabila ini semua telah selesai, maka income pendapatan daripada situ, dijangka akan boleh menampung pentadbiran dan pengurusan projek ini. Jadi, mudah-mudahan di masa akan datang, tidak ada lagi dan kerajaan juga yakin bahawa mereka tidak akan lagi meminta daripada kerajaan.

Yang keduanya, sama ada kerajaan bimbang syarikat tadi ini boleh mengurus projek yang sebegini besar, kita difahamkan dan saya yakin dengan kebolehan pegawai-pegawai yang sekarang ini lebih kurang 60 pegawai-pegawai yang mempunyai latar belakang pelbagai yang mahir dalam jurusan undang-undang, yang mahir dengan haiwan, yang mahir dengan segala benda yang ada di sini, mereka punya kemahiran. Jadi, sama ada kerajaan bimbang mengenai dengan soal ini, saya rasa kerajaan tidak bimbang. Walaupun di masa-masa akan datang, kerajaan perlu untuk mengeluarkan kewangan lagi, bagi saya oleh kerana ini adalah satu perkara yang mustahak seperti yang telah dipersetujui oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya rasa kalau permohonan itu justified, mengapa tidak kerajaan harus mempertimbangkan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, yang ditanya tadi sama ada kawasan yang di sebelah-menyebelah jalan menuju KLIA, saya dapat maklumat daripada pegawai-pegawai di belakang bahawa confirm, hutan paya gambut yang di dalam perjalanan ke KLIA, sebelah-menyebelah, dipelihara dan

ini adalah sebahagian daripada hutan simpan paya gambut Kuala Langat Utara iaitu seluas lebih kurang 1,500 hektar, ini termasuk.

Mengenai tadi dengan persoalan sama ada *red palm* tadi itu termasuk dalam spesies yang ditanam di projek ini, Ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa ya, spesies tersebut ada ditanam di kawasan ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada lagi apa-apa yang perlu saya bangkitkan. Saya harap informasi itu mencukupi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jeli dan Kubang Kerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM32,460,030 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2001 di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM32,460,030 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2001.

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2001] –

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahaskan. Tumpat.

3.28 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin terlibat secara ringkas dalam membahaskan Belanjawan Tambahan Kedua untuk tahun 2001 ini khususnya berkaitan Maksud P.26 Kementerian Pendidikan yang berjumlah RM8 juta iaitu mengikut maklumat yang ada terkandung dalam kertas ini, melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM8 juta bagi penerbitan Ensiklopedia Sains dan Teknologi dalam bahasa Malaysia untuk sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi iaitu projek bersama antara Universiti Teknologi Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Peruntukan ini adalah penting dan mustahak dan projek ini kita akui penting dan mustahak.

Oleh itu, saya rasa kita ingin menyeru kepada pihak universiti dan juga DBP untuk memberikan tumpuan yang terbanyak dan tertingginya kepada projek seperti ini agar penerbitan siri Ensiklopedia Sains dan Teknologi dalam bahasa Malaysia ini dapat dijadikan suatu program utama dan dapat ianya diterbitkan dengan secepat mungkin. Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan dan termasuk juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menimbulkan masalah sejumlah RM45 juta nilai harga buku Dewan Bahasa yang tidak terjual. Keadaan yang disebut ini dan penerbitan ensiklopedia ini akan berterusan jika kerajaan tidak mengambil sikap yang terbuka, sikap yang menggalakkan budaya membaca di kalangan kanak-kanak dan masyarakat Malaysia seluruhnya.

Oleh itu saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Pendidikan khususnya dalam kes jumlah nilai buku harga yang tidak terjual RM45 juta itu supaya tidak diheboh-hebohkan dan tidak dijadikan suatu krisis atau masalah yang besar. Sebabnya, Tuan Pengerusi, RM40 juta nilai buku berlandaskan harga yang tidak terjual itu adalah suatu jumlah yang amat kecil sekali. Bandingkan sahaja RM3.7 bilion untuk UEM-Renong. Bandingkan tambah RM3.7, RM26.3 bilion hutang Renong-UEM kita akan diminta lulus dua tiga bulan nanti dengan semudah itu sahaja, disokong sekuat-kuatnya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, tiba-tiba dalam kes RM45 juta untuk buku kanak-kanak dijadikan suatu isu yang amat besar oleh pihak kementerian, pihak Timbalan Perdana Menteri dan nampaknya disokong juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sahabat-sahabat saya daripada Barisan Nasional. *[Tepuk]*.

Ini saya fikir suatu kejanggalan sikap yang amat ketara yang tidak nampaknya ingin memberikan tempat yang sebaik-baiknya untuk pendidikan anak-anak kita. Begitu jugalah berkaitan dengan buku ini. Kita dapati bahawa mengikut pengakuan Kementerian Pendidikan ada lebih 600 sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak elektrik pun. Ini di peringkat universiti hendak amalkan meritokrasi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Ini suatu kezaliman yang amat sangat kepada bumiputera, bukan bumiputera yang berpendidikan di sekolah-sekolah yang sekolahnya elektriknya pun ada. Tiba di peringkat universiti hendak didiskriminasikan dalam bentuk hendak dimeritokrasikan kemasukan mereka ke universiti-universiti. Jadi, inilah Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada pihak kementerian untuk mengambil sikap yang tegas untuk mengutamakan anak-anak kita tanpa mengira bangsa dalam pendidikan, dalam ensiklopedia, dalam buku-buku dan sebagainya. Dan dalam hal ...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli berdiri ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Tumpat. Pada tahun 1970 berlaku satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan dalam sejarah tanah air maka Perdana Menteri Malaysia kedua pada ketika itu tegas mengambil inisiatif untuk mengimbangi keadaan sosioekonomi termasuk dari segi pendidikan supaya kesannya pada 20 tahun akan datang keseimbangan inilah yang akan dan boleh menyebabkan suasana aman dalam negara kita, yakni targetnya sasarannya ialah 30% anak-anak bumiputera di dalam bidang-bidang profesional tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tumpat walaupun dalam bidang-bidang profesional terutamanya akauntan dan juga bidang-bidang profesional yang lain, angka yang dihajati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kedua masih jauh daripada dicapai, tiba-tiba meritokrasi pula yang cuba diamalkan. Minta penjelasan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Ketawa]* Terima kasih sahabat saya bagi Jeli.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan ini banyak terkeluar daripada perkara ini, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini tentang bagaimana kita hendak memastikan ensiklopedia dan buku-buku dibahagikan secara adil kepada semua sekolah yang ada dalam negara kita dan tidak ada diskriminasi dan tidak ada penumpuan terhadap meritokrasi dalam suasana di mana sekolah-sekolah lebih daripada 600 buah di kampung tidak ada elektrik langsung. Itu yang kita bimbangkan sangat, Tuan Pengerusi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya tertarik dengan perbahasan mengenai meritokrasi ini. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat mengenai sekiranya meritokrasi diamalkan. betulkah Menteri-Menteri Kabinet pun berdasarkan kepada pemilihan menurut meritokrasi. *[Tepuk]* Dan juga seperti mana yang dikeluarkan dalam artikel...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan kuat sangat Yang Berhormat, pecah meja nanti. *[Ketawa]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...artikel dalam *Fortune magazine* mengatakan *"The Cabinet comprised of a bunch of mediocre partisan"*. Apa pendapat Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kemaman itu dan kita insya-Allah mengharapkan apabila Barisan Alternatif menjadi kerajaan yang baru, menteri-menteri yang dilantik adalah daripada kalangan orang-orang yang terbaik dan paling layak di kalangan kita semua.

Balik berkenaan dengan dasar buku ini. Jadi saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Pendidikan dalam masalah buku yang sekadar bernilai yang tidak terjual RM45 juta itu jangan dijadikan itu satu isu yang besar, agih-agihkan buku itu kepada semua sekolah yang terdapat di kampung-kampung dan sebagainya dengan percuma supaya buku ini tidak dibazirkan dengan begitu sahaja, tidak rosak dan ianya akan memanfaatkan masyarakat. Malah dalam kes Ensiklopedia Sains dan Teknologi ini seharusnya ada dasar awal-awal lagi untuk membahagi-bahagikan secara percuma ataupun dengan harga yang disubsidikan kepada sekolah-sekolah dan minta juga

diberikan secara percuma kepada ahli-ahli wakil rakyat kita yang mesti kita berikan galakan untuk membaca.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, dalam bidang buku dan ensiklopedia ini mungkin kita terlupa bahawa 30 tahun yang lalu dalam bulan Ogos 1971 dilancarkan suatu dasar yang amat penting pada masa itu dan saya yakin pada masa ini iaitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini suatu asas yang amat penting dalam pembinaan semula negara kita selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Dasar Kebudayaan Kebangsaan saya fikir Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan amat berminat amat terlibat dan amat menyokong Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini nampaknya dalam saat bulan menyambut 30 tahunnya diabaikan begitu sahaja. Manakala seorang yang jadi Perdana Menteri 20 tahun pun dirayakan secara besar-besaran. Yang ini suatu dasar yang amat penting berkaitan dengan jati diri, bangsa, negara dan sebagainya tidak dihormati, tidak diamalkan, tidak dingatkan pun kepada kita walaupun sudah cukup usianya 30 tahun bulan Ogos tahun 2001 ini.

Beberapa Ahli: Melayu mudah lupa.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sebab sudah lupa. Jadi saya inginlah menyeru kepada Kementerian Pendidikan, carilah peruntukan, lancarlah buku atau ensiklopedia berkaitan dengan kebudayaan kebangsaan dan sebagainya, sekurang-kurangnya untuk mengingatkan kita kembali berkaitan dengan dasar yang penting yang dilaksanakan dan dilancarkan oleh negara kita ini untuk memperkukuh kembali negara kita yang semuanya kita sokong supaya negara kita menjadi lebih maju atas asas-asas kebudayaan yang jelas dan bukan lagi dikelirukan dengan masalah-masalah yang mungkin kita hadapi sekarang ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Sri Gading.

3.38 ptg.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya turut menyokong Maksud B.26 berkaitan dengan peruntukan RM8 juta bagi UTM dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sedikit sahaja yang saya hendak sentuh.

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka berkaitan dengan tulisan jawi dan juga ada kaitan dengan peranan Kementerian Pendidikan sehingga sekarang sudah banyak seminar-seminar, perbincangan-perbincangan yang menyeru, yang meminta, yang merayu supaya tulisan jawi dapat dimartabatkan semula dalam erti kata yang sebenar-benarnya untuk menjadi pusaka yang membanggakan orang-orang Melayu yang pertama-tama menguasai tulisan ialah tulisan jawi. Pusaka yang sangat berharga tetapi sehingga sekarang saya tidak dapat dengan begitu yakin dan jelas bagaimana keprihatinan Kementerian Pendidikan dan Dewan Bahasa dan Pustaka tentang hendak memartabatkan tulisan jawi. Kalau tidak adalah *Utusan Melayu* yang sentiasa berkorban walaupun menanggung kerugian tetapi kerana kecintaan mereka kepada tulisan jawi, saya rasa tulisan jawi telah lama tidak dikenali oleh anak cucu kita. Sebelum terlambat, sebelum padam hayat *Utusan Melayu* yang memperjuangkan tulisan jawi, Kementerian Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap, sekejap, biar saya habiskan dahulu, nanti saya bagi Jeli, jangan bimbang. Sebelum hayat *Utusan Melayu* yang memperagakan tulisan jawi, Kementerian Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka ini seluruhnya bos-bosnya orang Melayu, saya tidak fahamlah hati perut mereka macam mana sebenarnya perasaan kecintaan, rasa kekitaan, rasa kepunyaan kepada tulisan jawi. Saya tidak nampak usaha yang begitu gigih dan nyata dan jelas yang dapat dipandang, didengar. Sila, Jeli sahabat saya. Sokong ya? *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, soalan itu seelok-eloknya tulisan jawi itu ada kaitanlah dengan ciri ...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tambahan, dia minta rayuan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau hendak tanya apakah hendak dibuat dengan tulisan jawi mungkinlah tetapi kalau lain itu nampak saya baca ini berapa kali baca tidak pergi jadi soalan itu...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dato' kena sama-sama sokong.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta protes Pengerusi menahan pula.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Sri Gading. Nampak-nampaknya Yang Berhormat Sri Gading sama macam kami. *[Ketawa].* Sokong tulisan jawi. Jadi sekarang saya hendak tanya apakah Yang Berhormat Sri Gading sedar bahawa kira-kira pada sebelum tahun 1970 mata pelajaran agama buku-bukunya dalam bahasa jawi tetapi selepas daripada 1970 mata pelajaran agama Islam sudah ditukar dengan menggunakan bahasa rumi. Apakah Yang Berhormat sedar?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebelum jawab saya hendak buat pembetulan. Saya tidak sama dengan beliau. *[Ketawa].* Cuma saya punya cita-cita disokong oleh beliau. Itu dia punya persamaan dekat situ. *[Ketawa]* Saya sedarlah, itu menjadi suatu perkara yang malanglah sehingga mata pelajaran agama pun ditulis dengan rumi. Itu menyebabkan lagi rasa terpinggirnya jawi. Walhal sepatutnya mata pelajaran utama yang berasal bahasa Arab dan tulisan Arab ini yang ada persamaan secara habis seratus peratus tulis jawi itu digunakan. Tetapi apakan daya kerana Kementerian Pendidikan tidak begitu mengambil berat, minta maaflah kalau tuduhan saya ini berat sangat tetapi sebagai anak Melayu yang cintakan kepada tulisannya, pedas kena terimalah minumlah penawar dia supaya jelaslah tulisan jawi ini dapat kita peraga. Itu satu.

Yang kedua Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya nampak Dewan Bahasa dan Pustaka tentang hendak mengawal bahasa ini pun sudah begitu lemah. Sewenang-wenangnya seni kata-seni kata lagu yang bertentangan dengan tata bahasa Melayu, saya ambil contoh 'remeh dan temeh', apa 'remeh dan temeh'. 'Remeh dan temeh' mana ada bahasa Melayu, 'remeh dan temeh'. Dia mesti 'remeh temeh' baru ada makna. 'Remeh dan temeh', apa benda 'remeh dan temeh', tidak ada makna. Lepas itu 'beli dan belah'. Eh, apa benda 'beli dan belah'. Dia sebenarnya 'beli-belah'. Makna 'beli-belah' itu membeli-belah. Tetapi kalau 'beli dan belah' maknanya sudah beli - cabut. Ini pencemaran bahasa ya. 'Ramah dan tamah', mana ada 'ramah dan tamah' - 'ramah-tamah'. Kemudian 'buahan-buahan', mana ada perkataan Melayu 'buahan-buahan'. Apa benda buah ini 'buahan-buahan'. Dia yang ada 'buah-buahan'. Ini bahasa yang tercemar. Kemudian...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Haprak ada, haprak?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan kacau macam itu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang haprak sana. *[Ketawa.* 'Kunjung-kunjung', apa 'kunjung-kunjung'? Dia 'kunjung-mengunjung'. Ini bahasa Melayu ini hendak kena jaga. Walaupun kita kata kita gunakan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu tetapi kalau pencemaran bahasa tidak dikawal oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberikan kuasa dan mandat untuk menjaga, mengawal dan mendaulatkan Bahasa Melayu, siapa yang hendak membetulkan. Siapa hendak membetulkan?

'Rumput dan rampai', apa 'rumput dan rampai'? 'Rumput-rampai'lah. Ini contoh-contoh bagaimana pencemaran bahasa yang sewenang-wenang. Ini tidak termasuklah bahasa kacuk ini, bahasa campur ini, sekejap Arab campur Melayu campur Inggeris kemudian campur Belanda. Masya-Allah. Selepas itu masuk pula slang Indonesia "berapa pak eh!"

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini masuk tidak masuk ini?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masuk! Dewan Bahasa dan Pustaka. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ia mengenai dengan ensiklopedia juga.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah pasal saya menyokong. Jadi, ini saya sikitlah, Tuan Pengerusi, kalau Tuan Pengerusi pun sudah jemu hendak dengar saya bercakap, itu sahajalah. Saya sebagai anak Melayu, satu tadi tulisan jawi. Tolong bagi satu jawapan yang konkrit dan tindakan tegas supaya tahun 2004 kita nampaklah mana-mana tulisan jawi diperagakan. Dan saya hari itu menyeru dalam Parlimen ini saya minta sebagai sokong..

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ....sebagai sokongan. Sekejap. Sebagai sokongan, minta jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan langganlah *Utusan Melayu* ini. Berapa sen sangat sebulan. Langganlah, sokonglah *Utusan Melayu* yang sudah hendak rebeh ini, langganlah tiap-tiap sekolah. Apa salahnya Kementerian Pendidikan bagi sedikit peruntukan untuk melanggan *Utusan Melayu*. Ada berapa puluh ribu sekolah...

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Minta laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ....ada berapa ribu jabatan kerajaan seluruh negara, kalau langgan seorang....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ....satu jabatan kerajaan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini ada yang berdiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila, sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya kembali kepada tajuk spesifik, RM8 juta diperuntukkan untuk penerbitan satu siri sains dan teknologi ensiklopedia ini dalam bahasa Malaysia. Kos RM8 juta itu agak besar dari sudut pengurusan penerbitan buku, dalam bentuk tambahan pula, mungkin peruntukan awal lebih besar lagi.

Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, isu yang berbangkit di antaranya diterbitkan dalam bahasa Malaysia. Bila terbit dalam bahasa Malaysia, banyak istilah sains dan teknologi perlu diterjemahkan sebab kita mewarisi daripada sains Barat yang sebahagian besar dikembangkan menerusi bahasa Inggeris. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading, apakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya dan Universiti Teknologi sendiri menghadapi tenaga-tenaga pakar yang serupa terjemahan sehingga terpaksa menambahkan lagi peruntukan ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya difahamkan di Dewan Bahasa dan Pustaka ada satu unit Jabatan Penterjemah ataupun di bawah jabatan Kementerian Pendidikan, saya tidak begitu jelas. Soalan sahabat saya ini, saya ingat Setiausaha Parlimen jawablah ya. Tidak payah saya jawab. Kalau tidak, jadi saya menteri kan? *[Ketawa]* Jadi, terima kasihlah atas soalan itu. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimenlah lebih jelas menjawab. Saya menjawab itu tidak kena pula kan. Saya bukan macam parti pembangkang, jawab semberono sahaja, tidak boleh. Hendak kena jawab dengan benda yang nyata dan yang betul kerana kita tidak mahu kita membohongi rakyat dan menipu rakyat ya. Jadi, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Jadi, itulah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih beri saya peluang sedikit bercakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini Bukit Mertajam.

3.48 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sokong projek menerbitkan satu siri Ensiklopedia Sains Dan Teknologi dalam bahasa

Malaysia bagi kegunaan sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi tetapi saya ada beberapa soalan.

Yang pertama, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bachok, apakah jumlah kos untuk menerbitkan siri ensiklopedia ini dan adakah harganya ataupun kos penerbitannya, adakah ia berbanding atau bersaing dengan penerbitan yang sama oleh pihak swasta dan saya ingin tahu juga berapa naskhah yang akan diterbitkan dan berapa harga setiap naskhah kerana kalau kita sepatutnya sudah ada dalam perancangan sekarang, apakah harga pasarannya. Saya rasa kita perlu seperti yang diingatkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, harganya mesti mampu dibeli oleh rakyat jelata dan sekiranya ia tidak bersaing, harganya, *cost effectiveness* tidak boleh bersaing dengan pihak swasta, apakah sebabnya?

Soalan kedua ialah apakah bahan yang terkandung dalam siri ensiklopedia ini? Adakah ia akan diterjemahkan dari siri-siri yang sudah diterbitkan oleh negara yang lain ataupun bahannya adalah asli atau tempatan kerana saya rasa bahan bacaan dalam bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin pun di dalam pasaran sekarang kurang ada kandungan tempatan. Banyak buku cerita umpamanya, adalah cerita luar negeri, bukan cerita tempatan. Jadi, saya rasa adalah baik kalau kita dapat mengadakan kandungannya dari bahan tempatan. Umpamanya ada banyak rumput atau tumbuh-tumbuhan flora yang ada di sekitar kita tetapi kita tidak tahu namanya, apakah nama rumput itu, apakah nama pokok itu? Kita tidak tahu walaupun di dalam negara kita. Jadi, adalah baik kita akan adakan maklumat-maklumat seperti ini di dalam siri ensiklopedia ini.

Dan saya juga cadangkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka boleh memperbanyakkan fungsinya ataupun mengembangkan fungsinya, bukan sahaja dalam peta penerbitan bahasa Malaysia sahaja tetapi dalam berbagai-bagai bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Umpamanya siri Ensiklopedia Sains Dan Teknologi ini, bolehkah kandungannya dari bahan tempatan. Bolehkah ia juga diterbitkan di dalam bahasa Tamil, bahasa Iban atau bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris supaya ada pasaran. Sekiranya dalam bahasa Inggeris, ia memang ada pasaran. Kalau hanya bahasa Malaysia pasarannya, saya khuatir ia adalah terhad kerana hanya di dalam Malaysia ataupun Indonesia yang boleh menggunakan bahasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong kerja yang baru seperti yang diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi saya juga mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengkaji balik semua kandungan buku teks dari perspektif *gender* kerana banyak buku teks di prasekolah, di sekolah rendah, di sekolah menengah yang *role model gender*nya adalah *stereotyping.*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini sudah dasar, Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng: Saya hanya hendak cadangkan supaya boleh diambil perhatian supaya dikaji semula dan apa yang perlu dikemaskinikan. Umpamanya, emak bukan selalu di dapur sahaja dan bapa selalu duduk membaca surat khabar. Emak selalu membersihkan ataupun mencuci kain dan bapa mencuci kereta. Sekarang *role model* ini sudah bertukar ataupun ada emak yang keluar kerja, bapa yang duduk di rumah, pun ada. Kita perlu menyeimbangkan *role model gender* ini.

Satu lagi saya ingin mendapat perhatian Kementerian Pendidikan ialah kita dapat menambahkan peruntukan untuk Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya juga ingin merayu supaya peruntukan dicari untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pulau Betong di Pulau Pinang kerana baru-baru ini, sekolah ini beberapa buah...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini lain sudah pergi ini.....

Puan Chong Eng: ...bilik darjahnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ....Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini peruntukan tambahan, supaya ia dapat. Ini memang kes yang *emergency*. *[Ketawa]* Ia dikatakan *unsafe.* Bilik-bilik darjah diumumkan *unsafe* oleh JKR dan mereka perlu wang untuk membina bilik darjah. Saya harap Kementerian Pendidikan dapat mencari duit dari mana-manalah *[Disampuk]* untuk bantu sekolah ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Satu lagi yang terakhir ialah apakah terjadi kepada syarat-syarat buku bantuan yang memang telah dibentangkan di dalam Dewan ini dan dikatakan akan dikaji dan adakah perkara ini telah dikaji dan satu penyelesaian telah sampai di mana syarat untuk meminjam buku di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan juga kebangsaan ada disamakan. Apakah perkembangannya?

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Buntar. Cakap pada tajuk yang dibentangkan.

3.55 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga menyentuh tentang P.26 ini dan saya pun begitu concern, dengan izin, dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi sebagaimana observasi yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, ada 45 juta buku yang tidak terjual yang berada di Dewan Bahasa dan Pustaka, tidak tahu buku ini hendak jadi apa sekarang.

Selain daripada itu, saya hendak membangkitkan satu perkara, Tuan Pengerusi iaitu kajian yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri menunjukkan 27% pensyarah membeli buku-buku ilmiah tempatan, hanya 27% sahaja. Lebihan daripada 27% itu kebanyakannya membeli dan merujuk buku-buku ilmiah yang dikeluarkan di luar negeri dan berikutan dengan itu juga, 41% pensyarah tidak membaca langsung penerbitan ilmiah tempatan. Saya menyebut ilmiah ini sebab pada saya, ensiklopedia ini termasuk dalam buku-buku jenis penulisan yang berbentuk berat dan dalam berat itu pula, menjurus kepada ilmiah ataupun akademik.

Sebab itu, saya rasa ada beberapa perkara. Satu kajian yang dibuat, Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia (MKBK), 10 tahun dahulu telah membuat kajian tentang habit membaca, tentang pembacaan di kalangan rakyat di Malaysia. Dalam satu tahun, orang-orang yang dikaji, dalam satu tahun membaca satu setengah halaman sahaja. Maknanya, program ataupun kempen membaca di Malaysia ini sejak beberapa tahun diadakan sampai sekarang ini tidak mengeluarkan hasil lagi. Sebab apa tidak mengeluarkan hasil, kajian juga menyebut ada 10 perkara paling tidak mengganggu-gugat keinginan untuk membaca di kalangan rakyat di Malaysia ini terutama anak-anak muda dan anak-anak sekolah.

Di antaranya disebutkan tiada percontohan, yang kedua tiada suasana, rancangan televisyen yang mengikat mereka kepada televisyen, tekanan kehidupan kemiskinan, bahan-bahan picisan, gejala sosial, sistem sekolah yang *exam-oriented,* tiada dorongan, lemah prioriti dan minda anti ilmu. Saya hendak sebut yang terakhir iaitu minda anti ilmu

Saya hendak mengatakan, di Malaysia ini memanglah ada usaha untuk memperkembangkan ilmu tetapi pada masa yang sama, usaha mematikan ilmu itu lebih besar daripada mengembangkan ilmu. Ambil contoh, pada saya universiti rakyat ialah masjid, universiti rakyat ialah surau bagi orang Islam terutamanya. Surau dan masjid sengaja dimatikan. Habis sembahyang Subuh, orang pun balik. Habis sembahyang Maghrib, orang pun balik. Bukan begitu sahaja. Kebanyakan masjid dan surau di Malaysia ini hanya ditunggu se minggu sekali. Dalam tradisi kita, dalam tradisi yang kita baca, ada dua kumpulan manusia yang kita dengar. Satu kumpulan manusia disebut sebagai "*The Saturday People*", orang yang pergi golf...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini dasar ini, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak, tidak, saya hendak mengaitkan dengan membaca ini. Ini kaitan dengan membaca. Macam mana dengan tulisan Jawi tadi, lagilah jauh, lagi saya rasa simpangnya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tegur belaka tetapi sepatutnya apa yang saya tegur itu....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ini tidak dasar ini. Saya hendak merujuk kepada ensiklopedia. Saya rujuk kepada bahan-bahan berat. Ini *heavy*

reading. Ensiklopedia ini *heavy reading*. Kalau misalnya *light reading*, dengan izin, pun tidak dibaca oleh rakyat, buku-buku novel keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka tidak dibaca oleh rakyat, yang 45 juta ini termasuk buku-buku yang sedemikian. Apa lagilah buku-buku ilmiah yang termasuk dalam kumpulan *heavy reading* seperti ensiklopedia ini.

Saya takut nanti sebagaimana *concern* teman-teman terutamanya Bukit Mertajam, Tumpat dan sebagainya, tidak ada orang baca. Kalau kita sudah tahu tidak ada orang baca, kenapa dikeluarkan buku-buku yang sedemikian? Saya pun tidak setujulah misalnya, kalau kita menggunakan buku-buku di luar sahaja tetapi ada juga kajian yang dibuat, Tuan Pengerusi, dia kata buku luar ini pasal apa bagus, persepsi orang buku luar lebih baik, persepsi orang tentang penulis luar lebih baik dan kualiti persembahan buku-buku itu lebih baik daripada buku tempatan.

Kemudian itu *currency*, maknanya keterakhiran bahan-bahan yang disajikan yang begitu memikat kerana keterakhirannya, kerana *currency*nya yang disampaikan itu dan akhirnya presentasi yang baik. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang saya rasa perlu difikirkan. Dewan Bahasa dan Pustaka perlu fikirkan. UTM perlu memikirkan bagaimana caranya kita menggunakan ensiklopedia yang akan dilahirkan ini, terutamanya ensiklopedia yang bias. Yang ini saya rasa satu perkara yang perlu diambil perhatian sebab saya takut program ini nanti akan menambahkan lagi jumlah buku yang tidak terjual yang nilainya sekarang RM45 juta.

Saya hendak menyebut, yang ketiga agaknya, Tuan Pengerusi, kenapa misalnya budaya iklan yang tidak memihak kepada membaca ini. Kalau kita buka sahaja, misalnya televisyen dan sebagainya, buka radio sahaja, produk-produk, jenama-jenama makanan, pakaian, percutian, jenama rokok, dandan rambut, tuala wanita, lebih banyak keluar dalam televisyen dan dilihat oleh kita jika dibandingkan dengan benda-benda yang menjurus kepada pembacaan.

Inilah yang sebenarnya yang meragut kemahuan hendak membaca dan saya hendak sebut juga tentang televisyen dan radio ini. Inilah sebenarnya dan saya hendak mengatakan kita telah memberitahu hari itu bahawa Kementerian Penerangan kena tengok balik ada saluran TV macam ntv7 misalnya yang tidak menyediakan langsung bahan-bahan pendidikan dan bahan-bahan pendidikan agama kepada mereka yang menonton saluran tersebut. Saya tidak tahu macam mana permit boleh dikeluarkan, lesen boleh dikeluarkan kerana kita tahu sajiannya hiburan dan mutu dan bahan-bahan yang disajikan melalui saluran-saluran itu adalah saluran-saluran luar negeri. Sebab itu saya mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, di akhirnya ialah supaya yang pertama sekali kita mesti letakkan betul-betul tabiat membaca ini pada rakyat kita dan saya sedang menunggu-nunggu misalnya kenapa rakyat ini tidak suka membaca? Begitu besarnya rakyat di Malaysia sebagaimana yang saya sebutkan ini. Saya sedang menunggu-nunggu kenyataan Perdana Menteri kalau hendak mengaitkan rakyat Malaysia tidak membaca ini kerana PAS.

Jadi, sebab itu Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyebutkan supaya kalau dapat kita tinjau betul-betul balik, saya sokong projek ini saya sokong tetapi sebelum projek ini diluluskan saya berharap sangat infrastruktur-infrastruktur asasnya, infrastruktur tentang gerakan membaca ini, infrastruktur di sekolah menengahnya, infrastruktur membaca di peringkat universitinya, infrastruktur yang menjamin.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan? Bukit Mertajam ya, sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Memang satu hasrat kerajaan untuk meningkatkan keupayaan akademik orang bumiputera khasnya mereka di luar bandar. Tetapi saya rasa kita akan menolong mereka sehingga kita memulakan prosesnya dari peringkat awal kerana di kampung-kampung, di kampung baru mereka yang berumur 7 tahun masih tidak boleh membaca. Pada hakikatnya ada research mengatakan bahawa kanak-kanak yang kecil ini mereka belajar terpantas sekali dan kalau seorang hendak belajar satu bahasa kalau sudah melebihi 8 tahun maka masalah akan lebih banyak, halangan ada lebih banyak. Tetapi kita tidak ada satu polisi pendidikan untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun.

Jadi, kita sudah terlambat kerana hanya apabila mereka di peringkat universiti kita hendak menolong mereka. Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat Parit Buntar? Bukankah mereka perlu mengkaji supaya kita mula daripada kecil?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, tentang cadangan supaya disemak semula sistem mendidik anak-anak dari segi pembacaan ini bukan sahaja di peringkat kindergarten, kalau boleh di peringkat nursery lagi. Kita dapat saksikan misalnya di Amerika, di Eropah, ada orang boleh membaca ketika berumur 2 tahun, ada budak-budak boleh membaca 2 tahun setengah. Bila kita pergi ke Singapura, orang-orang di Singapura kalau anak dia tidak boleh membaca di peringkat umur 4 tahun, emak bapa sudah gelisah, cari konsultan sana, cari konsultan sini, tanya kaunseling sana, tanya kaunseling sini, kerana anak tidak boleh membaca berumur 4 tahun. Saya hendak menyebut, inilah gambaran orang yang rindu kepada ilmu, orang yang sayang kepada ilmu. Bukan sahaja ibu bapa meletakkan mereka ke jalan ilmu, ke dalam pembuluh ilmu itu tetapi yang pentingnya concern kepada anak-anak di peringkat awalnya di peringkat umur 4 tahun, kalau tidak boleh membaca.

Tetapi saya faham tentang kehendak daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam itu tetapi kita minta Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya Kementerian Pendidikan kena melihat, pada saya ini satu yang *specialized field*, dengan izin. Satu area yang specialize yang perlu ditangani, sebab kalau misalnya mereka tidak membaca di peringkat awal, peringkat sekolah menengah pun rasa-rasanya mereka sukar untuk membaca. Mengikut kajian yang saya juga terlibat memang ada anak-anak yang sampai ke peringkat sekolah menengah pun sebenarnya mereka disebutkan sebagai golongan yang lemah membaca dan tidak boleh membaca.

Inilah saya rasa yang ada kaitan langsung Tuan Pengerusi, dan saya dengan ini menyokong projek ini, tetapi pada masa yang sama..

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Oh, boleh, boleh, belum lagi memberi salam.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tadi pihak Yang Berhormat Parit Buntar menyebut berhubung dengan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka ke dalam melengkapkan infrastruktur ke arah penggalakan membaca. Satu isu yang berkait dengan penyebaran ilmu sains dan teknologi, Kalau kita boleh bersetuju sama untuk mencadangkan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka serta UTM untuk masuk ke masjid-masjid membekalkan buku-buku ensiklopedia ini supaya orang yang minat agama yang pergi ke masjid, dalam masa yang sama boleh memperdalam asas sains dan teknologi dan serasi dengan kehendak Perdana Menteri sendiri yang telah pun menuding jari kepada orang agama anti kepada sains dan teknologi yang menyebabkan orang Melayu mundur. Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya sangat setujulah dengan cadangan itu, bahkan bukan sahaja masjid, suraunya, musalanya, madrasahnya, apa juga yang dikatakan institusi-institusi rakyat di peringkat akar umbi rasanya mula dibukakan pintu seluas-luasnya supaya bukan sahaja masyarakat daripada pelajar-pelajar sekolah menengahnya ataupun sekolah menengah atasnya. Kita hendak orang kampung pun di mana kebanyakan orang kampung di Malaysia ini saya yakin 80% daripada mereka adalah celik huruf dan mereka boleh membaca dan ini juga saya rasa satu lagi, Tuan Pengerusi, kalau dapat saya hendak mencadangkan, ia ada satu sistem sebenarnya. Di Barat diajar macam mana hendak menggunakan buku-buku yang dimasukkan di dalam specialized book dan ensiklopedia ini adalah merupakan buku-buku khusus, buku-buku specialize dan diajar anak-anak daripada sekolah rendah hingga ke sekolah menengah sampai ke universiti macam mana hendak menggunakan bahan rujukan ini supaya mereka dapat menggunakan di peringkat optimum.

Akhirnya, kalau misalnya kita tidak lakukan ini ensiklopedia dibekalkan di sekolah, ia hanya menjadi barang tontonan sahaja begitu. Jadi, dengan itu sekali lagi Tuan Pengerusi.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Habis!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang Berhormat bagi Tebrau ini saya rasa pasal dia nama Ali Hassan, Hassan Ali kena beri jugalah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih, nama sama lebih kurang. Tadi Yang Berhormat bercakap tentang kelas-kelas untuk memberi pendidikan daripada kecil 2, 4, 6 tahun dilatih membaca dan sebagainya. Tetapi saya ingin tahu dalam nada yang sama juga seperti di negeri Terengganu Kerajaan Negeri Terengganu suruh pula kelas-kelas tadika ini ditutup, padahal kelas itu digunakan bertujuan untuk memberi pendidikan ilmu daripada kanak-kanak tadika lagi. Tetapi Kerajaan PAS tutup tidak boleh belajar, tidak tahu apa tujuannya. Adakah Yang Berhormat setuju macam mana cara Yang Berhormat cakap dengan tindakan yang dibuat oleh Kerajaan PAS di Terengganu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya rasa Yang Berhormat ini salah fakta. Kena check, di mana pula ada Kerajaan PAS di Terengganu minta tadika ditutup.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ditutup kelas itu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang kita dengar Yang Berhormat ialah memang ada rancangan dalam Dewan Undangan Negeri sudah diluluskan pengawalan sekolah-sekolah agama namanya, rang undang-undang mengawal sekolah agama. Ertinya mengawal ini sebenarnya hendak meletakkan sekolah agama itu supaya sekolah agama itu susut macam itu, supaya sekolah agama itu tidak membangun, sebab dalam kepala mereka orang-orang PAS agaknya yang mereka tujukan, yang telah menggunakan sekolah agama untuk menghentam pemimpin.

Saya sudah beritahu, tanya kepada mereka siapa yang menghentam pemimpin, siapa yang mengajar anak-anak menghentam pemimpin. Pagi tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menyebut perkara ini. Tetapi saya bersetuju sebenarnya, kalau dari segi akar umbi, dari segi golongan umur, saya sangat setuju supaya budaya membaca ini diterapkan di peringkat seawal-awalnya. Kalau boleh eksperimen telah dibuat di negara-negara Eropah Timur mengajar membaca di peringkat alam rahim lagi. Jadi, ini ada tekniknya, ini ada ilmunya dan saya harap dapat juga Kementerian Pendidikan misalnya untuk menggunakan ensiklopedia, bakal pengguna ensiklopedia nanti kalau kita dapat meneroka bidang reading ini daripada alam rahim lagi.

Terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Jeli, selepas ini kementerian menjawab.

3.56 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Pada mesyuarat hari ini kita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah membuat peruntukan tambahan lebih kurang RM8 juta untuk diagihkan kepada Universiti Teknologi Malaysia sebanyak RM4.5 juta dan juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sebanyak RM3.5 juta, khususnya untuk menerbitkan satu siri Ensiklopedia Sains dan Teknologi dalam bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian, sebelum 1978 di Malaysia hanya satu sahaja universiti yang mengeluarkan graduan-graduan dalam bidang teknologi kejuruteraan dan sains. Tetapi selepas Dasar Pendidikan Kebangsaan dan juga Dasar Ekonomi Baru atas saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua maka pada tahun 1972 dan tahun 1973 Universiti Teknologi Malaysia yang pada nama asalnya bernama Institut Teknologi Kebangsaan kemudian ditukar kepada Universiti Teknologi Kebangsaan, kemudian ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia telah mula mengambil pelajar-pelajar dalam bidang teknologi, kejuruteraan dan sains menyebabkan pada tahun selepas tahun 1978 selain daripada Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia juga mula mengeluarkan graduan-

graduan dalam bidang teknologi dan sains. Kemudian dituruti dengan universiti–universiti lain khusus untuk sains sahaja, tetapi tidak kejuruteraan.

Setelah selang beberapa tahun selepas itu kita lihat bahawa Institut Teknologi Mara yang kemudian hari ini dipanggil Universiti Teknologi Mara juga telah membuka kursus-kursus peringkat ijazah yang mana ini membuka peluang kepada lebih ramai graduan-graduan daripada aliran teknologi dan juga aliran sains. Tetapi apa yang kita hendak beritahu bahawa penggunaan bahasa Malaysia yang kadang-kadang saya pun confuse sama ada hendak sebut bahasa Malaysia kah yang betul atau bahasa Melayu yang betul, jadi samar-samar. Kadang-kadang kita tegur bila mengatakan ini bahasa Malaysia, kita ditegur tidak betul, ini bahasa Melayu. Jadi, saya minta kalau boleh pihak kementerian memberi tahu secara jelas di Dewan ini sama ada bahasa Malaysia kah atau bahasa Melayu. Itu penjelasan yang pertama.

Kemudian kita perhatikan sebab-sebab mengapa penggunaan bahasa Malaysia dalam buku-buku ilmiah teknologi dan sains ini kurang kerana pertama bilangan pengguna dan bilangan pemakainya tidak begitu ramai, sebab itu kita tidak boleh menafikan peranan yang telah dimainkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga pernah menjadi Menteri Pendidikan. Atas usaha-usaha gigihnya beliau telah cuba menggabungkan beberapa negara-negara Indonesia, Selatan Thailand, Filipina atas nama Nusantara Melayu untuk menggunakan bahasa supaya pengguna-pengguna bahasa Malaysia ini ramai, umpamanya lebih daripada 250 juta tetapi kalau pengguna bahasa ini tidak ramai maka sudah tentulah mereka yang hendak menerbitkan buku ini sudah mengetahui risikonya. Tambahan pula memang tabiat kita pun tidak tahu kenapa, tabiat orang-orang Melayu lazimnya dan juga orang Malaysia didapati kurang pendedahannya dan kurang berminat untuk membaca buku-buku ilmiah.

Sebab itu saya fikir RM8 juta itu, dengan izin, nothing, kalau kita benar-benar hendak mengkayakan bahasa istilah teknologi dalam bahasa Malaysia. RM8 juta is nothing yang sebenarnya, itu adalah maruah dan moral kita. Kalau saya tidak pelik, kalau dipohon banyak lagi kerana kebetulan rakan-rakan saya ramai yang menjadi pensyarah-pensyarah dalam aliran sains dan teknologi. Kita kena fikir kenapa buku-buku ini kurang diterbitkan dalam bahasa Malaysia yakni buku-buku berbentuk teknologi dan sains. Ini kerana mereka melihat bahawa ruang kenaikan umpamanya di jabatan kerajaan misalnya kita kata, mana ada setakat ini Ketua Setiausaha Negara daripada aliran teknologi, setakat mana tahap mereka yang berkelulusan teknologi, yang dapat tahap tertinggi yang pernah dicapai oleh mereka yang berkelulusan teknologi.

Itu satu ukuran yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan kerana bila mana mereka melihat umpamanya pada satu ketika kerajaan benar-benar menggalakkan pelajar-pelajar khususnya pelajar bumiputera supaya cenderung ataupun gigih dalam bidang sains dan teknologi, sebab itu pada peringkat Tingkatan Satu lagi, sudah dipilih pelajar-pelajar yang cerdik, yang bijak-bijak pergi kepada aliran sains dan teknologi, manakala yang kurang cemerlang akan disalurkan ke bidang-bidang sastera pada ketika itu dan juga bidang perdagangan. Tetapi apa yang terjadi, kita lihat banyak mereka yang keluar daripada bidang sains dan teknologi akhirnya menjadi guru. Kebanyakannya terpaksa ditumpukan kepada profesion perguruan. Dalam bidang profesion perguruan kita lihat peluang mereka untuk menjadi guru besar pun tipis. Kalau tidak, cuba buat kajian berapa banyak daripada bidang teknologi dan sains yang menjadi guru besar.

Inilah sebab yang kerajaan harus bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam mesti mengkaji supaya boleh memberi minat kepada anak bangsa kita, anak Malaysia kita, supaya lebih berminat kepada bidang sains dan teknologi. Saya memohon maaf kerana saya daripada bidang itu. Kita lihat bahawa untuk keluar dalam bidang ini bukan senang. Tambahan pada semasa kami dahulu lagi susah hendak dapat ijazah dalam bidang itu. Tiba-tiba bila keluar melihat kepada prospek oleh kerana berlaku kegawatan ekonomi pada tahun 1983 - 1984, pada ketika itu prospek adalah terhad dan kebanyakan bidang lain semua diisi oleh mereka yang keluar dari bidang-bidang lain daripada bidang sains dan teknologi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk tajuklah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sebab itu saya pernah berbincang....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masuk tajuklah bercakap.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, saya pernah berbincang - untuk maklumat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi pihak kementerian - saya pernah berbincang dengan pihak-pihak pensyarah daripada universiti-universiti khususnya mereka daripada bidang teknologi ini. Mereka mengatakan kalau mereka buat buku maka tidak ada orang yang hendak beli. Mereka tidak mampu kerana untuk buat buku ini bukan satu benda yang mudah. Sebab itu baik bagi mereka translate buku-buku daripada India, yang mana kandungan bukunya bermutu tinggi. Walaupun rajah buku tidak begitu baik tetapi kandungan buku itu baik. Daripada inilah, banyak mereka terpaksa terjemah buku-buku yang dibeli daripada India dan kurang daripada England dan juga Amerika, kemungkinan kerana kosnya mahal dan mereka terpaksa membuat pilihan bahawa menterjemah itu adalah lebih baik daripada menulis sendiri.

Sebab itu saya minta kalau benar-benar kerajaan serius hendak memartabatkan istilah-istilah Melayu di dalam ilmu-ilmu teknologi, maka kerajaan jangan fikir fasal kos. Di mana-mana negara pun, kalau kita lihat di Korea umpamanya, kita lihat di Jepun umpamanya, kita lihat di Taiwan, bagaimana ilmu-ilmu teknologi dalam bahasa Korea cukup hebat walaupun penduduknya 40 juta. Korea Selatan. Begitu juga di Jepun.

Sebab itu kita memikirkan bahawa bila ditanya kepada ketua-ketua korporat ini kenapa di Korea bahasa teknologi begitu cepat dan berleluasa, mereka menjawab bahawa mereka mendapat sokongan yang kuat daripada kerajaan. Sebab itu dalam kes ini tidak ada orang lain yang boleh membantu atas desakan Parit Buntar, atas desakan saya. Ini tidak mungkin berlaku kerana kerajaan mesti menunjukkan kesungguhan untuk memastikan bahawa bahasa Melayu ini dimartabatkan dalam istilah-istilah teknologi. Sebab itu saya bimbang sekarang ini kerana kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini kita tidak berapa jelas bahasa mana yang lebih pentingkan. Seolah-olah kita diberi gambaran kepada bahasa yang penting ialah bahasa Inggeris - bahasa perdagangan, bahasa komputer.

Kita tidak pernah menafikan tentang kepentingan bahasa Inggeris, tetapi janganlah kerana keterlaluan untuk memfokuskan kepada bahasa Inggeris menyebabkan kita meninggalkan bahasa jati kita. Sebab saya memikirkan bahawa sekarang ini janganlah memperlekeh banyak pensyarah mentang-mentang penggunaan bahasa Inggeris mereka agak berkurang tetapi yang penting ialah kerajaan perlu membantu mereka ini supaya mereka juga kuat dari sudut penggunaan bahasa Inggeris. Sebab itu saya fikirkan tidak ada kaedah yang lain kalau kita hendak memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa teknologi yang kuat, maka kita mesti mengadakan hubungan yang akrab dengan Indonesia dan Brunei dan kita kumpul, kita duduk balik, berbincang dan kalau ini berjaya maka saya fikir insya-Allah, akan menyebabkan lebih ramai orang yang sanggup menulis buku-buku teknologi dalam bahasa Melayu atau bahasa Malaysia kerana pasarannya lebih meluas. Kerana sekarang ini universiti yang mengeluarkan itu masih tidak banyak dan bilangan pengguna pun tidak banyak.

Di samping itu, ada satu cara lagi, kemungkinan kalau kerajaan ingin mengurangkan beban bagi pihak kerajaan untuk kes ini ialah kita lihat bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka yang diamanahkan untuk memartabatkan bahasa Melayu di mana Dewan Bahasa dan Pustaka itu ada satu pasukan yang terlibat khusus daripada segi istilah-istilah ini. Saya fikir bahawa sekarang ini Dewan Bahasa dan Pustaka dari sudut menyediakan buku-buku kepada Kementerian Pendidikan juga menghadapi persaingan daripada syarikat-syarikat lain. Jadi, apakah halnya kalau boleh kerajaan memikirkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan the main players, the pillars, konsep payung, dijadikan sebagai payung dan yang lain-lain lagi itu, berniaga melalui saluran Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau dengan kadar ini setidak-tidaknya Dewan Bahasa dan Pustaka mendapat income yang lebih baik. Bila income yang lebih baik, kerajaan boleh tentukan atau orkestra, dengan izin - a certain percentage adalah untuk memajukan dan mencemerlangkan bahasa-bahasa teknologi dalam bahasa Melayu.

Sehubungan itu, izinkan saya merujuk kepada sabda Rasulullah s.a.w. tentang betapa pentingnya ilmu ini bilamana Baginda bersabda *[Membaca hadis dalam bahasa Arab]* bererti: "Tuntutlah ilmu ini daripada buaian sampailah kamu ke liang lahad." Juga kita lihat bahawa kepentingan ilmu ini diberi penekanan oleh Islam itu sendiri bilamana daripada 6,666 ayat Al-Quran, se kumpulan ayat yang pertama ataupun ayat yang pertama adalah meminta supaya kita membaca yakni "*Iqrak*". Sebab itu budaya membaca ini adalah satu budaya yang dituntut oleh agama, saya fikir bukan sahaja Islam, bahkan agama-agama lain, kerana kita hendak melahirkan seramai mungkin orang yang cerdik, bukannya orang yang haprak.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila kementerian menjawab.

4.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Pengerusi, pertama saya ingin mengucap ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, dan boleh dikatakan semua yang bangun tadi bersetuju dengan peruntukan yang kita pohon di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, dalam pada itu ada juga cadangan-cadangan yang bernas dan di samping cadangan-cadangan yang bernas ada juga gara-gara untuk singgung pihak kerajaan. Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan kita amat terbuka dan menerima pandangan ini dengan hati yang ikhlas.

Pertama sekali, pihak Tumpat telah membangkitkan mengenai dengan pengedaran buku dan ensiklopedia. Langkah-langkah untuk memastikan buku ensiklopedia dan terbitan lain dapat diedarkan ke sekolah-sekolah. Kita telah pun pertama sekali, DBP telah mengadakan pameran dan jualan buku di sekolah-sekolah; kedua, jualan istimewa kepada pengedar dan juga pekedai buku; ketiga, program sekolah angkat di mana DBP memberi bantuan keperluan buku-buku perpustakaan dan pusat sumber, dan selain itu, pengedar khusus akan dilantik untuk mengedarkan ensiklopedia.

Mengenai dengan isu dasar kebudayaan kebangsaan, pihak Yang Berhormat bagi Tumpat telah mencadangkan supaya dilancarkan buku atau ensiklopedia yang berkenaan mengenai dasar kebudayaan. Di sini ingin saya nyatakan bahawa pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu telah diterbitkan dalam bentuk tiga jilid bagi menyahut hasrat ini. Edisi tambahan sedang diusahakan. Dan di samping itu, ingin juga saya nyatakan kepada Yang Berhormat bagi Tumpat tadi mengenai budaya dan sebagainya, pihak Perpustakaan Negara Malaysia telah pun mengadakan laman web yang mana ada khusus bidang itu. Jadi, saya berharap Yang Berhormat dapat mengikuti laman web itu.

Kemudian juga ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan soal membaca. Kita telah pun mengadakan segala macam kempen membaca, malah bulan lalu iaitu bulan Julai, kita namakan bulan membaca. Ini adalah sekadar untuk menimbulkan kesedaran di kalangan warga negara Malaysia untuk memikir betapa pentingnya budaya membaca.

Dan juga saya begitu tertarik dengan saranan Yang Berhormat mengenai dengan soal membaca ini. Kita di pihak kementerian, mana-mana pihak sekali pun, kita minta kerjasama bagaimana kita hendak supaya menyemai nilai yang baik di sini, supaya semua anak-anak kita - seperti mana kata Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar tadi - walaupun sehingga daripada dalam kandungan lagi pun kita mahu mereka memahami tentang soal membaca tadi. Dan jangan bimbang Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar dan Yang Berhormat bagi Tumpat, memang pihak kementerian dan di pihak kerajaan kita sentiasa memang mahu budaya membaca itu menjadi sebahagian daripada diri kita sejak daripada kecil lagi.

Dan di sini ada juga membangkitkan mengenai dengan soal meritokrasi dan mediocrity, saya rasa tak perlulah saya layan sangat, sebab semalam pun sudah saya jawab mengenai dengan meritokrasi versus mediocrity. Tetapi ingin saya nyata dan jelaskan di sini, saya mintalah, janganlah kita memperkecil-kecilkan mana pihak kerana ada sesetengah daripada kita tidak berkesempatan ke universiti, ke pusat pengajian tinggi. Dan janganlah kita anggap ini satu kumpulan mediocre. Begitu juga kalau saya hendak buat tuduhan, di pihak PAS pun ada kalangan mereka yang bila letak ketayap

dan masuk sahaja parti PAS terus dipanggil ustaz. Jadi kita tidak mahu memperlekehkan mana-mana pihak. Jadi, saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini adalah daripada kalangan yang dipilih oleh rakyat untuk mewakili sesuatu kawasan.

Maka tidaklah begitu adil sekiranya dilempar perkataan bahawa di kalangan di sebelah pihak ini adalah terdiri daripada kumpulan yang mediocre. Saya juga boleh buat tuduhan seperti itu kepada sebelah pihak. Marilah kita bersama-sama menyatakan di sini bahawa setiap orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, ada keistimewaan masing-masing.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkit mengenai dengan peranan Dewan Bahasa pertama sekali, tulisan jawi. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Sri Gading, pihak kita memang telah mengambil cabaran ini berkali-kali dan saya berharap segala apa cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi kita akan jadikan satu garis panduan untuk bagaimana hendak memperluas dan mempertingkatkan lagi serta juga menimbulkan kesukaan semua pihak mengenai dengan tulisan jawi.

Pertama sekali, DBP telah pun menerbitkan sebuah buku karya asal tetap sejarah tulisan jawi tahun 1995 yang dicetak dalam tulisan jawi.

Keduanya, seminar tulisan ejaan jawi telah diadakan pada April 2000 untuk tujuan penyelarasan ejaan jawi di kalangan semua institusi. Yang ini juga saya akan bawa berkenaan dengan keselarasan tulisan jawi, sebab saya tahu di Kota Bharu ada sebuah hotel yang bernama Hotel Perdana. Saya tidak tahu ejaan baru itu bertepatan ataupun tidak, (Fa-Ro-Dal-Alif-Nun), dahulu katanya Perdana; hari ini bagaimana dengan Perdana adakah ejaan diakhiri dengan Nun-Alif atau setakat Alif-Nun sahaja?

Ketiganya, mengenai dengan taklimat dan kerusi tentang ejaan jawi, telah diadakan taklimat di peringkat negeri untuk tujuan memartabatkan tulisan jawi. Di sini kita dapati Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Johor telah banyak berperanan supaya mempertingkatkan lagi penggunaan tulisan jawi.

Begitu juga Yang Berhormat Sri Gading telah menyatakan mengenai dengan pencemaran bahasa. DBP memang berusaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa yang betul di sektor awam dan sektor swasta. Pelbagai buku panduan mengenainya telah diterbitkan untuk rujukan termasuk kamus, majalah dan sebagainya.

Cuma apa yang kita mahu di sini ialah mengenai dengan kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak swasta mahu pun, sebab kadangkala kalau kita pergi ke sesetengah kedai yang kita tahu hanya yang kita terdapat kadangkala ada pencemaran bahasa. Itu kita akui. Ini adalah balik kepada peruntukan dalam majlis-majlis tempatan dan sebagainya. Umpamanya kalau kita pergi ke kedai tukang jahit, ada ditulis di situ: "Tukang Jahit Wanita" pun ada. Saya pun tidak tahu, adakah bahasa itu betul ataupun tidak. Tetapi kita tahu bahasa itu adalah salah, iaitu tukang jahit pakaian wanita, ditulis dengan ringkasnya "Tukang Jahit Wanita".

Mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Bukit Mertajam iaitu berapakah jumlah kos penerbitan ensiklopedia .....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Ini fasal penggunaan bahasa dan juga ayat-ayat. Saya cuma hendak tahu yang mana satu tepat, yang mana satu betul penggunaan bahasa yang saya hendak sebutkan ini yakni menentukan nama-nama jawatan, contoh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Ada juga pula Yang di-Pertua PIBG, Yang di-Pertua Persatuan-persatuan Teksi, Yang di-Pertua Peniaga-peniaga Kecil, jadi taraf Yang di-Pertua ini habis semua boleh. Di tempat saya ada Yang di-Pertua Anak-anak Yatim, Tuan Yang di-Pertua Persatuan Teksi, PIBG. Oleh itu kita tidak tahu ke mana tingginya perkataan Yang di-Pertua ini, sampai Yang di-Pertua Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Habis itu saya jadi Pengerusi PIBG, saya pun Yang di-Pertua PIBG Sekolah Tamil, umpamanyalah. Bolehkah terangkan sedikit, betul ataupun salah? Saya tidak faham. Cuma saya hendak minta kalau boleh Pengerusi, semua Pengerusi. Hanya Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-

Pertua Dewan Rakyat, itu sudah tertinggi, yang lain semua Pengerusi, tidak dibenarkan menggunakan perkataan Yang di-Pertua.

Apa komen? Sila jawab Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sebenarnya penggunaan perkataan-perkataan ini memanglah gelaran-gelaran ataupun kedudukan dalam jawatan itu ada perbezaan-perbezaannya dan saya amat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau. Kita boleh bawa perkara ini untuk dirujukkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun buat satu masa kita akan nyatakan bahawa jawatan-jawatan tertentu boleh menggunakan perkataan ini, yang lainnya tidak boleh dipakai tetapi buat sementara waktu ini ramai yang telah menggunakan perkataan-perkataan seperti Yang di-Pertua PIBG, Yang di-Pertua Majlis Bandaran, Yang di-Pertua Negeri dan sebagainya. Itu saya bersetuju sekali dan saya berharaplah ini akan kita bawa kepada Dewan Bahasa untuk mendapat satu penjelasan yang jelas.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, masalah Dewan Bahasa dan Pustaka ini banyak kali kita bincang dan terima kasihlah di atas kesungguhan Yang Berhormat untuk mengangkat semula martabat Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya rasa sudah tiba masanya Dewan Bahasa dan Pustaka menubuhkan sebuah panel mengumpulkan segala cerdik pandai berhubung dengan bahasa ini supaya tidak berlaku lagi tangkap muat, semata-mata untuk mengisi apabila ada keperluan untuk menyelesaikan masalah bahasa ini. Jadi, kalau boleh kementerian memikirkan satu jawatankuasa khusus mengumpulkan segala cerdik pandai berhubung dengan bahasa ini supaya tidak berlaku lagi kekeliruan supaya generasi muda yang akan datang tidak akan mencemarkan bahasa Melayu ini.

Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Saya rasa ini sebagai untuk mempertahankan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya rasa Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun menjalankan tugasnya begitu baik sekali, malah mereka juga setiap masa, setiap kali memperingati kita dan juga mengadakan bermacam-macam seminar untuk menentukan supaya bahasa kita senantiasa di tahap yang paling baik sekali.

Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat daripada Larut, saya rasa kita akan bawa perkara itu dan minta pihak mereka tubuhkan jawatankuasa untuk mengawasinya. Kalau tidak silap saya, mereka sudah mempunyai macam-macam jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh ringkaskan, saya hendak cepat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui tentang proses pembakuan bahasa Malaysia. Saya rasa usaha itu telah dijalankan sekian lama dan boleh dikatakan hampir kepada satu kejayaan, kita lihat oleh kerana pembakuan bahasa ini boleh mengelakkan pencemaran bahasa, bahasa slanga, bahasa rojak dan sebagainya. Satu penyelesaiannya ialah dengan pembakuan bahasa dan usaha ini telah lama berjalan, saya rasa duit pun banyak sudah habis dan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah merupakan antara pihak yang bergerak cergas untuk pembakuan bahasa ini, tetapi oleh kerana satu insiden yang semua kita tahu kerana marah kepada satu orang itu, semuanya dihapuskan. TV3 pun mula-mula dahulu mempraktikkan sebutan-sebutan baku, tetapi sebaik-baik sahaja orang yang dimarahi itu dibuang umpamanya, lepas itu berakhirnya pembakuan itu, sekarang ini bukan sahaja tidak guna, tambah diejek-ejekkan lagi. Bagaimana keadaan itu? Minta penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap, saya kira persoalan pembakuan bahasa ini sejak daripada awal lagilah sudah pun bahasa Melayu ini dibakukan. Maksud saya iaitu menggunakan bahasa Melayu seperti dalam bahasa Inggeris, sebagai bahasa standard. Jadi misalnya kalau kita pergi sebelah utara, timur dan sebagainya, semuanya kita cuba menggunakan sebagai satu bahasa yang standard.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap tadi ialah mengenai dengan sebutan baku, yang ini timbul sedikit masalah iaitu di sebelah

selatan disebut begini, di sebelah utara disebut begini, dan akhirnya mereka telah membuat satu ketetapan bagaimana untuk membakukan sebutan tadi. Walau bagaimanapun, saya rasa kita akan bangkitkan mengenai ini tetapi tidaklah benar untuk mengatakan kerana kita marah kepada satu-satu orang, maka kita terus hendak hapuskan soal pembakuan hari ini.

Walau bagaimanapun, buat sementara waktu ini, bahasa Melayu masih di tahap pembakuan seperti mana kata Yang Berhormat....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh saya teruskan dahulu? Yang Berhormat hendak bangkitkan lagi, mengenai dengan ini juga?

Tuan Husam bin Haji Musa: Baku. Ensiklopedia ini hendak menggunakan bahasa baku atau bahasa apa?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Bahasa baku.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Memang, bahasa baku.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak, tak, hendak tanya ini, belum tanya lagi. Belum lagi, hendak minta penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ensiklopedia ini?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baku atau tidak?

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagilah can saya tanya. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Tidak konsisten kerajaan, sekali hendak baku, sekali tak nak baku. Jadi macam mana itu, tidak konsisten itu. Adakah ini kerana politik atau kerana apa?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan soal bahasa, kita tidak pernah ada kaitan dengan politik, tidak konsisten dan sebagainya. Saya beritahu siang-siang di sini kepada Yang Berhormat Kubang Kerian, bahawa kita sentiasa konsisten dalam apa dasar yang kita telah buat dan kita tidak pernah campur aduk dengan politik.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, terima kasih. Saya cuma ingin kepastian. Bahasa baku ini yang sebenarnya daripada mana? Indonesia? Malaysia? Filipina? Kalau ikut rumpun bangsa Melayu, di Brunei ada, di Filipina ada, di Singapura ada, di Indonesia ada, di Malaysia ada. Yang mana satu yang sebenarnya? Saya minta penjelasan sedikit, kepastian.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi, mengenai dengan pembakuan sebutan tadi, memang Bahasa Melayu disebut sama. Dari segi penggunaan juga adalah sama di kawasan ataupun di daerah Nusantara ini, cuma apabila ditimbulkan pada masa yang lampau mengenai dengan sebutan Bahasa Melayu itu oleh orang Johor di mana menggunakan 'e' terlalu banyak.

Jadi, ini telah menimbulkan banyak masalah kepada pihak sebelah Utara. Akhirnya telah dipersetujui untuk disamakan apabila kita membuat satu-satu sebutan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih kadangkala menurut pakar-pakar yang tertentu macam-macam pendapat tetapi buat hari ini bahasa kita tetap bahasa baku.

Baiklah, Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan? Saya minta tidak ada lagi soalan.....

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lagi seorang Yang Berhormat bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini baku juga ya.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Ya, baku-baku. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan, iaitu berkenaan dengan bahasa baku dan bahasa Iban.

Mengikut Profesor Dr. Hasmah bahawa bahasa Iban ialah rumpun Bahasa Melayu. Saya hendak tanya seperti Berandau dan Berdamping ialah bahasa Iban, Sungai Langit dan Rumput dan sebagainya. Jadi, saya ingin tahu berapa peratuskah bahasa Iban ialah dalam Bahasa Melayu? Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi, nampaknya macam kita ini dalam seminar bahasa. *[Ketawa]* Untuk menjawab soalan itu saya rasa saya patut rujuk .....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sidang Parlimen, bukan seminarlah. Jadi, saya ingat Yang Berhormat teruskan ucapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, terima kasih. Memang betul saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Selangau tadi untuk mengatakan bahasa Iban adalah rumpun Bahasa Melayu. Bahasa Iban dalam rumpun Bahasa Melayu yang paling dekat sekali dengan Bahasa Melayu. Jadi, saya rasa bersetujulah dengan Yang Berhormat tadi, begitu juga dengan bahasa-bahasa dalam rumpun Melayu tadi.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan perkara-perkara seperti berapakah jumlah kos penerbitan ensiklopedia. Kosnya ialah RM8 juta seperti mana yang kita telah nyatakan tadi iaitu kita sebut di sini sebenarnya anggaran kos ialah RM8 juta, pembahagian kos ialah RM3 juta oleh Dewan Bahasa dan RM4.5 juta oleh UTM. Itulah pembahagian kita.

Manakala jawapan kepada berapakah naskhah yang akan dikeluarkan ialah 3,000 buah naskhah bagi setiap judul. Manakala berapa harga pula, harga bagi setiap judul adalah antara RM100 hingga RM200. Pihak Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya buku-buku diterbitkan bukan dalam Bahasa Malaysia sahaja tetapi dalam pelbagai bahasa agar dapat dipasarkan di luar Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka bukan hanya menerbitkan buku dalam Bahasa Malaysia malah juga bahasa-bahasa lain seperti dalam Bahasa Inggeris. Mengenai dengan penerbitan ensiklopedia dan kandungan asli daripada tempatan, ensiklopedia ini adalah karya asli. Ianya ditulis - inilah kali pertama karya asli - iaitu ditulis oleh pakar penulis tempatan dan bukan diterjemahkan daripada mana-mana ensiklopedia lain.

Jadi, inilah satu kebanggaan kita dan sebab itu saya rasa Yang Berhormat yang lain amat bersetuju penerbitan ensiklopedia ini. Ini adalah soal originalitynya. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga telah membangkitkan mengenai dengan kandungan ensiklopedia. Di sini ingin saya nyatakan kandungan ensiklopedia sains dan teknologi ialah:

(i) kejuruteraan kimia dan sumber asli;

(ii) kejuruteraan mekanikal;

(iii) perubatan dan kesihatan;

(iv) fizik;

(v) kimia;

(vi) matematik;

(vii) kejuruteraan elektrik;

(viii) pertanian dan perhutanan;

(ix) kejuruteraan awam;

(x) teknologi maklumat;

(xi) biologi; dan

(xii) indeks.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya amat berterima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar kerana telah membuat bermacam-macam saranan kepada

kita. Apa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan angka-angka, mengenai dengan 41% pensyarah yang tidak baca buku .

Saya tidak tahu sama ada angka itu masih kita boleh pakai ataupun tidak ataupun persoalan daripada penyelidikan juga boleh dipersoalkan. Jadi, kita tidak boleh mengambil itu sebagai satu kenyataan mutlak. Saya berharap itu boleh dikatakan penyelidikan secara rambang buat satu masa dahulu.

Walau bagaimanapun, saya tidak bersetujulah.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Buntar bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau kajian itu dijalankan oleh Dewan Bahasa sendiri dengan bantuan universiti-universiti dan Setiausaha Parlimen menafikannya dan hendak meletakkan ke sebelah sahaja kajian ini, kajian mana lagi yang hendak dipakai? Dahulu bila saya bangkitkan tiga empat hari yang lepas tentang McKenzie membuat kajian, MDC memanggil mereka buat kajian. Jawapan daripada Setiausaha Parlimen dia kata orang yang tidak pro dengan kita ini kita tidak panggillah, kita tidak pakai cakap-cakap dia. *[Disampuk]*

Jadi, saya rasa kalau sudah orang kita buat, badan dalam Kementerian Pendidikan sendiri buat dan diutarakan oleh Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak dipakai, saya tidak tahu yang mana lagi hendak dipakai. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sudah kata tadi Yang Berhormat menggunakan perangkaan tahun berapa? Hari ini sudah berapa tahun? Sebab itu saya katakan tadi saya juga boleh mempertikaikan, bukan? Masa dia buat tinjauan itu tahun berapa? Dan sampai hari ini berapa?

Jadi, adakah misalnya boleh kita terima ada gambaran di situ yang mengatakan bahawa ada pensyarah yang tidak membaca itu juga tidak boleh diterima. Kalau pensyarah tidak membaca, bagaimana dia masuk bilik kuliah?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingat Setiausaha Parlimen tidak dengar saya sebut .....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat juga pernah jadi pensyarah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: .....Setiausaha Parlimen tidak dengar. Saya menyebutkan 41% yang disebut oleh Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka ialah pensyarah yang tidak membaca penerbitan ilmiah tempatan, perkataan tempatan itu. Bukankah tadi saya beri dikotomi antara tempatan dengan negeri? Preference dengan izin, ialah luar negeri. Macam mana daripada luar negeri itu hendak jadikan supaya minda pensyarah ini menjadi minda tempatan? Itu yang saya sebut. Janganlah silap digoreng dekat .....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya faham fakta yang hendak diunjurkan di sini oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Saya amat bersetuju. Kita bukan di sini hendak mencari satu perselisihan bahawa data yang dikumpulkan itu tidak benar. Saya mempertikaikan juga apa yang telah dibangkitkan tadi untuk mengatakan bahawa 41% orang pensyarah tidak baca buku ilmiah. Itu sahaja yang saya terima. Itu saya tidak boleh terima. Ya, kalau untuk mengatakan dia tidak membaca saya tidak boleh terima.

Jadi, quotation .....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak sebut langsung, saya tidak sebut langsung yang pensyarah tidak membaca. Saya menyebut tadi 41% pensyarah-pensyarah tempatan tidak suka menggunakan bahan ilmiah tempatan. Itu yang saya sebut. Persoalannya tempatan, saya timbulkan tadi isunya ialah isu tempatan.

Bagaimana kalau kita lihat kebanyakan orang tidak suka membaca buku-buku tempatan. Ertinya antaranya terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang saya kaitkan tadi dengan pengeluaran ensiklopedia. Saya bimbang ensiklopedia ini juga tidak ada pembaca. Itu dia yang saya sebutkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, saya rasa itu adalah hak pihak Yang Berhormat untuk rasa bimbang ataupun tidak. Tetapi bagi kita, saya masih mengatakan ramai daripada kita terutama sekali di kalangan pensyarah memang membaca. Saya terus-terang qualify, saya tidak mahu lagi beri jalan di sini. Cuma apa yang saya hendak bangkitkan tadi .....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat .....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ....pihak Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga .....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ....Bukit Mertajam bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...membangkitkan mengenai dengan hari ini terdapatnya apa yang dikata minda anti ilmu dan dikaitkan dengan masjid yang mana sengaja dimatikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya minta maaf ya. Saya telah jawab soalan Yang Berhormat tadi.

Puan Chong Eng: Syarat buku bantuan itu. Adakah Yang Berhormat dapat memberi satu jawapan kepada Dewan ini kalau tidak dapat memberi jawapan, katalah tidak dapat memberi jawapan. Jangan tidak sebut.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tidak akan beri jawapan. Dia tidak ada kaitan dengan ensiklopedia.

Puan Chong Eng: Cakaplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ensiklopedia. Ya lah, saya hendak bercakaplah. Yang Berhormat sabarlah.....

Puan Chong Eng: Sudah .....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ....kalau perkara itu tidak masuk saya tidak akan cakap. *[Disampuk]* Saya sudah lepas jawab pertanyaan Yang Berhormat. Perkara yang berkaitan kalau saya hendak ambil satu-persatu hari ini macam Yang Berhormat bangkit mengenai dengan sebuah sekolah. Saya telah ambil perhatian, bukan kita hendak biarkan begitu.

Jadi, saya tidak akan jawab di sini tetapi jangan Yang Berhormat bangkitkan kepada saya. Kalau hendak jawab, jawablah, jangan tidak jawab. Saya berharap Yang Berhormat kita ada tertib di Dewan ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ....Saya juga menghormati Yang Berhormat sebagai Yang Berhormat dan bila saya kata saya tidak jawab itu, maknanya, saya akan ambil perhatian bukan saya tengah catat jawab sebab .....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...perbincangan kita ialah mengenai dengan ensiklopedia. Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Parit Buntar .....

Puan Chong Eng: Yang saya katakan hanya saya .....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: .....Hendak begitu banyak sekali. *[Disampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan? Saya tidak mahu .....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ....Saya tidak mahu gangguan daripada Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik teruskan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Berjalan keluar dari Dewan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah pandang sanalah. Teruskan ucapan. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu ..... Haiya, itu macamkah? *[Ketawa]*

Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Parit Buntar telah menyarankan mengenai minda anti ilmu saya rasa ini tidak begitu tepat.

Sebenarnya kita menggalakkan ilmu, sebab itu kita menggalak - sama ada di peringkat rendah sehinggalah peringkat atas sekali - kita menggalak orang membaca supaya di sini dapat mereka menimba segala macam ilmu.

Jadi, apa saranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang saya rasa kita bersetuju. Kedua-dua pihak bersetuju mengenai dengan penumpuan kepada soal ilmu itu. Kita memang bersetuju dari soal ini. Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga membangkitkan mengenai strategi supaya ensiklopedia yang diterbitkan mampu menarik minat orang ramai untuk membeli. Di sini pertama ialah mengenai dengan:

(i) mengenai pelancaran ensiklopedia itu. Cuba kita cari cara untuk menarik orang membelinya;

(ii) melalui pengiklanan di media cetak dan media elektronik. Ini akan dilakukan;

(iii) melantik pengedar khusus bagi mengedarkan ensiklopedia; dan

(iv) diskaun istimewa bagi pembelian secara pakej.

Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat dapat membeli seberapa banyak pakej untuk dihantar ke kawasan-kawasan Yang Berhormat.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Pengerusi, maknanya kita boleh beli dan menghantar ke sekolah-sekolah atas sifat sebagai Ahli Parlimen. Boleh ya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu terpulang kepada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak beli daripada kita.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, saya tanya boleh atau tidak boleh sebab .....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini kita kata.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...sekarang ini apa juga yang diberikan oleh Ahli Parlimen pembangkang ke sekolah-sekolah semuanya ditolak. Hendak beri komputer pun ditolak.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu Yang Berhormat uruslah dengan PPD dan Jabatan Pendidikan.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Disampuk] [Ketawa]* Macam itukah jawab kita?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ....Tidak, jawapan saya ialah itu Yang Berhormat mintalah permohonan daripada PPD dan juga JPN negeri. Itu terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan secara bijaksana.

Mengenai dengan menggalakkan masyarakat membaca yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga. Pertama sekali gerakan membaca di peringkat negeri dan juga kebangsaan telah kita adakan, malah baru-baru ini juga kita baru sahaja menyambut "Bulan Membaca".

Keduanya, kita mempamerkan dan menjual buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka bersempena dengan Pesta Buku Malaysia setiap tahun. Kita ada pesta buku pada tiap-tiap tahun dengan diskaun yang menarik untuk menggalakkan orang ramai membeli dan membaca buku. Itu telah pun kita lakukan.

Jadi, tidak adalah perkara yang kita tidak lakukan. Macam juga Yang Berhormat telah bangkitkan tadi mengenai dengan contoh Singapura. Yang Berhormat memang contoh itu baik, tetapi tidak boleh membandingkan Singapura dengan kita. Singapura adalah kawasan bandar.

Baik, Yang Berhormat beri contoh itu tetapi di sini kita harus ingatkan juga masalah-masalah lain yang kita hadapi daripada kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali. Malah, kita juga di peringkat daerah, di kampung-kampung, kita cuba wujudkan pusat-pusat bacaan.

Mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga, mengenai dengan sistem bacaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mengenai dengan kita specialize bidang-bidang tertentu seperti untuk membuat rujukan. Di sekolah juga kita minta supaya guru-guru dalam mata pelajaran khususnya dalam Bahasa Melayu, bahasa Inggeris, kita menggalakkan mereka bagaimana hendak menggunakan kamus.

Yang Berhormat Jeli - yang akhir sekali - membangkitkan soal bahasa Melayu atau bahasa Malaysia. Kedua-dua istilah ini iaitu bahasa Melayu dan bahasa Malaysia merujuk kepada bahasa yang sama. Dalam konteks ilmu dan antarabangsa istilah yang lebih sesuai ialah bahasa Melayu. Malah dalam Perlembagaan juga ada disebut di situ bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan ialah bahasa Malaysia. Bahasa Melayu bahasa Malaysia. Bagaimana pun dalam konteks politik negara, bahasa Melayu itu juga dikenali mengikut negara tertentu seperti bahasa Malaysia, bahasa Indonesia dan sebagainya.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucap ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ini. Sebagai kata akhir pertama sekali, saya ingin nyatakan di sini ensiklopedia sains dan teknologi ialah satu projek penerbitan bersama antara Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Teknologi Malaysia. UTM bertanggungjawab menyediakan manuskrip bersih dan Dewan Bahasa dan Pustaka pula dari peringkat pra-cetak, percetakan dan pemasaran. Projek ini merangkumi 12 jilid.

Akhir sekali saya ucap ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM8,000,000 di bawah kepala Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2001 di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM8,000,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan (Tamb.) (Bil.2) 2001.

Maksud B.28 dan B.29 [Jadual] -
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2001] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.28, B.29 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan dibuka untuk dibahaskan. Bagan.

4.58 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Saya menyentuh Maksud B.28 Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, dalam satu, dua tahun ini Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menghantar pegawai-pegawai tempatan mereka untuk pergi ke kedai-kedai atau pejabat-pejabat perniagaan untuk menyiasat akaun-akaun yang mereka laporkan kepada LHDN dan ada banyak rungutan bahawa pegawai-pegawai LHDN ini minta yang bukan-bukan. Mereka ada kadangkala bukan profesional dalam bidang akaun pun mereka pergi tanya ini, tanya itu . Itu bukan tanggapan saya, ini adalah pengaduan dari seorang akauntan bertauliah di tempat saya mengadu bahawa ini telah berlaku.

Jadi, beliau berkata sekiranya ada apa-apa keraguan di segi akaun maka LHDN perlulah memanggil tuan punya kedai atau akauntan untuk pergi ke pejabat LHDN untuk menjawab keraguan ini dan bukan pegawai LHDN datang sendiri ke kedai atau pejabat untuk membuat pertanyaan atau memeriksa akaun-akuan ini kerana ini kemungkinan besar akan berlakunya rasuah kalau dia bangkitkan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya kementerian boleh membuat satu garis panduan kepada pegawai-pegawai yang hendak menjalankan tugas bagaimana caranya mereka untuk pergi atau memeriksa akaun-akaun yang dikemukakan.

Maksud P.28 iaitu berkenaan dengan Samak Aquaculture Sdn. Bhd. Kalau tidak silap saya, Parlimen pernah meluluskan perbelanjaan tambahan kepada Samak Aquaculture di Kerpan, Kedah ini. Saya ingin menanya selepas kerajaan mengambil alih Samak Aquaculture Sdn. Bhd. ini ekuiti pelbagai agensi kerajaan di tahap berapa iaitu kerajaan pusat ekuitinya berapa, kerajaan negeri ekuitinya berapa dan sama ada orang perseorangan atau syarikat swasta memegang ekuitinya dan sama ada Samak Aquaculture dalam peringkat menghasilkan, sama ada membawa apa-apa keuntungan atau kerugian.

Soalan yang kedua berkenaan dengan pampasan tanah yang diambil alih oleh kerajaan dari penduduk-penduduk kawasan Kerpan pada satu masa dahulu dan ada di antara mereka enggan menerima pampasan untuk projek ini. Apakah penyelesaian setakat ini?

Itu sahaja, dua Maksud sahaja saya hendak tanyakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

5.04 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 02903 Projek Hidro Elektrik Bakun Sarawak. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana projek ini di revive dalam skel yang sudah di revive. Saya yakin bahawa projek ini akan memberi kuasa tenaga bukan sahaja kepada Sarawak tetapi negeri Sabah keseluruhannya.

Saya cuma inginkan unjuran daripada kementerian jika dibandingkan antara kos pelaburan dan juga kos operasi sama ada tenaga yang akan dibekalkan menerusi hidro elektrik Sarawak ini ke negeri Sabah akan merupakan satu harga yang boleh memberi keuntungan kepada projek hidro ini sendiri.

Saya berbincang dengan beberapa orang yang terlibat secara direct dengan tenaga ini di negeri Sabah. Saya dibayangkan bahawa jika sekilowatt tenaga itu dibekalkan melebihi daripada 65 sen, ianya merupakan satu projek yang tidak dapat meraih keuntungan di pihak Hidro Elektrik Bakun itu. Dan sama ada ada kepastian atau tidak untuk projek ini di extend ke negeri Sabah. Saya yakin jika projek ini di extend ataupun disalurkan tenaga ke negeri Sabah ia akan menyelesaikan banyak masalah tenaga di negeri Sabah terutama pengagihan tenaga yang tidak rata di antara bandar-bandar yang dibekalkan oleh kuasa IPP di negeri itu.

Perkara kedua, adalah Butiran 02904 Samak Aquaculture. Saya kira perkara venture Samak Aquaculture ini merupakan satu venture yang sudah bertahun-tahun lamanya. Saya ada ramai kawan dan kenalan yang telah melibatkan diri dalam aquaculture terutama dalam ternakan udang harimau ini dan secara kebetulan saya pernah bekerja dengan Jabatan Perikanan yang terlibat terus dalam projek aquaculture.

Projek-projek yang dilaksanakan ada di antara mereka yang telah meraih keuntungan 5 tahun, 3 tahun selepas ianya dilaksanakan. Ada juga selepas 5, 6 tahun ditutup kerana rugi. Ini berkisar kepada kesesuaian tanah, masalah sulfat, kesesuaian air dan sebagainya yang merupakan faktor-faktor sensitif yang harus diambil kira dalam

mana-mana venture pelaburan dalam bidang aquaculture ini yang melibatkan ternakan udang harimau.

Tetapi kalau kita lihat Samak ini, sudah mencapai lebih 10 tahun dan yang kita nampak, ia merupakan satu investment yang cuma mengeluarkan wang begitu banyak dan saya bersetuju dengan Bagan tadi bahawa sesi yang lalu juga pernah kita tambah kewangan untuk projek ini dan sekarang ini kita tambah lagi lebih kurang RM30 juta untuk projek yang sama.

Saya kira tiba masanya bagi kerajaan, baik Kerajaan Pusat melalui perbandaran ini, mahupun kerajaan negeri untuk menilai ekonomik analisis yang rapi, sama ada projek ini sesuai untuk diteruskan ataupun harus diberhentikan untuk tidak mengalirkan lagi pelaburan yang begitu besar. Saya katakan bahawa aquaculture adalah sensitif, dan saya ingin tahu apakah masalah besar, sama ada ianya melibatkan masalah tanah, masalah air ataupun melibatkan perkara-perkara yang lain yang menyebabkan Samak ini tidak dapat meraih keuntungan yang sepatutnya diraih oleh pelabur-pelabur hingga masa kini.

Saya kira perkara ini harus diambil kira kerana ianya sekarang telah melibatkan satu jumlah yang besar dan melibatkan urusan perbendaharaan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat.

5.07 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun turut ingin terlibat secara ringkas sahaja membahaskan B.29 dan P.28.

Berkaitan dengan B.29 terdapat di situ butiran-butiran yang saya yakin orang lain akan sentuhnya. Saya hanya ingin merujuk kepada Butiran 021800 iaitu bantuan kewangan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri Perlis bagi pengambilalihan kompleks kolam renang dari Kementerian Belia dan Sukan.

Ini saya harap dapat kita dengar penjelasan yang lebih jelas lagi sebab saya fikir tidak sesuai, tidak patut Kementerian Kewangan, Kerajaan Pusat memberikan peruntukan untuk tujuan demikian yang mana ianya ialah untuk kegunaan atau kepentingan badan-badan kemajuan ekonomi negeri yang sepatutnya tidak terlibat dalam hal ini. Ataupun kalau ingin terlibat, tidak memohon dan tidak diberikan pembiayaan RM6.1 juta oleh pihak Kerajaan Pusat.

Di bahagian yang keduanya ialah butiran-butiran berkaitan dengan 02906 dana modal teroka untuk perolehan teknologi (VCTA Fund) dan yang keduanya Butiran 02908 Malaysia Venture Capital Management Berhad (MVCMB) baru. Ini adalah perbelanjaan-perbelanjaan yang amat besar yang berjumlah kedua-duanya RM690 juta.

Saya rasa kita perlu mendapat penjelasan lagi sebab RM500 juta, RM190 juta adalah jumlah-jumlah yang amat besar dan kita ingin tahu kenapakah modal ini mesti datang daripada kementerian ataupun Kerajaan Pusat, walhal sepatutnya kita boleh menarik modal-modal daripada pihak swasta dalam negeri atau luar negeri. Jadi, soalan saya, adakah ini disebabkan oleh kerana modal dalam negeri kekurangan dan modal luar negeri tidak datang? Ini saya hendak merujuk kepada Warta Kerajaan 5 Julai 2001 Tambahan No. 31 yang mana satu item di dalamnya ialah di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 yang menyebut di sini notis penyerahan balik lesen.

Menurut Subseksyen 9(5) Akta Bank Luar Pesisir 1990, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan menyiarkan dalam jadual senarai Bank Luar Pesisir Berlesen yang telah diserahkan balik kepada lembaga. Ada lima bank yang telah serah balik lesen mereka kepada lembaga di Labuan:-

(i) Paribas, iaitu suatu bank yang besar daripada Perancis saya fikir;

(ii) PBMB International Bank Ltd. Saya tidak faham kenapa bank tempatan pun tidak yakin lagi dengan Labuan dan serah balik lesennya;

(iii) The Daici Kang Yo Bank Ltd, saya yakin daripada Jepun;

(iv) The Industrial Bank of Japan Ltd. Sudah tentu daripada Jepun; dan

(v) The Sakura Bank Ltd. Sudah tentu jugalah daripada Jepun.

Adakah ini menandakan bahawa pelabur-pelabur asing, modal-modal asing semuanya sedang ditarik keluar. Yang sedia ada, yang sudah pun ada pejabatnya, ada lesennya di Labuan serah balik lesen mereka. Adakah ini suatu petanda yang amat tidak baik bahawa keyakinan pelabur tempatan dan di sini keyakinan pelabur asing dalam kewangan dan ekonomi negara kita begitu berkurang dan menurun. Sehinggakan untuk mencari modal yang diperlukan untuk pelaburan-pelaburan baru kerajaan pada hari ini terpaksa meminta Dewan Rakyat untuk meluluskan RM500 juta, dan di satu tempat lagi RM190 juta.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

5.03 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan dalam hal bantuan kewangan sebanyak RM50 juta kepada Indah Water Konsortium Sendirian Berhad supaya mereka dapat meneruskan operasi.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang pertama saya ingin mengetengahkan aduan daripada orang ramai tentang baru-baru ini pihak IWK melalui surat khabar yang mana menunjukkan gambar yang sangat geli. Kalau kita semasa makan tengok gambar itu yang mana menunjukkan *bowl WC* seperti satu cawan yang mana makanan campur barang kotor, di rumah atau di luar kemungkinan orang itu tidak boleh tahan dan kemungkinan akan muntah. Ini saya harap pihak IWK ingin orang ramai peka dan prihatin tentang kepentingan kebersihan air. Itu satu tujuan yang baik tetapi kena buat dengan cara yang lebih sempurna supaya tidak mendatangkan satu imej yang kurang baik kepada IWK dan kepada pihak kerajaan. Saya harap melalui seruan ini, pada hari ini saya harap mereka dapat mengubahkan gambar itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin sekali lagi minta pihak IWK. Adalah lebih baik membuat perbandingan tentang caj kepada rumah kediaman, rumah premis, kedai dan premis komersial dan industri. Kalau kita membandingkan premis rumah untuk mereka yang mempunyai tangki najis penapis yang berasingan, memang itu caj RM6 satu bulan. Satu tahun RM72, jika pembayaran caj IWK dibayar dua tahun sekali, jumlahnya adalah RM144; dan daripada pengalaman kita, biasanya sebelum pihak IWK ambil alih kerja ini, biasanya rumah kedai atau rumah kediaman boleh dikatakan semua orang tidak ikut teori iaitu jika ingin tangki najis berfungsi dengan sempurna perlu ada desludging tiap-tiap enam bulan sekali tetapi tiada orang buat demikian. Ramai penduduk, mereka tunggu ada *bad flow* dari WC baru pergi periksa tangki najis, nampak sudah penuh dengan *sludge,* baru mereka minta pihak berkuasa tempatan. Pada masa itu untuk datang *desludging* dan pengalaman di Johor Bahru iaitu biasanya rumah kedai atau rumah kediaman, satu lori dicaj RM75 dan biasanya tangki najis di rumah kediaman dan rumah kedai adalah perlu dua lori iaitu RM150. Kalau kita banding di sini, boleh dikatakan caj IWK untuk rumah kediaman adalah berpatutan. Kedai lebih sedikit iaitu caj RM10 satu bulan, setahun RM120 dan dua tahun RM240 kerana biasanya orang tidak ikut enam bulan sekali.

Sepatutnya ia perlu *desludging* biasanya dua tahun sekali. *So* kalau dikira begini, kedai adalah lebih tinggi tetapi kerajaan berkemungkinan hendak melakukan untuk menolong tempat kediaman kerana banyak. Kalau di satu projek perumahan biasanya 10% kedai, 90% lain adalah rumah kediaman. Dengan ini pihak IWK caj rumah kedai lebih tinggi iaitu RM10 - perbezaan RM4 - tetapi walaupun ada rungutan namun tidak banyak.

Daripada segi industrial, bayarannya adalah banyak kerana berpandukan kepada pekerja. Seorang pekerja RM2, kalau industri itu ada 500 pekerja, satu bulan RM1,000, setahun RM12,000. Tetapi loji pembersihan *sewage* itu kalau kilang begitu besar, biasanya mereka gunakan jenis loji pembersihan *sewage* iaitu *activated sludge process* atau gunakan *imh off tank.* Pembinaan dan *maintainance* adalah oleh syarikat kilang itu. Pihak IWK tidak berbelanja apa-apa. *Effluents* yang dikeluarkan sama dengan *effluents* yang dikeluarkan daripada rumah kediaman atau rumah kedai.

Mengapa mereka dicaj RM12,000? Susah-susah Menteri Perdagangan dan Industri mencari pelabur asing datang melabur di Malaysia tetapi kemungkinan kerana caj yang tinggi ini, mereka tidak mahu datang melabur.

So ini satu perkara yang pihak IWK perlu ambil ingatan supaya kalau caj itu dikurangkan, mereka akan bayar. Jika tidak, baru-baru ini sudah ada peraturan untuk mengkompaun sesiapa yang tidak bayar. Kemungkinan pihak kerajaan hendak tolong IWK. Pada 12 Julai tahun ini di bawah Akta Perkhidmatan Pembetungan, pihak kerajaan telah meluluskan satu peraturan iaitu boleh kompaun sesiapa yang enggan membayar caj IWK iaitu boleh di kompaun sekurang-kurangnya RM300 hingga maksimum RM3,000, tetapi saya harap pihak kerajaan walaupun ada undang-undang ini yang membolehkan di kompaun, tidak payah pergi ke mahkamah. Jangan gunakan undang-undang ini supaya melalui kompaun, kita paksa mereka bayar. Yang penting kita mesti berikan pendidikan kesihatan kepada mereka, berikan kesedaran kepada mereka dan mengurangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chang See Ten: Ada sedikit lagi, sisa pepejal belum sentuh lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung, masa 10 minit sudah ....

Tuan Chang See Ten: Saya harap pihak IWK peka dan prihatin tentang hal ini dan kedua, saya ingin sebut tentang ini di kawasan yang saya terlibat iaitu kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Bandaraya Johor Bahru, SWM yang ada minta RM25,560,000 sebagai bantuan kewangan kepada Syarikat Southern Waste Management Sendirian Berhad yang menguruskan sisa pepejal bagi wilayah zon Selatan. Ini adalah kali pertama mereka minta. Saya ada banyak bukti tentang hal ini, tetapi oleh kerana had masa, saya tidak ada peluang, tetapi saya sokong permintaan ini. Sekian, terima kasih. .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Kepong.

5.21 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.28 dan B.29 sebenarnya ada 10 butiran di sini, sangat besar dan saya berharap Tuan Pengerusi boleh memberi peluang kepada semualah kerana butiran ada 10 kesemuanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya khuatir sebab biasa semua akan menunjukkan kepada perkara yang sama.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak sama, ada 10.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada 10. Misalnya Tuan Pengerusi, mengenai B.28 itu juruperunding teknikal untuk projek penyusunan semula pengangkutan awam Lembah Klang. Tidak ada orang pun sentuh. Satu pun tidak ada. Ini kerana semua 10 ini, ada terlibat dengan penswastaan termasuk dana teroka. Semua itu penswastaan. Ini memang satu perkara tambahan mengenai penswastaan hal ini.

Tuan Pengerusi, bailout pun ada juga. Kalau kita lihat ada beberapa syarikat bas termasuklah yang di bawah Renong, Park May Berhad, di situ ada di bawahnya banyak syarikat bas termasuk Plus Linear, City Liner, Selangor Omnibus dan semualah ada, kerana ada penyusunan ini dan kerana pengurusan yang tidak cekap, maka kerajaan terpaksa keluarkan wang untuk membantu dan inilah salah satu perkara yang dibangkitkan mengenai pengangkutan awam di Lembah Klang.

Sepatutnya kerajaan bersama-sama dengan pengambilan UEM oleh Dana Saham dan pengambilan LRT, Park May, Renong dan sebagainya. Semua ini patut kita bentangkan satu kertas putih supaya semua orang di sini, Ahli-ahli Parlimen dapat butiran yang lengkap untuk perbahasan kerana ini semua wang rakyat, ini bukan main termasuklah kalau kita kira Dana Saham, RM3.7 bilion. Dana Saham itu di syarikat Kementerian Kewangan dan ini wang rakyat juga. Sebab itulah saya sekali lagi mencadangkan satu kertas putih untuk semua syarikat yang diambil alih ataupun diberi bantuan ataupun diberi *soft loan. [Tepuk]* Semua ini memang perlu kita buat. Misalnya Tuan Pengerusi, patut kita adakan setiap orang 50 minit sekurang-kurangnya Tuan

Pengerusi kerana susah hendak kita hendak mendalami masalah khusus kepada misalnya bantuan untuk juruperunding teknikal untuk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat, lain kali kita buatlah pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli: Setuju.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan. Peraturan Mesyuarat tidak ada tetapkan 10 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Takkan boleh 50 minit bagi setiap orang sebagaimana Yang Berhormat telah dimaklumkan, nilai masa perlu dihadkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Tetapi, sungguh saya pun hairan juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nampaknya Yang Berhormat tidak ada lain hendak ucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak Tuan Pengerusi. Misalnya dengan pengambilan.....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masuk kepada tajuklah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masuk kepada tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Semua tajuk sebab mesti, semua masuk dalam tajuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Juruperunding teknikal untuk projek penyusunan semula pengangkutan awam Lembah Klang, LRT mohon rel, komuter, KTMB berkomuter, semua bas itu, Intrakota, City Liner, Park May dan semua itu terlibat Tuan Pengerusi. Ini memang khusus dan saya pun berharap bila balik kita semak begitu banyak perkara yang boleh kita membincangkan hari ini. Misalnya pihak Park May dan Intrakota, dia pilih bas itu yang besar-besar, yang termodenlah. Sebuah bas itu, RM200,000 ataupun lebih, bukan main.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masalah. Saya diberi 50 minitkah? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit. 5 minit sudah habis. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sri Gading, jangan meradang lagi. Saya ada 5 minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak meradang.

Dr. Tan Seng Giaw: Haa, 5 minit lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak bagikah, tidak bagi sekarang?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak bolehlah. 5 minit lagi. Macam mana hendak boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, okay.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak bolehlah Yang Berhormat. Banyak perkara hendak kita bincangkan, misalnya Intrakota dan Park May dia beli bas besar-besaran, indah khabar daripada rupa. Kita lihat itu daripada zahirnya itu baik, cukup selesa dan termodenlah sekali.

Tuan Husam bin Haji Musa: Enjin lama.

Dr. Tan Seng Giaw: Enjin lama pun tidak tahulah lama ataupun yang baru. Tetapi bila itu diuruskan, kita nampak ada rugi dan tempat-tempat di mana kita perlu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah 6 minit. Tidak nampak apa-apa cadangan yang baik dikemukakan oleh Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Saya sudah buat cadangan, satu kertas putih yang dikemukakan.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah pun buat cadangan. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung Yang Berhormat. Sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, ada .....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau Kepong boleh bagi saya sikit kertas putih ini. Soal kertas putih ini, saya hendak sokong.

Dr. Tan Seng Giaw: Jangan, janganlah ganggu lagilah. *[Ketawa].*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau kita keluarkan kertas putih keselamatan bagaimana, agak-agaknya?

Dr. Tan Seng Giaw: Haa, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita dedahkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Pengakuan, kita bukan satu kertas putih untuk semua yang rugi ini, yang diambil alih dan diberi bantuan oleh pihak kerajaan dan Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai Indah Water. Indah Water pernah kita lebih satu dekad di sini membantah kerana menggunakan formula yang tidak tepat, rumusan yang tidak tepat untuk menswastakan pembetungan dan akhirnya bagaikan mencurahkan air di daun keladi sahaja, tidak dengar langsung, seperti Sri Gadinglah. Air dicurahkan di daun keladi sahaja dan kemudian rugi. IWK sekarang pun lebih RM180 juta wang itu, tunggakan tidak dibayar langsung sebab kalau kita ada septic tank sahaja, Gelang Patah pun tahulah, sesebuah rumah itu ada pembetungan masing-masing. Memang mereka tidak rasa sangat daripada IWK, tidak rasa sangat. Apa menteri buat pun tidak rasa sangat sebab sebelum ini.....

Seorang Ahli: Tidak menyesal?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada perasaan. Mesti tidak ada sebab saya mencadangkan supaya sejak bulan Jun ini, kerajaan mengambil alih sudah 100% IWK ini. Memang kita semak semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada satu minit lagi. Sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, sila gulung. Satu minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu minit lagi? Ya. Macam mana hendak gulung? Ada 10 butiran dan termasuklah Tuan Pengerusi pun ganggu saya *[Ketawa]* Di dalam benda yang relevan pun ganggu. Tolonglah jangan ganggu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Dua minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Hah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Dua minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Hah? Dua minit lagi. Kawan saya bagi cadangan yang baik dan mestilah pihak kerajaan kaji semula macam mana kita boleh meyakinkan rakyat. Setakat ini, saya nampak tidak yakin. Asalkan mereka mempunyai septic tank atau pembetungan persendirian, susah hendak kita meyakinkan mengapa dia mesti bayar tiap-tiap bulan RM4, RM5, RM6, dan tunggakan. Dia tidak akan bayar, tidak akan bayar. Jadi, saya berharaplah tiap-tiap kali balik ke sini untuk bantuan kerajaan dan sebelum ini lebih 10 dekad yang dulu cukai pintu. Cukai pintu tidak rasa sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan akhir sekalilah ini sambil gulunglah ini mengenai akuakultur .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebab kita ada ucapan penangguhan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan habislah. Samak Aquaculture ini memang satu perkara yang sangat malang sekali kerana Kerajaan Negeri Kedah mengambi alih satu ribu ekar. Ada tanah-tanah pusaka dan sebagainya dan tidak jadi dan ada bantahan daripada orang-orang kampung tidak boleh melaksanakan sejak tahun 1997 projek ini terbengkalai. Dan kemudian tiap-tiap tahun dan dua tiga kali setahun dia minta Dewan ini meluluskan wang untuk projek Samak Aquaculture ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, saya mencadangkan pihak kementerian itu keluarkan satu rumusan satu formula bagaimana kita selesaikan projek yang terbengkalai ini. Sekian terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Mengikut peraturan mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa sokong?

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Perlunya Kajian Keciciran Pelajar di IPTA

5.37 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keciciran di peringkat institusi pengajian tinggi awam perlulah dipandang berat kerana Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad berkata pada 17 Julai yang lalu seramai 7,860 pelajar terbabit. Angka ini bukanlah kecil dan kajian menyeluruh hendaklah dibuat. Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan pernah melakukan satu kajian keciciran ke sekolah menengah pada tahun 1970-an. Masalah dikaji dan hasilnya ketika itu kejadian keciciran berkurang. Keciciran yang kebanyakannya berlaku di luar bandar dan kampung baru diatasi dengan baik dan bumiputera serta kaum yang lain yang menghadapi masalah dapat dibendung. Kemudian kerajaan mencari jalan mengatasi keciciran pelajar dari sekolah rendah memasuki sekolah menengah di atas.

Kejayaan ditambah lagi dengan terlaksananya Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menjadi senjata utama kepada usaha membasmi keciciran pelajar. Kerana itu saya melihat isu keciciran pelajar di IPTA ini begitu penting kepada negara khususnya pelajar bumiputera. Walaupun Menteri sudah menyatakan beberapa sebab keciciran seperti prestasi akademik yang tidak memuaskan dan tidak berminat meneruskan pengajian tetapi kajian menyeluruh hendaklah dilakukan.

Saya cukup bimbang dengan perkembangan politik kampus yang dipanaskan oleh pihak-pihak tertentu dengan menjadikan kerajaan dan UMNO sebagai sasaran sedangkan tugas semua pihak ialah menasihati pelajar mendapatkan keputusan cemerlang kerana jika kepimpinan baik dan semangat politik begitu tinggi pun tidak akan mendatangkan faedah jika mereka gagal atau tercicir. Berkaitan ini saya memohon di Dewan ini dengan meminta semua pihak baik Barisan Nasional mahupun pembangkang meletakkan kepada kecemerlangan akademik sebagai paling utama.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Masa mungkin tidak cukup Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya cuma ada beberapa minit. Saya cuba sikit lagi.

Seorang Ahli: Teruskan. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Faktor lain ialah pelajar terbabit tidak mendaftar kursus dan tidak menduduki peperiksaan tanpa alasan. Terdapat juga disebabkan faktor kesihatan, peribadi, kewangan atau mendapat peluang pekerjaan dan bertukar universiti. Misalnya bertukar ke IPTS atau luar negara serta juga meninggal dunia. Kajian ini perlu dilakukan segera walaupun purata yang tercicir ialah lebih 1,500 pelajar setahun atau 1% daripada keseluruhan pelajar IPTA berasaskan kenyataan Menteri bahawa angka 7,860 pelajar itu adalah antara tahun 1987 hingga kini. Lebih serius lagi ialah kejadian ini berlaku di 12 institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Kementerian tidak boleh mengatakan isu ini perkara kecil kerana prestasi pelajar yang memasuki IPTA berdasarkan kecemerlangan mereka. Apa lagi dalam konteks kemasukan ini soal ini dilihat sensitif dan adalah baik jika kementerian mendalami isu ini kerana majoritinya ialah pelajar bumiputera. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

5.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat bagi Larut kerana mengambil perhatian yang serius terhadap isu keciciran khususnya di kalangan pelajar IPTA. Sikap prihatin dan niat baik yang Yang Berhormat bagi Larut menyumbang idea dalam menangani isu yang penting ini dialu-alukan oleh Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman, isu keciciran pelajar bumiputera senantiasa dalam perhatian Kementerian Pendidikan. Kementerian ini memang sedar prestasi pelajar bumiputera di IPTA pada masa ini terkebelakang jika dibandingkan dengan pelajar kaum lain. Menyedari hakikat ini usaha akan diteruskan untuk menangani masalah ini kerana negara memerlukan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi bagi menjana pembangunan ekonomi yang kini bergerak ke arah k-ekonomi dan ICT. Walaupun kadar keciciran pelajar di IPTA pada keseluruhannya masih kecil Kementerian Pendidikan tetap memandang berat isu tersebut.

Untuk makluman, Kementerian Pendidikan telah meminta IPTA untuk menjalankan kajian mengenai prestasi pelajar masing-masing. Dalam masa yang sama Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha mempertingkatkan kecemerlangan pelajar bumiputera terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Dalam ucapan balas kepada kenyataan Yang Berhormat bagi Rompin dalam Dewan yang mulia ini semalam kerajaan menyebut langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjana perubahan sikap dan nilai pelajar-pelajar. Kita amat dukacita dengan sikap cukup makan dan pencapaian minimum yang terdapat di sesetengah pelajar-pelajar di IPTA. Tindakan semasa yang sedang diambil oleh IPTA untuk memperbaiki prestasi pelajar yang lemah khususnya pelajar bumiputera ialah dengan mengadakan program dan aktiviti yang boleh menambahkan keberkesanan pembelajaran pelajar. Antaranya ialah;

(i) menyediakan latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran pembelajaran termasuk kemahiran bahasa.

(ii) mengadakan kelas tutorial yang lebih kecil supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan;

(iii) menyediakan kursus kecekapan belajar dan mengurus masa;

(iv) menganjurkan kursus-kursus khas dan kelas bimbingan kepada pelajar bumiputera;

(v) mengadakan sesi kaunseling kepada pelajar yang menghadapi masalah tertentu, misalnya masalah peribadi, kewangan dan masalah sosial melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar;

(vi) menganjurkan Sistem Mentor-Mente Group Learning, dengan izin, untuk membimbing dan memberi nasihat kepada pelajar;

(vii) memantau prestasi pelajar di IPTA yang dibuat secara berterusan dari awal semester hingga ke tahun akhir;

(viii) mengadakan program, dengan izin, *Remedial* bagi pelajar lemah; dan

(ix) mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria, interactive, semangat kerjasama dan hubungan baik di antara pelajar dengan tenaga pengajar melalui pemupukan nilai-nilai murni, penghayatan budaya ilmu, budaya menyelidik dan budaya bersaing.

Para pelajar juga sentiasa diingatkan agar menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan aktiviti ilmu untuk meningkatkan...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Just two second.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, saya selalu dengar bahawa punca menyebabkan keciciran dan sebagainya selalu disalahkan kegiatan pelajar dalam politik dan sebagainya. Tetapi tahukah Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat sendiri pun terlibat dalam kegiatan politik pelajar, maksud saya Yang Berhormat bagi Tumpat dan kebanyakan daripada pelajar-pelajar yang aktif dalam politik ini ialah *excellent, very well* daripada segi akademik dan juga kariernya. Jadi, sepatutnya mereka digalakkan, bukan mereka ditutup dalam kegiatan politik dalam kampus ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat harus dapat bezakan apa yang kita cakap hari ini ialah bahawa terdapat ramai daripada pelajar-pelajar bumiputera dari segi prestasi kecemerlangannya amat begitu menurun. Jadi, inilah salah satu daripada punca. Kita juga berharap parti pembangkang khususnya PAS tidak menyalahgunakan kampus tadi dengan kegiatan-kegiatan politik partisan, manakala di zaman kita, kita tidak pernah pun terlibat diri kita dengan politik partisan. Terima kasih, biar saya sambung.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya rasa silap itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Para pelajar juga sentiasa diingatkan agar menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan aktiviti ilmu untuk meningkatkan keintelektualan dan kecemerlangan akademik sesuai dengan kedudukan mereka sebagai bakal pemimpin generasi akan datang. Justeru itu, program sahsiah pelajar serta peraturan tata kelakuan dikaji dari semasa ke semasa bagi membendung pelajar dari terpengaruh dengan kegiatan politik partisan yang boleh menjejaskan masa depan mereka.

Kementerian Pendidikan merasa amat dukacita usaha-usaha menangani isu keciciran dan mempertingkatkan prestasi pelajar-pelajar bumiputera menjadi bertambah rumit apabila terdapat pihak tertentu yang cuba mempengaruhi pelajar-pelajar dan membuat mereka terjebak dalam mainan politik. Soal keciciran dan soal prestasi pelajar sepatutnya ditangani bersama secara *non-partisan* oleh semua pihak. Pelajar-pelajar adalah aset masa depan negara. Bila kita membincangkan kelemahan mereka, ia bererti kita memandang perkara itu serius. Kita prihatin, kita bukan memperkatakan ini semua sebagai, dengan izin, *Malay passive*.

Tanggungjawab yang diamanahkan kepada IPT merupakan cabaran yang amat berat terutama sekali di dalam era globalisasi ini. Globalisasi memperhebat pencarian ilmu melalui teknologi, kaedah dan bahan ilmu yang canggih. Oleh yang demikian, untuk mencapai kesempurnaan ini, tanggungjawab mendidik bukan sahaja terletak di bahu IPT tetapi juga menjadi agenda utama negara amnya dan Kementerian Pendidikan khususnya.

Agenda untuk pembangunan manusia ini sebenarnya bermula daripada keluarga, sekolah dan seterusnya universiti. Justeru itu, semua pihak yang terlibat adalah disaran untuk memainkan peranan mereka dalam mempertingkatkan kecemerlangan pelajar di IPTA. Kementerian ini menyambut baik saranan Yang Berhormat bagi Larut agar kajian pelajar di IPTA dilaksanakan supaya masalah ini dapat dibendung sebelum ianya semakin berleluasa. Terima kasih.

Pendaulatan Bahasa Kebangsaan
Sebagai Bahasa Ilmu dan Perpaduan

5.44 ptg.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, pendaulatan bahasa kebangsaan sebagai ilmu dan perpaduan. Awal tahun 60-an, kerajaan menganjurkan Bulan Bahasa Kebangsaan dengan berbagai-bagai aktiviti bagi menimbulkan rasa cinta penduduk negara ini kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sistem pendidikan digubal di semua peringkat sekolah hingga ke universiti ke arah memartabatkan bahasa kebangsaan. Rakyat di semua peringkat sudah menerima segala program pendaulatan bahasa kebangsaan itu. Maka, kenapa pula sekarang semacam ada angin bertiup kencang ke arah hendak mendaulatkan bahasa Inggeris pula.

Penekanan yang kelihatan disengajakan terhadap peranan bahasa Inggeris dan peri pentingnya diberi perhatian oleh rakyat, tampaknya tidak lagi pada tahap yang sewajarnya tetapi telah direncanakan ke arah mengubah Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menekankan kedudukan dan peranan bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama. Walaupun berkali-kali dan di sana sini pemimpin kerajaan menafikan peminggiran bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan, namun segala pernyataan, sikap dan langkah yang diambil sudah cukup membuktikan bahawa dasar bahasa dan dasar pendidikan negara ini direncanakan ke arah dasar dwibahasa atau dasar multi bahasa.

Malah tidak mustahil bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan akan kian terhakis peranannya selain hanya sebagai wahana komunikasi sehari-hari kerana kerap sekali ditekankan bahawa pentingnya bahasa Inggeris di dalam zaman globalisasi dan teknologi maklumat kononnya. Negara Jerman maju dalam segala bidang bukan kerana menggunakan bahasa Inggeris. Perancis maju dalam bidang sains dan teknologi bukan kerana bahasa kebangsaan mereka adalah bahasa Inggeris. Negara Belanda maju dan berteknologi tinggi bukan kerana mereka mengutamakan bahasa Inggeris. Demikian juga negara China dan Soviet Union, maju adalah dengan bahasa mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, era pandang ke timur yang mana kita diajak untuk maju dengan meniru cara kerja orang-orang Korea. Korea pun juga tidak menggunakan bahasa Inggeris. Jepun yang hampir hancur kerana kalah dalam Perang Dunia Kedua tetapi dalam tempoh beberapa tahun sahaja boleh bangun kembali setanding dengan Amerika dan England, tidak juga mendahulukan bahasa Inggeris. Namun demikian, negara-negara yang sempat disebutkan tadi bukanlah bermakna mereka menafikan kepentingan dan keperluan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan antarabangsa.

Kita sekalian akan terpaksa membayar harga yang cukup mahal, malah mungkin sama sekali tidak mampu kita bayar untuk mempertahankan kewujudan bangsa dan negara kita yang berasaskan acuan kita sendiri. Sudah lebih 43 tahun negara kita merdeka, dibina dengan berasaskan tonggak kenegaraan yang terjelma dalam bentuk dasar-dasar negara seperti Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru. Andai kata dasar-dasar tersebut mula diragui dan tampaknya akan goyah kerana diubah, entah apalah nasib rupa bangsa dan jiwa tamadun kita pada masa yang akan datang. Kita sangat bimbang takut terjadi yang dikejar tidak dapat, yang dikendong keciciran

Tuan Yang di-Pertua, suka atau tidak suka kita rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan perlu menerima hakikat bahawa latar belakang sosial dan sejarah negara ini hanya mengizinkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan perpaduan. Usaha-usaha mengeratkan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dengan disertakan sekali keperluan mengekalkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan penghantar dalam urusan hidup tanpa membelakangkan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa ibunda setiap kaum yang tinggal di Malaysia ini. Mungkin ada di sana pihak-pihak menyenangi kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Maka kalau ada inilah perkara yang mesti ditangani dengan penuh bijaksana dan serius, di samping wajar sekali sikap dan pendirian mereka itu diubah agar ianya tidak menjejaskan keharmonian dan perpaduan.

Sebagai rakyat Malaysia sepatutnya soal sukar memahami Bahasa Kebangsaan tidak timbul kerana dalam masa yang sama kita sering digembar-gemburkan dengan pemyataan tersebut yang begitu baik di kalangan-kalangan kaum-kaum bukan Melayu. Jadi, kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa kalau harimau dikenal identitinya dari belang, gajah dikenal identitinya melalui gadingnya dan identiti sesuatu bangsa tentunya dikenal melalui bahasanya. Bahasa jiwa bangsa, maju bahasa, majulah bangsa, hancur bahasa, tenggelamlah bangsa itu. Semoga kita bukan dari kalangan orang-orang yang mudah lupa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

5.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerlun di atas keprihatinan beliau terhadap usaha mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan perpaduan. Kesempatan ini ingin saya pertegas bahawa kerajaan sama sekali tidak akan merubah Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan bahasa Melayu. Ini ialah kerana sifat 'endoglosia' nya. Kedua-dua dasar itu adalah antara tonggak agama negara ini wahana perpaduan dan pembinaan bangsa Malaysia kita. Yang Berhormat bagi Jerlun tidak perlu khuatir kedudukan bahasa Melayu teguh dilindungi oleh Akta Bahasa dan Akta Pendidikan yang sedia ada, bahkan oleh Perlembagaan Persekutuan ini sendiri.

Dalam rangka untuk meningkatkan kemajuan masyarakat bangsa dan negara kerajaan melihat bahawa di samping kita menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa tamadun tinggi yang dapat mengungkapkan konsep pemikiran yang teknikal dan kompleks seiring dengan kepesatan sosiobudaya dan ilmu terkini. Kita tidak dapat menafikan peri penting mempelajari dan menguasai bahasa asing. Malah sebagai bahasa sumber ilmu, maklumat dan teknologi, bahasa apa sekali pun perlu dipelajari dan dikuasai dan tradisi ini berlaku dalam semua tamadun besar dunia termasuk tamadun Barat, Timur dan peradaban Islam. Setelah melalui peringkat nasionalisme tahun 40-an hingga 60-an sekarang kita berada di fasa kedua iaitu fasa nasionalisme, ertinya kerana cintakan negara kita berhasrat membina dan memajukan negara. Modal ekabahasa atau dengan izin, *monolingual* boleh ditingkatkan lagi dengan keadaan sekeliling dan dengan cita-cita nasionalisme yang saya sebut tadi.

Kita setia kepada bahasa ibunda tetapi kesetiaan itu tidak bererti kita menolak bahasa-bahasa lain yang manfaatnya jelas kita nampak. Andaian bahawa kalau kita mempelajari bahasa lain ia akan menyebabkan bahasa Melayu merosot adalah tidak benar. Sesiapa yang meragui fakta ini sila rujuk kenyataan Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar, seorang pakar dan nasionalis bahasa Melayu dalam makalahnya yang berjudul *'Dasar dan Setia Bahasa Dalam Masyarakat*

Pelbagai Bahasa.' Oleh itu, usaha menggalakkan masyarakat mencari bahasa Inggeris pada masa ini tidak harus disalahtafsirkan. Bagi kerajaan jelas bahawa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mempunyai fungsi masing-masing dalam tugas membangunkan negara agar mencapai tahap kecemerlangan yang seimbang seperti yang kita harapkan.

Kecemerlangan bahasa Melayu tidak menggugat kecemerlangan bahasa Inggeris, demikian juga kecemerlangan bahasa Inggeris tidak harus menggugat bahasa Melayu. Masalahnya kini, ada pihak yang keliru atau sengaja mengelirukan fungsi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam agenda kita untuk mencapai kecemerlangan tersebut. Malah pada hemat kerajaan tidak menguntungkan sama sekali untuk kita terus menerus melaga-lagakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam konteks membina kecemerlangan yang kita cita-citakan itu. Bukan sahaja setakat menguasai bahasa kedua, malah kerajaan menyeru rakyat supaya cuba menguasai bahasa ketiga seperti bahasa Jepun Arab, Perancis dan lain-lain. Lagi banyak bahasa kita kuasai, lagi terbukalah khazanah ilmu yang dapat kita mempergunakan untuk memupuk tamadun orang Melayu dan orang Malaysia.

Kerajaan sedar kebelakangan ini terdengar suara daripada sesetengah pihak yang bimbang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi akan dipinggirkan. Kebimbangan ini sama sekali tidak berasas. Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa untuk perpaduan tetap berdaulat di negara ini. Namun, realitinya ialah bahasa Inggeris telah menjadi bahasa antarabangsa, bahasa teknologi dan bahasa komunikasi antara tamadun. Ini adalah hakikat yang kita mesti terima pada setiap peringkat sejarah manusia sesuatu bangsa yang menolak bahasa antarabangsa pada zamannya akan menerima kerugian. Bangsa itu tidak dapat berdialog dan menimba ilmu dengan bangsa-bangsa lain.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mendaulatkan bahasa kebangsaan hanya akan berjaya jika semua pihak merasa bangga dan cinta akan bahasanya. Rasa bangga dan cinta akan bahasa kebangsaan itu mestilah dibuktikan dengan menggunakannya dengan baik, di tempat dan di dalam suasana yang wajar. Pelaksanaan tersebut memerlukan usaha daripada semua lapisan dan golongan dalam semua sektor di negara ini. Dengan penjelasan di atas kerajaan berharap semua pihak tidak lagi berasa syak atau bimbang tentang Dasar Bahasa Kebangsaan kita dan pendirian kerajaan dalam pelaksanaannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang.